


PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

KANDUNGAN

- 138 SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG HAJI
- 142 PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga
- 143 PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TABUNG HAJI
- 144 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
- 147 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
- 149 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI
- 150 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
- 152 PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA DISATUKAN
- 156 PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA
- 158 PENYATA ALIRAN TUNAI
- 165 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

A wide-angle photograph of the interior of the Prophet's Mosque in Medina, Saudi Arabia. The image captures the vastness of the prayer hall, characterized by its iconic ribbed dome with intricate geometric patterns in blue and gold. Large, ornate pillars support the structure. In the background, the green-tiled mihrab and minaret are visible. Numerous pilgrims in white ihram clothing are seen walking across the polished floor. The lighting is bright, highlighting the architectural details and the movement of the people.

“...dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian, apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya, Allah mencintai orang yang bertawakal.”

(Surah Ali-Imran : 159)

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG HAJI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan dan Penyata Untung atau Rugi dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Lebihan Dana serta Penyata Aliran Tunai Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 240.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Tabung Haji atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urusan niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.


Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 22 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji berdasarkan keperluan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 OKTOBER 2021



PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga

Kami, **TAN SRI MD NOR MD YUSOF** dan **DATUK NIK MOHD HASYUDEEN YUSOFF** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang anggota Lembaga kepada **LEMBAGA TABUNG HAJI**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang disertakan seperti yang dinyatakan di muka surat 144 hingga 407* disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan kehendak Akta Tabung Haji 1995, di Malaysia, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



Bagi pihak Lembaga,

TAN SRI MD NOR MD YUSOF
PENGERUSI

27 April 2021

Bangunan Tabung Haji
201 Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur



Bagi pihak Lembaga,

DATUK NIK MOHD HASYUDEEN YUSOFF
PENGARAH URUSAN KUMPULAN
DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

27 April 2021

Bangunan Tabung Haji
201 Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur

* Muka surat mengikut susun atur Laporan Tahunan **TH** 2020 manakala muka surat pada Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan merujuk kepada muka surat yang tertera di Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji yang diaudit.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TABUNG HAJI

Kami, **TAN SRI MD NOR MD YUSOF** dan **DATO' MERINA ABU TAHIR**, yang merupakan Pengerusi dan Ketua Pegawai Kewangan sebagai pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **LEMBAGA TABUNG HAJI**, dengan sesungguhnya mengakui bahawa Penyata Kewangan yang disertakan seperti yang dinyatakan di muka surat 144 hingga 407* mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas,
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan
Pada : 27 April 2021



TAN SRI MD NOR MD YUSOF
PENGERUSI



DATO' MERINA ABU TAHIR
KETUA PEGAWAI KEWANGAN
MIA CA 8869



Di hadapan saya:

No. 30, Tingkat Bawah, Blok B,
Flat PKNS, Jalan Raja Muda Musa,
50300 Kg. Baru, Kuala Lumpur.

* Muka surat mengikut susun atur Laporan Tahunan **TH** 2020 manakala muka surat pada Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan merujuk kepada muka surat yang tertera di Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji yang diaudit.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	Kumpulan	
		2020 RM'000	2019 RM'000
Aset			
Tunai dan dana jangka pendek	5	2,134,542	6,846,876
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	6	9,631,011	6,103,957
Instrumen kewangan derivatif	7	-	31,421
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	8	4,664,332	6,735,001
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	9	21,443,732	36,471,432
Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas	10	20,687,462	20,261,801
Aset kewangan pada kos terlunas	11	2,998,515	3,166,967
Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	12	-	49,472,522
Aset takaful semula	13	-	755,796
Terimaan dari pajakan kewangan	14	1,931,665	2,053,117
Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas	15	955,241	1,801,207
Tuntutan semula cukai		12,251	113,779
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	16	-	1,170,136
Aset agrikultur	17	41,664	35,405
Inventori	18	1,039,744	1,029,381
Hartanah pelaburan	19	5,661,371	5,698,774
Pelaburan dalam entiti usahasama	20	260,710	261,740
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	21	369,943	410,101
Perhutanan	23	12,111	6,385
Perbelanjaan pembangunan ladang	24	154,480	144,775
Hakgunaan aset	25	414,651	566,885
Hartanah, loji dan peralatan	26	1,901,456	2,354,271
Aset tak ketara	27	-	137,387
Aset cukai tertunda	28	45,340	103,413
		74,360,221	145,732,529
Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual:			
Pelaburan dalam syarikat subsidiari yang akan diklasifikasikan semula sebagai syarikat bersekutu setelah penjualan selesai	29	85,768,900	-
Kumpulan aset lain	29	783,926	1,045,305
Jumlah aset		160,913,047	146,777,834

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

Nota	Kumpulan	
	2020 RM'000	2019 RM'000
Liabiliti		
Kumpulan wang simpanan pendeposit	30 75,919,809	69,417,441
Deposit daripada pelanggan perbankan	31 -	44,828,112
Akaun pelaburan pelanggan perbankan	32 -	9,297,543
Instrumen kewangan derivatif	7 17,403	38,090
Liabiliti kontrak takaful	33 -	8,197,156
Liabiliti lain	34 1,293,007	2,912,130
Tanggungan rekursa bagi pembiayaan yang dijual kepada Cagamas	35 -	1,501,187
Peruntukan zakat dan cukai	124,528	152,819
Rizab perbelanjaan	36 -	311,700
Liabiliti pajakan	37 711,404	840,257
Pinjaman	38 1,594,104	2,507,533
Peruntukan manfaat persaraan	39 862,676	772,791
Liabiliti cukai tertunda	28 118,595	111,665
	80,641,526	140,888,424
Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual:		
Pelaburan dalam syarikat subsidiari yang akan diklasifikasikan semula sebagai syarikat bersekutu setelah penjualan selesai	29 73,147,114	-
Kumpulan aset lain	29 141,550	152,895
Jumlah liabiliti	153,930,190	141,041,319

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

Nota	Kumpulan	
	2020 RM'000	2019 RM'000
Lebihan Dana		
<i>Rizab boleh agih</i>		
Rizab keuntungan	40 2,064,216	1,818,186
Rizab penyamaan	40 543,084	500,000
	2,607,300	2,318,186
<i>Rizab tidak boleh agih</i>		
Rizab statutori	40 78,285	101,627
Rizab-rizab lain	40 171,989	(338,940)
	250,274	(237,313)
Jumlah lebihan dana	2,857,574	2,080,873
Kepentingan minoriti	4,125,283	3,655,642
Jumlah lebihan dana dan kepentingan minoriti	6,982,857	5,736,515
Jumlah liabiliti dan lebihan dana	160,913,047	146,777,834

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	TH	
		2020 RM'000	2019 RM'000
Aset			
Tunai dan dana jangka pendek	5	2,790,670	3,518,133
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	6	11,495,310	4,180,722
Instrumen kewangan derivatif	7	27,025	27,025
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	8	5,102,513	5,660,816
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	9	21,528,871	19,625,154
Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas	10	20,687,462	20,261,801
Aset kewangan pada kos terlunas	11	5,439,179	5,811,654
Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	12	1,670,888	1,864,479
Terimaan dari pajakan kewangan	14	2,095,842	2,220,896
Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas	15	639,896	625,997
Hartanah pelaburan	19	3,927,707	3,995,348
Pelaburan dalam entiti usahasama	20	-	250
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	21	205,657	210,908
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	22	2,420,505	6,265,310
Hakgunaan aset	25	314,472	454,824
Hartanah, loji dan peralatan	26	413,774	481,253
		78,759,771	75,204,570
Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual:			
Pelaburan dalam syarikat subsidiari yang akan diklasifikasikan semula sebagai syarikat bersekutu setelah penjualan selesai	29	3,719,470	-
Kumpulan aset lain	29	57,113	36,413
Jumlah aset		82,536,354	75,240,983

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020 (samb.)

		TH	
		2020	2019
	Nota	RM'000	RM'000
Liabiliti			
Kumpulan wang simpanan pendeposit	30	75,919,809	69,417,441
Liabiliti lain	34	1,346,989	1,339,192
Peruntukan zakat dan cukai		117,177	104,939
Liabiliti pajakan	37	631,357	732,661
Peruntukan manfaat persaraan	39	862,131	772,059
Jumlah liabiliti		78,877,463	72,366,292
Lebihan Dana			
<i>Rizab boleh agih</i>			
Rizab keuntungan	40	2,899,634	2,656,620
Rizab penyamaan	40	543,084	500,000
		3,442,718	3,156,620
<i>Rizab tidak boleh agih</i>			
Rizab statutori	40	78,285	76,627
Rizab-rizab lain	40	137,888	(358,556)
		216,173	(281,929)
Jumlah lebihan dana		3,658,891	2,874,691
Jumlah liabiliti dan lebihan dana		82,536,354	75,240,983

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

		Kumpulan		TH	
	Nota	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
<u>Operasi berterusan</u>					
Pendapatan	41	3,501,292	3,712,820	3,111,777	3,217,384
Kos jualan		(532,982)	(847,677)	-	-
Keuntungan kasar		2,968,310	2,865,143	3,111,777	3,217,384
Pendapatan lain		174,185	214,580	39,342	82,492
Perbelanjaan pentadbiran		(617,145)	(744,227)	(558,770)	(664,184)
Perbelanjaan lain		(59,353)	(240,992)	-	(298,614)
Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit	42	(514,364)	(336,104)	(239,117)	(392,523)
Keuntungan operasi	43	1,951,633	1,758,400	2,353,232	1,944,555
Kos kewangan	44	(82,958)	(95,571)	(31,365)	(21,630)
Bahagian keuntungan/(kerugian) selepas cukai dan zakat syarikat bersekutu		(28,812)	21,960	-	-
Bahagian kerugian selepas cukai dan zakat entiti usahasama		2,998	(44,583)	-	-
Keuntungan sebelum zakat dan cukai dari operasi berterusan		1,842,861	1,640,206	2,321,867	1,922,925
Zakat	45	(105,701)	(87,997)	(105,701)	(86,185)
Cukai	46	(41,420)	(61,297)	-	-
Keuntungan daripada operasi berterusan		1,695,740	1,490,912	2,216,166	1,836,740
<u>Operasi ditamatkan</u>					
Keuntungan selepas cukai dan zakat daripada operasi ditamatkan	29	989,018	1,061,538	-	-
Keuntungan tahun semasa		2,684,758	2,552,450	2,216,166	1,836,740
Keuntungan tahun semasa diatribut kepada:					
<u>TH</u>					
- Operasi berterusan		1,691,739	1,605,458	2,216,166	1,836,740
- Operasi ditamatkan		502,632	549,689	-	-
<u>Kepentingan minoriti</u>					
- Operasi berterusan		4,001	(114,546)	-	-
- Operasi ditamatkan		486,386	511,849	-	-
		2,684,758	2,552,450	2,216,166	1,836,740

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Keuntungan tahun semasa				
- Operasi berterusan	1,695,740	1,490,912	2,216,166	1,836,740
- Operasi ditamatkan	989,018	1,061,538	-	-
Pendapatan komprehensif lain:	2,684,758	2,552,450	2,216,166	1,836,740
Item yang boleh dikelaskan semula kepada untung atau rugi:				
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:				
Perubahan bersih nilai saksama	213,849	657,853	226,948	403,077
Perubahan jangkaan kerugian kredit	12,259	21,375	12,397	21,769
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif lain	3,159	(59,301)	-	-
Perbezaan terjemahan mata wang bagi operasi luar negara	14,953	(13,615)	-	-
	244,220	606,312	239,345	424,846
Item yang tidak boleh dikelaskan semula kepada untung atau rugi:				
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	(62,100)	(157,056)	(61,972)	(156,965)
Perubahan nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	548,260	393,507	531,199	382,039
	486,160	236,451	469,227	225,074
Jumlah pendapatan komprehensif lain daripada:				
- Operasi berterusan	717,818	630,812	708,572	649,920
- Operasi ditamatkan	12,562	211,951	-	-
	730,380	842,763	708,572	649,920
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa daripada:				
- Operasi berterusan	2,413,558	2,121,724	2,924,738	2,486,660
- Operasi ditamatkan	1,001,580	1,273,489	-	-
	3,415,138	3,395,213	2,924,738	2,486,660

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

	Kumpulan		TH	
	<u>2020</u>	<u>2019</u>	<u>2020</u>	<u>2019</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa diatribut kepada:				
<u>TH</u>				
- Operasi berterusan	2,409,863	2,235,968	2,924,738	2,486,660
- Operasi ditamatkan	507,376	659,110	-	-
<u>Kepentingan Minoriti</u>				
- Operasi berterusan	3,695	(114,244)	-	-
- Operasi ditamatkan	494,204	614,379	-	-
	3,415,138	3,395,213	2,924,738	2,486,660

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Kumpulan	Diatribut kepada <i>TH</i>						Jumlah lebih dana dan kepentingan minoriti
	<i>Tidak boleh agih</i>		<i>Boleh agih</i>			Kepentingan minoriti	
	Rizab statutori (Nota 40)	Rizab-rizab lain (Nota 40)	Rizab penyamaan (Nota 40)	Rizab keuntungan (Nota 40)	Jumlah lebih dana		
<u>2020</u>	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2020	101,627	(338,940)	500,000	1,818,186	2,080,873	3,655,642	5,736,515
Keuntungan tahun semasa	-	-	-	2,194,371	2,194,371	490,387	2,684,758
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	277	-	(62,162)	(61,885)	(215)	(62,100)
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:							
Perubahan bersih nilai saksama	-	208,909	-	-	208,909	4,940	213,849
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	12,259	-	-	12,259	-	12,259
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif lain	-	3,159	-	-	3,159	-	3,159
Perubahan nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	548,260	-	-	548,260	-	548,260
Perbezaan terjemahan mata wang bagi operasi luar negara	-	12,166	-	-	12,166	2,787	14,953
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain tahun semasa	-	785,030	-	(62,162)	722,868	7,512	730,380

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

		Diatribut kepada <i>TH</i>					
		Tidak boleh agih		Boleh agih			
Kumpulan							Jumlah lebih dana dan kepentingan minoriti
	Rizab statutori (Nota 40)	Rizab-rizab lain (Nota 40)	Rizab penyamaan (Nota 40)	Rizab keuntungan (Nota 40)	Jumlah lebih dana	Kepentingan minoriti	
<u>2020</u> (samb.)	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(Sambungan dari muka surat sebelum)							
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	-	785,030	-	2,132,209	2,917,239	497,899	3,415,138
Penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	(274,101)	-	274,101	-	-	-
Perubahan dalam pegangan struktur kumpulan	-	-	-	-	-	118,633	118,633
Pengagihan keuntungan tahun semasa dibayar kepada pendeposit (Nota 30)	-	-	-	(2,140,538)	(2,140,538)	-	(2,140,538)
Dividen pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	(146,891)	(146,891)
Pindahan antara rizab	(23,342)	-	43,084	(19,742)	-		-
Pada 31 Disember 2020	78,285	171,989	543,084	2,064,216	2,857,574	4,125,283	6,982,857

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

Kumpulan	Diatribut kepada <i>TH</i>						Jumlah lebih dana dan kepentingan minoriti
	Tidak boleh agih			Boleh agih			
	Rizab statutori (Nota 40)	Rizab-rizab lain (Nota 40)	Rizab penyamaan (Nota 40)	Rizab keuntungan (Nota 40)	Jumlah lebih dana	Kepentingan minoriti	
<u>2019</u>	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2019	86,627	(1,262,354)	438,351	849,808	112,432	3,315,422	3,427,854
Keuntungan tahun semasa	-	-	-	2,155,147	2,155,147	397,303	2,552,450
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	22	-	(157,016)	(156,994)	(62)	(157,056)
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:							
Perubahan bersih nilai saksama	-	533,730	-	-	533,730	124,123	657,853
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	21,375	-	-	21,375	-	21,375
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif lain	-	(34,903)	-	-	(34,903)	(24,398)	(59,301)
Perubahan nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	393,507	-	-	393,507	-	393,507
Perbezaan terjemahan mata wang bagi operasi luar negara	-	(16,784)	-	-	(16,784)	3,169	(13,615)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain tahun semasa	-	896,947	-	(157,016)	739,931	102,832	842,763

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

Kumpulan	Diatribut kepada <i>TH</i>						Jumlah lebih dana dan kepentingan minoriti RM'000
	Tidak boleh agih			Boleh agih			
	Rizab statutori (Nota 40) RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 40) RM'000	Rizab penyamaan (Nota 40) RM'000	Rizab keuntungan (Nota 40) RM'000	Jumlah lebih dana RM'000	Kepentingan minoriti RM'000	
<u>2019</u> (samb.)							
(Sambungan dari muka surat sebelum)							
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	-	896,947	-	1,998,131	2,895,078	500,135	3,395,213
Penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	29,466	-	(29,466)	-	-	-
Perubahan dalam pegangan struktur kumpulan	-	(2,999)	-	(679)	(3,678)	89,996	86,318
Pengagihan keuntungan tahun semasa dibayar kepada pendeposit (Nota 30)	-	-	-	(922,959)	(922,959)	-	(922,959)
Dividen pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	(249,911)	(249,911)
Pindahan antara rizab	15,000	-	61,649	(76,649)	-	-	-
Pada 31 Disember 2019	101,627	(338,940)	500,000	1,818,186	2,080,873	3,655,642	5,736,515

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

TH	Diatribut kepada TH				
	Tidak boleh agih		Boleh agih		
	Rizab statutori (Nota 40) RM'000	Rizab/(defisit) nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (Nota 40) RM'000	Rizab penyamaan (Nota 40) RM'000	Rizab keuntungan (Nota 40) RM'000	Jumlah lebih dana RM'000
Pada 1 Januari 2020	76,627	(358,556)	500,000	2,656,620	2,874,691
Keuntungan tahun semasa	-	-	-	2,216,166	2,216,166
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	-	-	(61,972)	(61,972)
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:					
Perubahan bersih nilai saksama instrumen hutang	-	226,948	-	-	226,948
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	12,397	-	-	12,397
Perubahan bersih nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	531,199	-	-	531,199
Jumlah pendapatan komprehensif lain tahun semasa	-	770,544	-	(61,972)	708,572
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	-	770,544	-	2,154,194	2,924,738
Penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	(274,100)	-	274,100	-
Pindahan antara rizab	1,658	-	43,084	(44,742)	-
Pengagihan keuntungan tahun semasa dibayar kepada pendeposit (Nota 30)	-	-	-	(2,140,538)	(2,140,538)
Pada 31 Disember 2020	78,285	137,888	543,084	2,899,634	3,658,891

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

<i>TH</i>	Diatribut kepada <i>TH</i>				
	<i>Tidak boleh agih</i>		<i>Boleh agih</i>		
	Defisit nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		Rizab penyamaan	Rizab keuntungan	Jumlah lebihan dana
	Rizab statutori (Nota 40)	Rizab lain (Nota 40)	(Nota 40)	(Nota 40)	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2019	76,627	(1,194,907)	438,351	1,990,919	1,310,990
Keuntungan tahun semasa	-	-	-	1,836,740	1,836,740
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	-	-	(156,965)	(156,965)
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:					
Perubahan bersih nilai saksama instrumen hutang	-	403,077	-	-	403,077
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	21,769	-	-	21,769
Perubahan bersih nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	382,039	-	-	382,039
Jumlah pendapatan komprehensif lain tahun semasa	-	806,885	-	(156,965)	649,920
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	-	806,885	-	1,679,775	2,486,660
Penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	29,466	-	(29,466)	-
Pindahan antara rizab	-	-	61,649	(61,649)	-
Pengagihan keuntungan tahun semasa dibayar kepada pendeposit (Nota 30)	-	-	-	(922,959)	(922,959)
Pada 31 Disember 2019	76,627	(358,556)	500,000	2,656,620	2,874,691

Lembaga Tabung Haji(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	Kumpulan		TH	
	2020	2019	2020	2019
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan sebelum zakat dan cukai				
Daripada operasi berterusan	1,842,861	1,640,206	2,321,867	1,922,925
Daripada operasi yang ditamatkan	1,097,285	1,205,185	-	-
Pelarasan untuk:				
Susut nilai hak gunaan aset	23,510	216,154	4,913	192,290
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	172,738	274,749	81,634	124,755
Pelunasan aset tak ketara	11,468	36,812	-	-
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	(656)	(3,757)	(12)	(3,292)
Keuntungan daripada penjualan hartanah pelaburan	(17)	(7,978)	(17)	(7,978)
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	638	336	78	-
Hartanah pelaburan dihapus kira	383	-	383	-
Perbelanjaan pembangunan ladang dihapus kira	2,869	1,043	-	-
Terimaan hutang dihapus kira	-	2,451	13,752	2,450
Dividen daripada syarikat subsidiari	-	-	(119,651)	(191,937)
Dividen daripada syarikat bersekutu	-	-	(6,095)	(8,027)
Dividen daripada ekuiti tercatat	(227,771)	(180,887)	(227,774)	(180,887)
Dividen daripada ekuiti tidak tercatat	(30,418)	(41,791)	(30,233)	(41,791)
Dividen daripada pengurus dana luar	(20,735)	(20,170)	(20,735)	(20,170)
Dividen daripada unit amanah	(30,715)	(34,565)	(30,715)	(34,565)
Pendapatan sekuriti hutang	(763,981)	(812,441)	(835,005)	(927,802)
Peningkatan diskaun UJSB	(817,726)	(469,123)	(817,726)	(469,123)
(Keuntungan)/Kerugian jualan aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, bersih	(274,101)	(230,465)	(274,101)	29,466
Keuntungan jualan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, bersih	-	(26,638)	-	(460)
Keuntungan sijil hutang boleh niaga dan aset kewangan lain	(110,996)	(107,510)	(111,839)	(107,510)
Pulangan daripada pengurus dana luar	(2,039)	(5,379)	(2,039)	(5,379)
Keuntungan urus niaga derivatif	-	(14,599)	-	(14,599)
Pelunasan premium sekuriti hutang	13,889	14,940	13,889	14,940
Peningkatan diskaun sekuriti hutang	(72,282)	(106,673)	(111,222)	(106,673)
Keuntungan penjualan sekuriti hutang	(52,808)	(129,857)	(52,808)	(129,857)
Keuntungan penjualan syarikat subsidiari	(8,135)	-	-	-
Keuntungan penjualan syarikat bersekutu	(749)	-	(749)	-

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
<i>(Sambungan dari muka surat sebelum)</i>				
Kerugian penjualan entiti usahasama	89	-	262	-
Keuntungan pembiayaan kepada syarikat subsidiari	-	-	(98,616)	(98,288)
Rosot nilai syarikat subsidiari	-	-	128,869	40,007
Rosot nilai syarikat bersekutu	5,251	40	5,251	-
Rosot nilai entiti usahasama	-	45,000	-	52,400
Rosot nilai hartanah, loji dan peralatan	72,504	84,397	-	-
Rosot nilai kos pembangunan ladang	5,329	20,316	-	-
Rosot nilai perbelanjaan pembangunan hartanah	-	8,086	-	-
Rosot nilai aset tak ketara	-	9,761	-	-
Rosot nilai inventori	-	273	-	-
Rosot nilai terimaan hutang	-	349	-	-
Rosot nilai aset dipegang untuk dijual	46,851	74,637	-	-
Rosot nilai hak guna aset	898	41,118	-	-
Hapuskira pelaburan entiti usahasama	16	-	-	-
Hapuskira jumlah hutang daripada syarikat subsidiari	-	-	-	2,590
Hapuskira lain-lain pelaburan	19,298	-	19,298	-
Rosot nilai diambil semula syarikat subsidiari	-	-	(3,534)	(11,902)
Rosot nilai diambil semula syarikat bersekutu	-	-	-	(28,959)
Rosot nilai diambil semula entiti usahasama	(4,645)	-	-	-
Rosot nilai diambil semula pembiayaan dan pendahuluan	-	-	(179,620)	-
Rosot nilai diambil semula hartanah, loji dan peralatan	(15,982)	-	-	-
Rosot nilai diambil semula aset dipegang untuk dijual	(20,963)	-	(20,963)	-
Perubahan nilai saksama hartanah pelaburan	140,889	128,769	100,074	31,995
Perubahan nilai saksama perhutanan	(5,726)	43,215	-	-
Perubahan nilai saksama aset agrikultur	(3,197)	(11,031)	-	-
Perubahan nilai saksama aset derivatif	-	1,322	-	-
Perubahan nilai saksama jumlah terimaan hutang daripada Pelan Penstrukturan Semula	(7,322)	(10,714)	(7,322)	(10,714)
Perubahan nilai saksama aset kewangan melalui untung atau rugi	(109,121)	(226,120)	(107,431)	(168,925)

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari**PENYATA ALIRAN TUNAI**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

	Kumpulan		TH	
	2020	2019	2020	2019
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<i>(Sambungan dari muka surat sebelum)</i>				
Perubahan rizab aktuari/rizab sumbangan belum diperoleh	-	(13,750)	-	-
Penyelesaian ekuiti bayaran berasaskan saham	-	17,945	-	-
Jangkaan kerugian kredit/Peruntukan rosot nilai pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	-	190,829	15,554	331,969
Jangkaan kerugian kredit jumlah terimaan hutang	7,337	10,597	6,706	764
Jangkaan kerugian kredit terimaan dari pajakan kewangan	221,976	12,937	221,976	12,937
Jangkaan kerugian kredit jumlah hutang daripada entiti usahasama	154,613	-	-	-
Jangkaan kerugian kredit terimaan dividen dan jumlah hutang daripada syarikat subsidiari	-	-	13,377	81,143
Jangkaan kerugian kredit aset kewangan lain	3,200	-	3,200	-
Jangkaan kerugian kredit sekuriti hutang	14,790	22,232	14,790	22,233
Peruntukan pelan manfaat persaraan	64,040	61,390	63,909	61,202
Bahagian kerugian/(keuntungan) selepas cukai dan zakat syarikat bersekutu	28,812	(21,960)	-	-
Bahagian kerugian/(keuntungan) selepas cukai dan zakat entiti usahasama	(2,998)	44,583	-	-
Jumlah aset bersih dipindahkan ke aset dipegang untuk dijual	(1,154,716)	-	-	-
Zakat	105,701	87,997	105,701	86,185
Keuntungan terjemahan asing belum realis	(48,318)	(116,812)	(26,402)	(70,357)
Perbelanjaan keuntungan pajakan	41,674	27,255	31,365	21,630
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	312,792	1,732,704	82,239	392,686
Perubahan modal kerja:				
Inventori	(10,363)	119,628	-	-
Tunai dan dana jangka pendek TKJHM dan TWT	(10,148)	49,472	(10,148)	49,472
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	(6,108,342)	(4,120,985)	(7,314,588)	(3,402,834)
Jumlah hutang perniagaan dan lain-lain	(739,976)	(803,032)	(12,635)	(1,180,858)
Jumlah piutang perniagaan dan lain-lain	181,802	2,015,804	209,444	554,302
Hak guna aset	(23,045)	169,367	135,439	169,367
Terimaan dari pajakan kewangan	142,977	154,454	138,398	174,964
Liabiliti pajakan	41,675	51,816	31,365	46,778
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	-	432,148	-	-
Bil-bil bayaran	-	7,970	-	-

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
<i>(Sambungan dari muka surat sebelum)</i>				
Pembiayaan pelanggan perbankan	-	(3,982,671)	-	-
Akaun pelaburan pelanggan perbankan	-	4,759,890	-	-
Deposit daripada pelanggan perbankan	-	(2,680,832)	-	-
Penjualan/(Pemerolehan) hartanah pelaburan, bersih	1,541	(5,837)	-	(5,837)
Hasil dari penjualan aset dipegang untuk dijual	-	14,865	-	14,865
Hasil dari penjualan syarikat subsidiari	-	100,000	-	100,000
Hasil dari penjualan entiti usahasama	749	-	749	-
Pelaburan tambahan dalam entiti usahasama	(512)	(12,000)	(512)	(12,000)
Belian urus niaga ekuiti, bersih	(1,048,679)	(762,903)	(1,048,679)	(762,903)
Pembelian/(Penjualan) sekuriti hutang, bersih	(370,355)	2,733,664	(370,355)	2,733,664
Pelaburan dalam aset kewangan lain, bersih	632,353	1,587,203	1,132,353	1,596,726
Hasil dari urus niaga UJSB	399,387	-	399,387	-
Hasil dari urus niaga derivatif kewangan	-	21,092	-	21,092
Dividen daripada syarikat subsidiari	-	-	152,937	131,243
Dividen daripada syarikat bersekutu	4,449	6,772	4,449	6,772
Dividen daripada ekuiti tercatat	105,516	117,685	105,516	117,685
Dividen daripada ekuiti tidak tercatat	-	45,200	-	45,200
Dividen daripada unit amanah	30,715	34,565	30,715	34,565
Dividen daripada pelaburan diurus oleh pengurus dana luar	27,914	-	27,914	-
Kupon daripada sekuriti hutang	747,596	955,868	747,596	955,868
Bayaran semula/(pengeluaran) pembiayaan kepada subsidiari, bersih	-	-	386,636	(20,500)
Bayaran semula keuntungan pembiayaan kepada subsidiari	-	-	95,116	133,715
Kumpulan wang simpanan pendeposit	6,502,368	(5,071,545)	6,502,368	(5,071,545)
Perubahan manfaat kakitangan	185	-	-	-
Tunai diperoleh daripada/(digunakan untuk) aktiviti operasi	820,599	(2,329,638)	1,425,704	(3,177,513)

(Bersambung di muka surat sebelah)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
<i>(Sambungan dari muka surat sebelum)</i>				
Agihan keuntungan kepada pendeposit	(2,140,538)	(922,962)	(2,140,538)	(922,962)
Bayaran zakat	(95,252)	(92,684)	(93,460)	(76,767)
Bayaran cukai	(37,856)	(358,128)	-	-
Bayaran balik cukai	41,420	32,667	-	16,755
Bayaran liabiliti pajakan	(21,618)	(382,695)	(3,220)	(333,834)
Bayaran kos kewangan dari liabiliti pajakan	(9,518)	(10,078)	-	-
Bayaran kos pembiayaan	32,609	(28,406)	-	-
Bayaran pelan manfaat persaraan	(36,255)	(21,958)	(35,809)	(21,869)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi	(1,446,409)	(4,113,882)	(847,323)	(4,516,190)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan				
Hasil dari penjualan/(Belian) hartanah, loji dan peralatan, bersih	35,168	(102,157)	25,229	(18,782)
Pemerolehan hartanah pelaburan	(76,703)	(92,362)	(31,275)	-
Pelaburan dalam aset tak ketara	-	(4,689)	-	-
Perbelanjaan pembangunan ladang	(22,340)	(58,602)	-	-
Perbelanjaan perhutanan	-	(11,479)	-	-
Aset agrikultur	3,062	-	-	-
Pelaburan tambahan dalam entiti usahasama	(85,739)	(8,000)	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(146,552)	(277,289)	(6,046)	(18,782)
Aliran tunai daripada aktiviti kewangan				
Terimaan daripada pinjaman	590,095	620,072	-	-
Bayaran balik pinjaman	(376,200)	(697,093)	-	-
Bayaran balik liabiliti pajakan kewangan	(12,699)	(10,028)	-	-
Bayaran balik modal syer	(2,167)	(100,000)	-	-
Peningkatan tunai dicagar bagi kemudahan perbankan	-	(410)	-	-
Bayaran dividen kepada kepentingan minoriti	(10,300)	(54,214)	-	-
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti kewangan	188,729	(241,673)	-	-

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

(Sambungan dari muka surat sebelum)

	Kumpulan		TH	
	2020	2019	2020	2019
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pengurangan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(1,404,232)	(4,632,844)	(853,369)	(4,534,972)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	5,990,169	10,627,559	2,766,222	7,306,396
Pengkelasan kepada aset dipegang untuk dijual untuk baki awal	(3,334,771)	-	-	-
Pengkelasan kepada FVTPL dan penjualan kepada SPV	-	(431)	-	-
Pengkelasan kepada entiti usahasama	-	(5,005)	-	-
Perbezaan terjemahan mata wang asing	(10,913)	890	(14,146)	(5,202)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	1,240,253	5,990,169	1,898,707	2,766,222
<u>Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi:</u>				
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 5)	2,134,542	6,846,876	2,790,670	3,518,133
Tunai dipegang oleh TKJHM dan TWT	(399,168)	(389,020)	(399,168)	(389,020)
Tunai dipegang oleh pengurus dana luar	(492,795)	(362,891)	(492,795)	(362,891)
Deposit dicagarkan	(2,326)	(104,365)	-	-
Dipindahkan kepada aset dipegang untuk dijual	-	(431)	-	-
	1,240,253	5,990,169	1,898,707	2,766,222

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

Penyesuaian bagi pergerakan baki pinjaman dengan aliran tunai berkaitan dengan aktiviti kewangan adalah seperti berikut :

Kumpulan

	Pada 1 Januari	Hasil daripada pengambilan pinjaman	Bayaran balik pinjaman	Pindaan kepada liabiliti berkaitan aset yang dipegang untuk dijual	Perbezaan mata wang asing	Pada 31 Disember
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
2020						
Pinjaman Murabahah	545,015	590,095	-	-	12,060	1,147,170
Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i	276,236	-	(11,590)	-	-	264,646
Sukuk Murabahah	1,157,455	-	-	(1,157,455)	-	-
Komoditi Murabahah Pusingan-i	60,000	-	(60,000)	-	-	-
Pinjaman Perdagangan Islam-i	10,271	-	(10,271)	-	-	-
Pinjaman bertempoh	365,841	-	(200,969)	-	13,416	178,288
Overdraf bank dan kredit pusingan	92,715	-	(93,370)	-	4,655	4,000
	2,507,533	590,095	(376,200)	(1,157,455)	30,131	1,594,104

	Pada 1 Januari	Hasil daripada pengambilan pinjaman	Bayaran balik pinjaman	Pindaan kepada liabiliti berkaitan aset yang dipegang untuk dijual	Perbezaan mata wang asing	Pada 31 Disember
	RM'000	RM'000	RMw'000	RM'000	RM'000	RM'000
2019						
Pinjaman Murabahah	430,952	350,526	(244,394)	-	7,931	545,015
Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i	298,431	7,805	(30,000)	-	-	276,236
Sukuk Murabahah	1,157,395	60	-	-	-	1,157,455
Komoditi Murabahah Pusingan-i	-	60,000	-	-	-	60,000
Pinjaman Perdagangan Islam-i	11,544	120,058	(121,331)	-	-	10,271
Pinjaman bertempoh	607,556	47,724	(281,368)	-	(8,071)	365,841
Overdraf bank dan kredit pusingan	78,816	33,899	(20,000)	-	-	92,715
	2,584,694	620,072	(697,093)	-	(140)	2,507,533

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1. Maklumat korporat

Lembaga Tabung Haji (“**TH**”) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Tabung Haji 1995 (“Akta 535”) untuk mengendali dan menguruskan perjalanan jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci.

Sebagai mematuhi Seksyen 4 Akta **TH**, aktiviti utama **TH** adalah seperti berikut:

- (i) untuk menguruskan simpanan para pendeposit untuk menunaikan haji, atau sebagai pelaburan atau tujuan-tujuan lain;
- (ii) untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan kebajikan jemaah; dan
- (iii) untuk melaksanakan perkara-perkara lain yang dibenarkan di bawah Akta **TH** seperti pengurusan aset melalui pemegangan pelaburan dan penyewaan hartanah.

Selain menguruskan simpanan para pendeposit, **TH** dibenarkan, di bawah Seksyen 15 Akta **TH**, untuk menerima dana dari sumber-sumber seperti pemberian, derma, hadiah, sumbangan, dan pusaka, apa-apa pembayaran yang dibuat kepada **TH** untuk pembiayaan atau bantuan kewangan dibuat oleh **TH**, semua pendapatan dari pelaburan atau jumlah yang diterima untuk pinjaman yang dibuat oleh **TH**, jika ada. Ini dikenali secara kolektif sebagai Kumpulan Wang.

Seksyen 15 Akta **TH** juga membenarkan Dana digunakan untuk tujuan pengeluaran deposit, pembayaran pinjaman, perbelanjaan pentadbiran, pemberian pinjaman dan pendahuluan serta perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pengurusan Kumpulan Wang dan fungsi **TH**.

Lokasi utama perniagaan terletak di Bangunan Tabung Haji, 201 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 22. Tiada sebarang perubahan ketara dalam jenis aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 merangkumi penyata kewangan **TH** dan syarikat-syarikat subsidiari, termasuk perakaunan ekuiti bagi kepentingan dalam syarikat bersekutu dan entiti usahasama (secara bersama dikenali sebagai Kumpulan).

Penyata kewangan ini diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah **TH** (“Lembaga”) pada 27 April 2021.

2. Asas penyediaan penyata kewangan

(a) Komposisi penyata kewangan

Penyata kewangan yang disediakan oleh **TH** merangkumi semua aset, liabiliti dan lebihan dana kepunyaan Kumpulan Wang selari dengan Seksyen 15 Akta **TH** di mana Kumpulan Wang ditadbir dan dikawal oleh **TH**.

Komponen utama penyata kewangan TH adalah seperti berikut:

(i) Aset

Aset merangkumi semua pelaburan yang dilakukan oleh **TH**, yang mempunyai kawalan dan hak undang-undang ke atas aset tersebut, seperti yang ditentukan dalam Seksyen 4 Akta **TH**, walaupun pemilikan bermanfaat aset dianggap dipunyai oleh Kumpulan Wang. Seksyen 20(1) Akta **TH** menyatakan bahawa aset Kumpulan Wang harus, setakat yang tidak dikehendaki dibelanjakan oleh Lembaga berdasarkan Akta **TH**, dilaburkan sepenuhnya atau sebahagian di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan dengan cara yang difikirkan wajar oleh Lembaga dan Seksyen 20(2) menyatakan bahawa Lembaga tidak boleh menggunakan kuasa pelaburan di bawah Seksyen 20 (1) tanpa persetujuan Menteri.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

2. Asas penyediaan penyata kewangan *(samb.)*

(a) Komposisi penyata kewangan *(samb.)*

Komponen utama penyata kewangan **TH** adalah seperti berikut: *(samb.)*

(ii) Liabiliti

Liabiliti meliputi semua pemiutang dan peruntukan seperti peruntukan zakat, peruntukan manfaat persaraan dan liabiliti lain, yang berkaitan dengan aktiviti utama **TH** dan yang mana **TH** mempunyai kewajipan undang-undang dan konstruktif untuk menyelesaikan liabiliti tersebut bagi pihak Kumpulan Wang.

(iii) Dana simpanan pendeposit

Dana simpanan pendeposit adalah instrumen kompaun berdasarkan komponen liabiliti yang diwakili oleh jumlah yang perlu dibayar atas permintaan, dan komponen ekuiti seperti yang dinyatakan dalam MFRS 132 *Financial Instruments : Presentation* ("MFRS 132") yang timbul daripada keuntungan yang diisytihar mengikut budi bicara pengurusan seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 22 Akta **TH**. Simpanan pendeposit dijamin oleh Kerajaan Malaysia seperti yang diperuntukkan dibawah Seksyen 24 Akta **TH** - Jaminan Bayaran Kerajaan yang menyatakan bahawa:

- (a) Jika apa-apa pembayaran oleh **TH** berhubung dengan pengeluaran oleh pendeposit tidak dapat dipenuhi daripada Kumpulan Wang atau Kumpulan Wang Rizab ia akan diambil daripada dan dibayar semula kepada Kumpulan Wang Disatukan; dan
- (b) Apa-apa bayaran daripada Kumpulan Wang Disatukan hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin dibayar balik oleh **TH** kepada Kumpulan Wang Disatukan dan sehingga ia dibayar balik, ia hendaklah menjadi hutang kepada Kerajaan dan cagaran pertama ke atas aset Kumpulan Wang dan Kumpulan Wang Rizab.

Seksyen 21 Akta **TH** menetapkan peruntukan berkaitan dengan Kumpulan Wang Rizab Dana adalah seperti berikut:

- (a) Seksyen 21(1) - **TH** hendaklah menubuhkan dan mengurus satu Kumpulan Wang Rizab.
- (b) Seksyen 21(2) - **TH** boleh dari semasa ke semasa memindahkan aset daripada Kumpulan Wang Rizab kepada Kumpulan Wang atau daripada Kumpulan Wang kepada Kumpulan Wang Rizab.
- (c) Seksyen 21(3) - Pemindahan kepada Kumpulan Wang Rizab ditentukan oleh **TH** manakala pemindahan keluar daripada Kumpulan Wang Rizab ditentukan oleh Menteri.
- (d) Seksyen 21(4) - Seksyen 20 adalah terpakai bagi aset Kumpulan Wang Rizab sebagaimana ia terpakai untuk aset Kumpulan Wang.

(iv) Agihan keuntungan kepada pendeposit

TH boleh menurut budi bicara mutlaknyanya mengisytiharkan sejumlah keuntungan kepada pendepositnya. Selaras dengan Seksyen 22 Akta **TH** - Pengisytiharan Agihan Keuntungan, syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- (a) Seksyen 22(1) - Tertakluk kepada seksyen ini, **TH** boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya menentukan pada bila-bila masa sama ada ia mampu untuk mengisytihar sejumlah keuntungan untuk diagihkan bagi suatu tempoh atau tahun tertentu Kumpulan Wang dan jika ia memutuskan untuk mengisytihar sedemikian, **TH** hendaklah, dengan kelulusan Menteri, mengisytiharkan sejumlah keuntungan yang dapat diagihkan untuk suatu tempoh atau tahun tertentu bagi Kumpulan Wang.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

2. Asas penyediaan penyata kewangan (*samb.*)

(a) Komposisi penyata kewangan (*samb.*)

Komponen utama penyata kewangan **TH** adalah seperti berikut: (*samb.*)

(iv) Agihan keuntungan kepada pendeposit (*samb.*)

- (b) Seksyen 22(2) - Jika suatu perisytiharan dibuat di bawah subsekyen (1), **TH** juga akan menentukan cara, jumlah dan masa untuk mengkreditkan keuntungan boleh diagihkan kepada pendeposit.
- (c) Seksyen 22(3) - Tiada keuntungan boleh agih boleh diisytiharkan melainkan jika **TH** telah menubuhkan satu Kumpulan Wang Rizab dan tiada keuntungan boleh agih boleh diisytiharkan dalam mana-mana tahun kecuali pada akhir tahun itu:
 - (i) aset Kumpulan Wang adalah tidak kurang daripada agregat liabiliti Kumpulan Wang, amaun yang terhutang kepada pendeposit dikira seolah-olah dibayar serta-merta; dan
 - (ii) aset Kumpulan Wang Rizab tidak kurang dari suatu peratusan jumlah sebenar terkredit kepada pendeposit pada akhir tahun termasuk keuntungan boleh agih yang diluluskan oleh Perbendaharaan.
- (d) Seksyen 22(4) - Apa-apa pembayaran yang dikehendaki dibuat daripada Kumpulan Wang bagi maksud-maksud seksyen ini hendaklah, setakat yang wang dalam Kumpulan Wang itu tak mencukupi bagi maksud itu, dibuat daripada Kumpulan Wang Rizab.
- (e) Seksyen 22(5) - Apa-apa keputusan **TH** berkenaan dengan amaun untung boleh bahagi yang akan diumpukkan kepada seseorang pendeposit adalah muktamad dan mengikat pendeposit itu dan sesuatu perakuan oleh Ketua Eksekutif hendaklah menjadi keterangan konklusif tentang untung boleh bahagi yang diumpukkan kepada pendeposit itu.

(v) Lebihan dana

Lebihan dana adalah lebihan jumlah aset berbanding jumlah liabiliti Kumpulan Wang, yang terdiri daripada yang berikut:

Boleh agih:

- (a) Rizab keuntungan
Rizab keuntungan mewakili keuntungan terkumpul boleh agih oleh **TH**, di mana berdasarkan budi bicara Lembaga, ianya dapat digunakan untuk tujuan pengagihan keuntungan tertakluk kepada Seksyen 22 Akta **TH** yang perlu dipenuhi seperti dinyatakan selanjutnya di Nota 2(a)(iv).
- (b) Rizab penyamaan
TH boleh memindahkan kepada rizab penyamaan jumlah tertentu yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa untuk memantapkan rizab **TH** dalam mencapai pengukuhan kewangan dan agihan keuntungan berhemah kepada pendeposit.

Tidak boleh agih:

- (c) Rizab berkanun
Rizab tidak boleh agih ditubuhkan sebagai Kumpulan Wang Rizab selaras dengan peruntukan Seksyen 21 Akta **TH**. Mengikut Seksyen 21(3) Akta **TH**, pindahan kepada rizab berkanun hendaklah ditentukan oleh Lembaga manakala pindahan daripada rizab berkanun hendaklah ditentukan oleh Menteri.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

2. Asas penyediaan penyata kewangan (*samb.*)

(a) Komposisi penyata kewangan (*samb.*)

Komponen utama penyata kewangan **TH** adalah seperti berikut: (*samb.*)

(v) Lebihan dana (*samb.*)

Tidak boleh agih: (*samb.*)

(d) Rizab nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

Rizab tidak boleh agih yang terdiri daripada perubahan bersih kumulatif dalam nilai saksama aset kewangan pada FVOCI. Selain itu, peruntukan kerugian yang timbul daripada pengiktirafan jangkaan kerugian kredit instrumen hutang pada FVOCI disatukan dalam rizab ini dan bukannya mengurangkan jumlah dibawa bagi aset.

(vi) Kutipan bayaran haji dari jemaah haji

Kutipan bayaran haji merupakan jumlah yang perlu dibayar oleh jemaah haji untuk melaksanakan haji pada setiap tahun. Jumlah ini dianggap sebagai pemerolehan semula kos langsung haji yang ditanggung oleh **TH**.

(vii) Dana kebajikan bagi tujuan khas (Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia ("TKJHM") dan Tabung Warga Tua ("TWT"))

Dana TKJHM ditubuhkan oleh **TH** untuk menampung kebajikan jemaah haji mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa TKJHM. Garis panduan ini menjelaskan penggunaan dana TKJHM yang antara lain merangkumi perlindungan, pengawasan dan kebajikan jemaah haji serta perkhidmatan masyarakat umum.

Sumber dana TKJHM terdiri daripada pendapatan dari pelaburan akaun tidak aktif, sumbangan dari individu, agensi dan sektor swasta, kerajaan negeri, lebihan bersih dan komisen daripada aktiviti haji.

Dana TWT ditubuhkan pada tahun 1999 oleh **TH** untuk menampung sebahagian daripada kos menunaikan haji untuk jemaah warga tua yang telah dipilih untuk melaksanakan haji pada musim haji tertentu dan yang memenuhi syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan yang melayakkan mereka untuk menerima bantuan tersebut.

Sumber dana TWT adalah dari sumbangan tidak berulang yang diterima daripada pendeposit **TH** selepas penubuhan dana TWT. Sumbangan yang tidak digunakan dilaburkan dengan institusi kewangan yang mematuhi Syariah untuk mendapatkan pendapatan yang akan digunakan untuk menampung jemaah haji warga tua yang layak untuk melaksanakan haji pada masa akan datang.

Aset dana TKJHM dan dana TWT merangkumi semua pelaburan yang dilakukan oleh **TH** kerana **TH** mempunyai kawalan dan hak undang-undang terhadap aset tersebut, walaupun manfaat pemilikan dianggap dipunyai oleh dana TKJHM dan dana TWT.

Liabiliti dana TKJHM dan dana TWT merangkumi semua pembayaran dan liabiliti lain yang berkaitan dengan aktiviti dana TKJHM dan dana TWT dan yang mana **TH** mempunyai obligasi di bawah undang-undang dan/atau secara konstruktif untuk menyelesaikan liabiliti bagi pihak dana TKJHM dan dana TWT.

Operasi kedua-dua dana kebajikan khas ini berasingan dari aktiviti operasi haji dan pelaburan **TH**, dan **TH** adalah pentadbir bagi dana-dana ini. Oleh itu, lebihan bersih dana ini dianggap sebagai liabiliti yang mewakili jumlah yang boleh dibelanjakan berdasarkan objektif dana kebajikan khas ini.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

2. Asas penyediaan penyata kewangan (*samb.*)

(b) Kenyataan pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan **TH** telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan peruntukan-peruntukan Akta **TH**.

Penyata kewangan disediakan mengikut konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar perakaunan penting seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.

Penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan **TH** dibentangkan dalam turutan mengikut tahap kecairan.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan dibundarkan kepada jumlah ribu terdekat ("000"), kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

(c) Piawaian baru dan pindaan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan **TH**

Dalam tahun semasa, Kumpulan dan **TH** telah menerima pakai pindaan kepada MFRS yang berkuatkuasa 1 Januari 2020 seperti berikut:

- *The Conceptual Framework for Financial Reporting (Revised 2018)*
- *Amendments to MFRS 3, Business Combinations - Definition of a Business*
- *Amendments to MFRS 9, Financial Instruments, MFRS 139, Financial Instruments: Recognition & Measurement and MFRS 7, Interest Rate Benchmark Reform*
- *Amendments to MFRS 16, Leases - COVID-19 Related Rent Concession (effective 1 June 2020)*
- *Amendments to MFRS 101, Presentation of Financial Statements and MFRS 108, Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors - Definition of Material*

Penerimaan pakai bagi pindaan terhadap MFRS tidak memberikan kesan signifikan kepada penyata kewangan Kumpulan dan **TH**.

(d) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran yang diterbitkan yang berkaitan dengan Kumpulan dan **TH** tetapi belum berkuat kuasa:

- (i) Tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021
 - *Amendments to MFRS 9, MFRS 139, MFRS 7, MFRS 4 and MFRS 16, Interest Rate Benchmark Reform-Phase 2*
 - *Amendments to MFRS 16, Leases - COVID-19 - Related Rent Concessions beyond 30 June 2020 (effective 1 April 2020)*
- (ii) Tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022
 - *MFRS 1, First-Time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards - subsidiary as a First-Time Adopter (Annual Improvements to MFRS Standards 2018-2020)*
 - *Illustrative Example accompanying MFRS 16, Leases – Lease incentives (Annual Improvements to MFRS Standards 2018-2020)*
 - *MFRS 141, Agriculture - Taxation in Fair Value Measurements (Annual Improvements to MFRS Standards 2018-2020)*
 - *Annual Improvements to MFRS 9, Fees in the 10% test for derecognition of financial liabilities (Annual Improvements to MFRS Standards 2018-2020)*
 - *Amendments to MFRS 3, Reference to the Conceptual Framework*
 - *Amendments to MFRS 116, Proceeds before Intended Use*
 - *Amendments to MFRS 137, Onerous Contracts - Cost of Fulfilling a Contract*

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

2. Asas penyediaan penyata kewangan *(samb.)*

(d) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran yang diterbitkan yang berkaitan dengan Kumpulan dan **TH** tetapi belum berkuat kuasa: *(samb.)*

(iii) Tahun kewangan pada atau selepas 1 Januari 2023

- *Amendments to MFRS 101, Classification of Liabilities as Current or Non-current & Disclosure of Accounting Policies*
- *MFRS 17, Insurance Contract*
- *Amendments to MFRS 17, Insurance Contract*
- *Amendments to MFRS 108, Definition of Accounting Estimates*

(iv) Tarikh berkuat kuasa belum ditetapkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia

- *Amendments to MFRS 10, Consolidated Financial Statements and MFRS 128, Investments in Associates and Joint Ventures – Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture*

Penerimaan pakai bagi pindaan terhadap MFRS tidak memberikan kesan signifikan kepada penyata kewangan Kumpulan dan **TH** pada permulaan penerapan pindaan tersebut

(e) Akaun Wakalah **TH**

Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan satu tugas tertentu mengenai hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran.

Peralihan kontrak Syariah untuk dana pendeposit kepada kontrak wakalah, daripada kontrak Wadiah Yad Dhamanah, berkuatkuasa mulai 31 Disember 2019.

Dalam konteks penyata kewangan **TH**, pendeposit sebagai prinsipal melantik **TH** sebagai ejennya untuk mentadbir dana simpanan pendeposit. Sebagai pentadbir dana, **TH** melaburkan dana tersebut dan mengagihkan keuntungan berdasarkan prestasi dana dan menguruskan urusan haji mengikut Akta **TH**. Di bawah struktur Wakalah ini, **TH** tidak mengenakan apa-apa bayaran. Walaubagaimanapun, **TH** menolak kos pengurusannya, kos haji dan zakat daripada keuntungan atau kerugian yang dihasilkan.

Perubahan takrifan kontrak Syariah dengan yang dinyatakan di atas tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Kumpulan dan **TH**.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting

Dasar perakaunan penting Kumpulan dan **TH** yang telah digunakan secara konsisten untuk tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

(a) Asas penyatuan

(i) Subsidiari

Subsidiari adalah kesemua entiti, termasuk entiti berstruktur, yang berada di bawah kawalan **TH**. Penyata kewangan syarikat subsidiari dirangkumkan dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh kawalan berkuat kuasa sehingga ke tarikh kawalan tamat.

Kawalan berlaku apabila Kumpulan terdedah kepada atau mempunyai hak ke atas pelbagai pulangan daripada penglibatan dengan entiti dan mempunyai kemampuan dalam menentukan pulangan tersebut melalui kuasanya terhadap entiti. Hak keupayaan mengundi dipertimbang bagi menilai akan adanya kawalan hanya jika keupayaan mengundi adalah substantif.

Kumpulan juga mempertimbangkan keupayaan untuk menggunakan kuasa *de facto* terhadap entiti walaupun Kumpulan tidak mempunyai kuasa mengundi majoriti sebagai contoh ketika mempunyai kemampuan untuk mengawal aktiviti-aktiviti entiti yang memberi kesan secara ketara terhadap pulangan daripada entiti.

Gabungan perniagaan diambil kira menggunakan kaedah pengambilalihan dari tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan.

Bagi pengambilalihan baru, Kumpulan mengukur jumlah muhibah pada tarikh pengambilalihan seperti berikut:

- nilai saksama jumlah ganjaran yang dipindahkan; campur
- jumlah yang diiktiraf bagi pihak yang tidak mempunyai kawalan dalam entiti yang diambil alih; campur
- jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama bagi bahagian ekuiti sedia ada entiti yang diambil alih; tolak
- jumlah bersih diiktiraf (lazimnya nilai saksama) yang dikenal pasti bagi aset yang diambil alih dan liabiliti yang ditanggung.

Jika jumlah bersih adalah negatif, keuntungan daripada tawaran pembelian (jumlah negatif muhibah) diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi.

Bagi setiap gabungan perniagaan, Kumpulan telah memilih untuk mengukur kepentingan pihak yang tidak mempunyai kawalan dalam entiti yang diambil alih sama ada pada nilai saksama atau mengikut nisbah bahagian aset bersih entiti tersebut pada tarikh pengambilalihan.

Kos transaksi, selain yang berkaitan dengan terbitan instrumen hutang atau ekuiti, yang ditanggung oleh Kumpulan berkaitan dengan gabungan perniagaan diambil kira sebagai perbelanjaan.

Jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, jumlah dibawa bagi kepentingan ekuiti yang dimiliki oleh pengambil alih sebelum ini diukur semula pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul dari pengukuran semula diiktiraf dalam untung atau rugi.

Sebarang ganjaran luar jangka yang dipindahkan oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Sebarang perubahan pada nilai saksama ganjaran luar jangka yang dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf mengikut MFRS 9 dalam untung atau rugi. Ganjaran luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula dan penyelesaian seterusnya diambil kira dalam ekuiti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(a) Asas penyatuan (*samb.*)

(ii) Pengambilalihan kepentingan minoriti (pihak yang tidak mempunyai kawalan)

Kumpulan memperakaunkan semua perubahan dalam kepentingan pemilikan syarikat subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan sebagai transaksi ekuiti antara Kumpulan dengan pemegang minoriti yang tidak mempunyai kawalan terhadap syarikat subsidiari. Sebarang perbezaan antara bahagian Kumpulan dalam aset bersih sebelum dan selepas perubahan pemilikan, dan sebarang ganjaran yang diterima atau dibayar, diselaraskan kepada atau daripada rizab Kumpulan.

(iii) Kehilangan kawalan

Apabila berlaku kehilangan kawalan terhadap syarikat subsidiari, Kumpulan menyahiktiraf aset dan liabiliti syarikat subsidiari tersebut, sebarang jumlah kepentingan minoriti dan komponen ekuiti lain berkaitan dengan subsidiari tersebut daripada penyata kedudukan kewangan yang disatukan. Sebarang lebihan atau defisit yang timbul daripada kehilangan kawalan diiktiraf dalam untung atau rugi. Jika Kumpulan menyimpan sebahagian dari kepentingan ekuiti dalam subsidiari tersebut, maka bahagian ekuiti itu dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh kawalan dilupuskan.

(iv) Pihak yang tidak mempunyai kawalan (Kepentingan minoriti)

Kepentingan minoriti pada akhir tempoh pelaporan, yang merupakan bahagian rizab dalam syarikat subsidiari yang tidak dimiliki secara langsung atau tidak langsung, dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan dan penyata perubahan lebihan dana secara berasingan daripada lebihan dana yang diatribut kepada **TH**. Bahagian kepentingan minoriti dibentangkan dalam penyata untung atau rugi dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan sebagai agihan untung atau rugi dan pendapatan atau kerugian komprehensif untuk tahun kewangan antara kepentingan minoriti dengan **TH**.

Kerugian yang dicatat oleh syarikat subsidiari diagihkan kepada kepentingan minoriti walaupun agihan tersebut akan mengakibatkan jumlah kepentingan minoriti berbaki defisit.

(v) Urus niaga yang dihapuskan atas penyatuan

Urus niaga dan baki antara syarikat-syarikat subsidiari dalam Kumpulan dan sebarang pendapatan dan perbelanjaan belum realis yang terbit daripada urus niaga antara syarikat subsidiari, dihapuskan semasa penyediaan penyata kewangan yang disatukan.

Keuntungan belum realis yang terbit daripada transaksi dengan syarikat bersekutu dan entiti usahasama dihapuskan terhadap jumlah pelaburan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat yang dilaburkan tersebut. Kerugian belum realis dihapuskan sebagaimana keuntungan belum realis tetapi hanya jika terdapatnya bukti akan tiadanya tanda-tanda rosot nilai.

(vi) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan, terhadap dasar-dasar kewangan dan operasi syarikat.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diperakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah ekuiti tolak sebarang kerugian rosot nilai. Kos pelaburan adalah termasuk kos transaksi yang berkaitan. Penyata kewangan yang disatukan merangkumi bahagian Kumpulan dalam jumlah keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, untuk menyelaraskan dasar perakaunan dengan Kumpulan, bermula dari tarikh pengaruh penting wujud sehingga tarikh pengaruh penting tersebut berakhir.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(a) Asas penyatuan (*samb.*)

(vi) Syarikat bersekutu (*samb.*)

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, jumlah dibawa kepentingan tersebut termasuk sebarang pelaburan jangka panjang dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian dihentikan kecuali jika Kumpulan mempunyai obligasi atau telah membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting terhadap syarikat bersekutu, sebarang kepentingan yang masih tersimpan dalam syarikat bersekutu pada tarikh pengaruh penting tidak lagi wujud, diukur pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai jumlah awal yang dibawa bagi aset kewangan. Perbezaan antara nilai saksama sebarang kepentingan yang masih tersimpan termasuk hasil daripada kepentingan yang dilupuskan dengan jumlah dibawa pelaburan pada tarikh kaedah ekuiti perakaunan dihentikan, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurang tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh penting, sebarang baki kepentingan tidak diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pengurangan kepentingan diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang keuntungan dan kerugian yang sebelum itu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif juga dikelaskan semula mengikut kadar pengurangan kepada untung atau rugi jika keuntungan atau kerugian tersebut perlu dikelaskan semula kepada untung atau rugi semasa pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

Keuntungan atau kerugian daripada urus niaga antara Kumpulan dengan syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu. Kerugian belum realis dihapuskan melainkan urus niaga tersebut membuktikan bahawa rosot nilai ke atas aset yang telah dipindahkan wujud.

(vii) Aturan usahasama

Aturan usahasama adalah aturan yang mana Kumpulan mempunyai kawalan bersama, ditubuhkan melalui kontrak yang memerlukan persetujuan sepenuhnya semua pihak untuk membuat keputusan terhadap aktiviti-aktiviti yang mempunyai kesan yang besar kepada pulangan yang diperolehi daripada usahasama tersebut. Pengelasan aturan usahasama sebagai operasi bersama atau entiti usahasama bergantung kepada hak dan kewajipan pihak-pihak yang terlibat dengan pengaturan yang ditubuhkan. Entiti usahasama adalah aturan usahasama yang mana pihak-pihak yang menyertai usahasama mempunyai hak terhadap aset bersih pengaturan usahasama. Operasi bersama pula merupakan aturan usahasama yang mana pengendali-pengendali mempunyai hak ke atas aset dan obligasi terhadap liabiliti berkaitan dengan pengaturan usahasama.

Kumpulan memperakaunkan kepentingannya dalam usahasama menggunakan kaedah ekuiti. Dividen yang telah dan akan diterima daripada usahasama diiktiraf sebagai pengurangan dalam jumlah dibawa bagi pelaburan ini. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam usahasama adalah sama atau melebihi kepentingannya, termasuk kepentingan jangka panjang, yang pada dasarnya membentuk sebahagian dari jumlah pelaburan bersih Kumpulan dalam usahasama, Kumpulan tidak lagi mengiktiraf kerugian selanjutnya melainkan Kumpulan mempunyai obligasi yang sah di bawah undang-undang atau konstruktif atau telah membuat pembayaran bagi pihak usahasama.

Keuntungan belum realis yang timbul daripada transaksi bersama entiti usahasama dihapuskan daripada pelaburan setakat kepentingan Kumpulan dalam pelaburan tersebut. Kerugian belum realis dihapuskan mengikut cara yang sama sebagaimana keuntungan belum realis, tetapi hanya setakat tidak terdapatnya bukti yang menunjukkan akan wujudnya rosot nilai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(a) Asas penyatuan (*samb.*)

(vii) Aturan usahasama (*samb.*)

Apabila Kumpulan tidak lagi menggunakan kaedah ekuiti bagi entiti usahasama disebabkan kehilangan kawalan bersama, sebarang kepentingan yang tersimpan dalam entiti tersebut akan diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai saksama ini menjadi jumlah dibawa awal bagi tujuan memperakaunkan selanjutnya kepentingan yang tersimpan sebagai aset kewangan. Di samping itu, sebarang nilai yang sebelum itu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif berkaitan entiti tersebut adalah diperakaunkan seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau liabiliti yang berkaitan secara langsung. Ini mungkin bermakna jumlah yang pernah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif sebelum ini dikelaskan semula kepada untung atau rugi.

Sekiranya kepentingan pemilikan dalam usahasama dikurangkan tetapi kawalan bersama dikekalkan, hanya bahagian yang berkadar dengan jumlah yang sebelum itu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif dikelaskan semula kepada untung atau rugi yang mana berkaitan.

(b) Pelaburan dalam syarikat subsidiari, entiti usahasama dan syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan

Dalam penyata kewangan **TH** yang berasingan, pelaburan dalam syarikat subsidiari, entiti usahasama dan syarikat bersekutu dibawa pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Apabila pelaburan dalam entiti-entiti ini dijual, perbezaan antara hasil jualan dengan jumlah dibawa bagi pelaburan-pelaburan ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jumlah terimaan daripada syarikat-syarikat subsidiari di mana **TH** menjangka tidak akan mendapat pembayaran balik dalam masa terdekat dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan **TH** dalam syarikat subsidiari.

(c) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi wang tunai di tangan, deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan, wang panggilan dan simpanan antara bank, yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan kematangan asal untuk tempoh tidak lebih dari tiga bulan, dan digunakan oleh Kumpulan dan **TH** dalam pengurusan komitmen jangka pendek. Untuk tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan bersih selepas ditolak overdraf bank dan deposit yang dicagarkan.

(d) Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain

Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain terdiri daripada kontrak berasaskan jualan (iaitu Bai' Bithaman Ajil, Bai Al-Inah, Murabahah, Bai Al-Dayn dan At-Tawarruq), kontrak berasaskan pajakan (iaitu Ijarah Muntahiah Bit-Tamleek dan Ijarah Thumma Al-Bai), kontrak berasaskan pembinaan (Istisna') dan kontrak Ar-Rahnu adalah aset-aset kewangan yang diukur pada kos terlunas. Pembiayaan dari **TH** terdiri daripada pembiayaan kepada syarikat subsidiari.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(e) Aset kewangan

Aset kewangan hanya diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan **TH** menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

(i) Pengkelasan

Kumpulan dan **TH** mengelaskan aset kewangannya pada pengiktirafan awal mengikut kategori pengukuran yang berikut:

- aset kewangan yang diukur selanjutnya pada nilai saksama (sama ada melalui pendapatan komprehensif lain atau melalui untung atau rugi), dan
- aset kewangan yang diukur pada kos terlunas.

(ii) Pengukuran

Pengiktirafan awal

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan **TH** mengukur aset kewangan pada nilai saksama, dan bagi aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), ditambah kos transaksi yang berkait secara langsung dengan pemerolehan aset kewangan. Kos transaksi bagi aset kewangan yang diukur pada FVTPL diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi.

Aset kewangan yang mengandungi derivatif terbenam diambil kira secara keseluruhannya apabila menentukan sama ada aliran tunai mereka adalah semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan keuntungan ("SPPP").

Pengukuran selanjutnya

Instrumen hutang

Pengukuran selanjutnya bagi instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan **TH** dalam menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai bagi aset tersebut. Kumpulan dan **TH** mengelaskan semula pelaburan hutang hanya apabila model perniagaan untuk mengurus aset-aset tersebut berubah, di mana semua aset kewangan yang terjejas dikelaskan semula pada hari pertama bagi tempoh laporan pertama berikutan perubahan dalam model perniagaan.

Terdapat tiga kategori pengukuran yang digunakan oleh Kumpulan dan **TH** dalam mengelaskan instrumen hutang iaitu:

(a) Kos terlunas ("AC")

Instrumen hutang yang dipegang untuk menerima aliran tunai berkontrak di mana aliran tunai tersebut merupakan SPPP adalah diukur pada kos terlunas. Aset tersebut kemudiannya diukur pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif dan tertakluk kepada rosot nilai. Pengiktirafan instrumen hutang adalah berdasarkan kepada tarikh penyelesaian, iaitu tarikh di mana aset diserahkan kepada Kumpulan dan **TH**. Pendapatan daripada aset kewangan ini diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi bersama dengan keuntungan atau kerugian tukaran mata wang asing. Kerugian rosot nilai dibentangkan sebagai barisan item yang berasingan dalam untung atau rugi di mana berkaitan. Pembiayaan dan pendahuluan, jumlah terimaan daripada Pelan Penstrukturan Semula, terimaan hutang perniagaan dan lain-lain, tunai dan kesetaraan tunai serta deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain adalah antara aset kewangan yang diukur pada kos terlunas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(e) Aset kewangan (*samb.*)

(ii) Pengukuran (*samb.*)

Pengukuran selanjutnya (*samb.*)

Instrumen hutang (*samb.*)

Terdapat tiga kategori pengukuran yang digunakan oleh Kumpulan dan **TH** dalam mengelaskan instrumen hutang iaitu: (*samb.*)

(b) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

Instrumen hutang yang dipegang untuk menerima aliran tunai berkontrak dan untuk dijual, di mana aliran tunai aset merupakan SPPP, adalah diukur pada FVOCI. Pengiktirafan instrumen hutang adalah berdasarkan tarikh penyelesaian, iaitu tarikh di mana aset diserahkan kepada Kumpulan dan **TH**. Pergerakan pada jumlah dibawa diambil kira melalui pendapatan komprehensif lain, kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosot nilai, pendapatan dan keuntungan atau kerugian tukaran mata wang asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, untung atau rugi terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula daripada rizab kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Pendapatan daripada aset kewangan ini diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi bersekali dengan keuntungan atau kerugian tukaran mata wang asing. Kerugian rosot nilai dibentangkan sebagai barisan item yang berbeza dalam untung atau rugi di mana berkaitan. Keuntungan yang dikira untuk instrumen hutang yang menggunakan kaedah keuntungan efektif diiktiraf dalam untung atau rugi.

(c) Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau FVOCI diukur pada FVTPL. Pengiktirafan instrumen hutang adalah berdasarkan tarikh penyelesaian, iaitu tarikh di mana aset diserahkan kepada Kumpulan dan **TH**. Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan **TH** juga boleh mengkhususkan, tetapi tidak dibenarkan untuk menukar kemudiannya, sesuatu aset pada FVTPL jika dengan berbuat demikian dapat mengurangkan dengan ketara atau menghapuskan ketidakpadanan yang dihasilkan oleh aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berbeza. Aset kewangan ini kemudiannya diukur pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Instrumen ekuiti

Kumpulan dan **TH** mengukur semua pelaburan ekuiti selanjutnya pada nilai saksama. Kumpulan dan **TH** boleh membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik untuk mengklasifikasi pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVOCI. Pengkelasan pada FVOCI tidak dibenarkan jika pelaburan ekuiti dipegang untuk dagangan. Aset kewangan diklasifikasi sebagai dipegang untuk dagangan apabila ia dibeli atau diterbitkan terutamanya bagi keuntungan jangka pendek melalui aktiviti perdagangan atau menjadi sebahagian daripada portfolio instrumen kewangan yang diuruskan bersama-sama, yang mana terdapat bukti pola pengambilan keuntungan jangka pendek. Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVOCI pada awalnya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Ia kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan untung atau rugi dari instrumen ekuiti tidak akan diambil kira dalam untung atau rugi. Instrumen ekuiti di FVOCI tidak tertakluk kepada penilaian rosot nilai. Tiada pengkelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama dibuat kepada untung atau rugi apabila instrumen tersebut dinyahiktiraf. Kumpulan dan **TH** telah mengklasifikasikan pelaburan ekuiti yang dipegang dengan objektif untuk menerima pendapatan dividen atau jangka masa sederhana atau panjang sebagai FVOCI. Dividen daripada instrumen sedemikian diiktiraf terus dalam untung atau rugi apabila hak Kumpulan dan **TH** untuk menerima bayaran telah disahkan.

Apabila instrumen ekuiti dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul yang terdahulu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan dipindahkan kepada rizab keuntungan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(e) Aset kewangan (*samb.*)

(ii) Pengukuran (*samb.*)

Pengukuran selanjutnya (*samb.*)

Aset kewangan lain

Perubahan nilai saksama aset kewangan lain yang dikelaskan pada FVTPL diiktiraf dalam untung atau rugi di mana berkaitan.

(f) Instrumen kewangan derivatif

Kumpulan dan **TH** memegang instrumen kewangan derivatif untuk melindungi nilai daripada pendedahan kepada mata wang asing dan kadar keuntungan. Walau bagaimanapun, Kumpulan memilih untuk tidak melaksanakan perakaunan lindung nilai. Oleh itu, kedudukan urus niaga mata wang asing termasuk kontrak spot dan hadapan dinilai semula pada kadar pasaran yang wujud pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan keuntungan atau kerugian yang terhasil bagi tahun kewangan diiktiraf dalam untung atau rugi.

(g) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan **TH** menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Liabiliti kewangan termasuk kumpulan wang simpanan pendeposit, dana simpanan yang membolehkan pendeposit untuk mengeluarkan simpanan mereka daripada akaun pada bila-bila masa dan liabiliti-liabiliti lain.

Semua liabiliti kewangan pada mulanya diukur pada nilai saksama, dan selanjutnya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Nilai saksama melalui untung atau rugi merangkumi liabiliti kewangan yang merupakan derivatif (kecuali derivatif bagi kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang efektif dan dikhususkan) atau liabiliti kewangan yang diklasifikasi secara spesifik kepada kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif yang berkaitan dengan dan mesti diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga tercatat dalam pasaran aktif bagi instrumen yang serupa yang mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti adalah dinyatakan pada kos.

Kumpulan dan **TH** tidak mempunyai liabiliti kewangan bukan derivatif yang diklasifikasi pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

(h) Mengimbangi instrumen kewangan

Aset liabiliti dan kewangan diimbangi dan jumlah bersih yang dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan **TH** mempunyai hak menurut undang-undang yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi jumlah tersebut dan ia bercadang samada untuk menyelesaikannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(i) Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang mengehendaki pemberi jaminan untuk membuat bayaran ganti rugi yang telah ditetapkan kepada penerima jaminan bagi kerugian yang ditanggung disebabkan penghutang gagal membuat bayaran mengikut tempoh dan syarat-syarat asal atau pindaan bagi suatu instrumen hutang.

Nilai saksama yang terhasil daripada kontrak jaminan kewangan dikelaskan sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan kepada untung atau rugi menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh kontrak atau, jika tempoh kontrak tidak dinyatakan, ia diiktiraf dalam untung atau rugi setelah jaminan dilepaskan.

Apabila penyelesaian suatu kontrak jaminan kewangan menjadi hampir pasti, suatu anggaran bagi jumlah obligasi dibuat. Jika jumlah dibawa bagi kontrak jaminan kewangan adalah lebih rendah daripada jumlah obligasi, jumlah dibawa tersebut diselaraskan kepada jumlah obligasi dan diperakaunkan sebagai peruntukan.

Kontrak jaminan kewangan diukur selanjutnya pada jumlah yang lebih tinggi antara jumlah yang telah ditentukan mengikut model jangkaan kerugian kredit di bawah MFRS 9 dengan jumlah awal yang diiktiraf selepas ditolak jumlah pendapatan terkumpul yang diiktiraf mengikut kehendak-kehendak *MFRS 15, Revenue from Contracts with Customers* ("MFRS 15") di mana berkaitan.

(j) Aset kontrak dan liabiliti kontrak

Aset kontrak adalah hak terhadap sejumlah ganjaran sebagai pertukaran untuk barangan atau perkhidmatan yang dipindahkan kepada pelanggan. Jika Kumpulan telah memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan sebelum pelanggan membayar ganjaran atau sebelum pembayaran perlu dibuat, aset kontrak diiktiraf berdasarkan ganjaran yang diperoleh secara bersyarat. Bagi pembangunan hartanah dan kontrak pembinaan, aset kontrak adalah lebihan pendapatan terkumpul yang diperoleh berbanding bil-bil terkini. Aset kontrak dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Liabiliti kontrak adalah obligasi untuk memindahkan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan di mana Kumpulan telah menerima ganjaran (atau jumlah ganjaran yang perlu dibayar) daripada pelanggan. Jika pelanggan membayar ganjaran sebelum Kumpulan memindahkan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan, liabiliti kontrak akan diiktiraf apabila pembayaran dibuat atau pembayaran perlu dibayar (yang mana lebih awal). Liabiliti kontrak diiktiraf sebagai pendapatan apabila Kumpulan melaksanakan kerja-kerja mengikut kontrak. Bagi pembangunan hartanah dan kontrak pembinaan, liabiliti kontrak merupakan lebihan bil-bil terkini berbanding pendapatan terkumpul yang diperoleh. Liabiliti kontrak adalah termasuk bayaran pendahuluan yang diterima daripada pelanggan dan pendapatan tertunda lain di mana Kumpulan telah mengeluarkan bil dan menerima bayaran sebelum barang diserahkan atau perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

3. Dasar perakaunan penting *(samb.)*

(k) Inventori

(i) Pembangunan hartanah

Hartanah yang diperoleh atau sedang dibina untuk dijual dalam urusan perniagaan biasa, dan bukannya untuk penyewaan atau peningkatan nilai, dipegang sebagai inventori dan diukur pada jumlah yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh realis bersih.

Kos termasuk:

- Tanah hak milik bebas dan hak milik pajak;
- Jumlah yang dibayar kepada kontraktor untuk pembinaan;
- Kos kewangan, perancangan dan kos reka bentuk, kos penyediaan tapak, bayaran professional untuk perkhidmatan perundangan, cukai pindahan hartanah, overhead pembinaan dan kos-kos lain yang berkaitan; dan
- Kos komisen yang tidak dikembalikan.

Nilai boleh realis bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa, berdasarkan harga pasaran pada tarikh pelaporan dan yang didiskaunkan untuk nilai masa wang jika material, tolak kos sehingga penyelesaian kerja dan anggaran kos jualan.

Kategori inventori dan dasar terperinci bagi kos pembangunan hartanah dinyatakan dalam Nota 3(l).

(ii) Barangan berasaskan sawit

Inventori sawit dinyatakan pada jumlah yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh realis.

Kos bagi stok barangan siap berasaskan sawit dikira menggunakan kaedah kos purata wajar dan termasuk perbelanjaan yang ditanggung bagi pemerolehan stok, kos pengeluaran atau pemprosesan dan kos-kos lain untuk menghasilkan stok tersebut ke lokasi dan keadaan sedia ada. Kos termasuk bahagian overhead pengeluaran yang berkaitan berdasarkan kapasiti operasi yang normal.

Kos bagi barangan stor meliputi jumlah yang diinvoiskan oleh pembekal dan dikira menggunakan kaedah kos purata wajar.

Nilai boleh realis bersih merupakan anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan yang biasa, ditolak anggaran kos untuk menyiapkan dan kos-kos lain yang diperlukan bagi melaksanakan jualan.

(iii) Stor

Kos stor meliputi jumlah yang telah diinvoiskan oleh pembekal dan dikira menggunakan kaedah kos purata wajar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(l) Kos pembangunan hartanah

(i) Tanah yang dipegang untuk pembangunan hartanah

Hartanah inventori di mana tiada aktiviti pembangunan telah dijalankan atau yang mana aktiviti pembangunan dijangka tidak akan disiapkan dalam tempoh pusingan operasi yang normal, dirujuk sebagai tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Secara amnya, tidak ada kerja-kerja pembangunan secara ketara yang dilakukan di tanah-tanah ini selain kerja-kerja infrastruktur, kerja-kerja tanah dan landskap yang dilakukan untuk menyediakan tanah untuk pembangunan dan inventori hartanah ini dinyatakan pada kos serta perbelanjaan sampingan yang ditanggung untuk meletakkan tanah dalam keadaan sedia untuk pembangunan. Inventori hartanah ini dikelaskan kepada aset semasa apabila kegiatan aktif projek pembangunan telah dimulakan dan apabila dapat ditunjukkan bahawa aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi yang normal.

(ii) Kos pembangunan hartanah

Hartanah inventori dalam pembinaan dirujuk sebagai kos pembangunan hartanah dan merangkumi kos tanah, kos bangunan langsung dan bahagian kos pembangunan yang berkaitan dengan keseluruhan projek pembangunan di mana berkenaan. Sebaik sahaja dijual, kos inventori ini diiktiraf dalam untung atau rugi apabila kawalan dipindahkan kepada pelanggan masing-masing.

(iii) Hartanah yang telah siap

Unit-unit pembangunan hartanah yang telah siap tetapi belum dijual dikelaskan semula daripada kos pembangunan hartanah kepada hartanah yang telah siap.

(m) Perbelanjaan pembangunan perladangan

Kos ini merangkumi perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan pemerolehan aset dan lain-lain kos yang berkait secara langsung untuk membawa aset ini kepada keadaan ia bertujuan untuk digunakan. Kos ini termasuk kos bahan mentah dan upah buruh langsung. Bagi aset yang memenuhi syarat yang ditetapkan, kos kewangan dipermodalkan mengikut dasar perakaunan bagi kos pinjaman.

Kesemua perbelanjaan berkaitan dengan pembangunan ladang kelapa sawit (bagi tanaman belum matang) dipermodalkan sebagai perbelanjaan pembangunan ladang. Sesuatu ladang diisytihar matang apabila ia telah sedia untuk penuaian komersial. Kos ini akan disusut nilai sepanjang tempoh hayat penggunaan setelah ia dipindahkan kepada hartanah, loji dan peralatan apabila tanaman telah matang.

Perbelanjaan overhead ladang dibahagikan kepada perbelanjaan berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan pembangunan ladang mengikut nisbah kawasan matang dan belum matang.

Tapak samaian dinyatakan pada kos. Kos ini berkait dengan kos penyelenggaraan tapak samaian.

(n) Perhutanan

Perhutanan diukur pada pengiktirafan awal dan pada pelaporan selanjutnya pada nilai saksama, dengan sebarang perubahan dalam nilai saksama perhutanan pada tahun semasa diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai saksama perhutanan dilaksanakan secara bebas oleh jurunilai profesional.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(o) Hartanah pelaburan

Pengukuran

Hartanah pelaburan adalah hartanah atau sebahagian daripada hartanah yang dimiliki untuk memperoleh pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai hartanah atau kedua-duanya. Hartanah pelaburan adalah termasuk tanah yang dipegang namun belum ditentukan kegunaannya pada masa hadapan dan hartanah dalam pembinaan yang akan digunakan pada masa hadapan sebagai hartanah pelaburan.

Hartanah pelaburan pada mulanya dinyatakan pada kos, termasuk kos transaksi. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan selanjutnya dinyatakan pada nilai saksama dengan sebarang perubahan berkaitan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh perubahan tersebut berlaku termasuk kesan cukai yang berkaitan. Nilai saksama adalah berdasarkan nilai pasaran yang dilaksanakan oleh firma jurunilai bebas.

Perbelanjaan selanjutnya diiktiraf dalam jumlah dibawa bagi hartanah pelaburan hanya jika manfaat ekonomi yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut pada masa hadapan akan diterima oleh Kumpulan dan **TH** dan kos bagi item tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain diperakunkan sebagai perbelanjaan apabila berlaku. Apabila sebahagian daripada hartanah pelaburan diganti, jumlah dibawa bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf.

Hartanah pelaburan dinyahiktiraf apabila dilupuskan, atau apabila ia tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi dijangka akan diterima pada masa hadapan daripada pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan jumlah dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh hartanah tersebut dinyahiktiraf.

Pengkelasan semula kepada/daripada hartanah pelaburan

Apabila sesuatu hartanah, loji dan peralatan dipindahkan kepada hartanah pelaburan berikutan perubahan dalam penggunaannya, sebarang perbezaan yang timbul pada tarikh pindahan antara jumlah dibawa bagi hartanah tersebut sejurus sebelum dipindahkan dengan nilai saksamanya diiktiraf secara langsung dalam rizab sebagai penilaian semula.

Apabila penggunaan hartanah pelaburan berubah yang menyebabkan ia dikelaskan kepada hartanah, loji dan peralatan, atau inventori, nilai saksama hartanah pelaburan tersebut pada tarikh pengkelasan dianggap sebagai kos hartanah, loji dan peralatan atau inventori.

(p) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan diukur pada kos atau penilaian tolak sebarang susut nilai dan rosot nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan pemilikan aset dan kos-kos langsung lain untuk menghasilkan aset tersebut kepada keadaan ia berfungsi sepertimana yang dirancang dan kos untuk meleraikan dan mengalihkan aset dan memulihara kawasan di mana aset ditempatkan. Kos bagi aset yang dihasilkan sendiri adalah termasuk kos bahan mentah dan buruh langsung. Bagi aset-aset yang memenuhi syarat yang ditetapkan, kos kewangan dipermodalkan menurut dasar perakaunan bagi kos pinjaman.

Apabila sebahagian besar daripada item hartanah, loji dan peralatan mempunyai tempoh hayat yang berbeza, ianya diambil kira sebagai item berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan peralatan.

Kos menggantikan bahagian tertentu dari hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam jumlah dibawa jika manfaat ekonomi dijangka akan diperoleh pada masa hadapan oleh Kumpulan dan **TH** dan kos ini dapat diukur dengan pasti. Jumlah dibawa bagi bahagian yang diganti dinyahiktiraf daripada penyata kewangan. Kos-kos harian dalam menyelenggara hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)****3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)****(p) Hartanah, loji dan peralatan (*samb.*)**

Keuntungan atau kerugian bersih daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan jumlah dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Susut nilai

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh hayat penggunaan setiap komponen hartanah, loji dan peralatan. Tanah milik bebas tidak disusut nilai. Hartanah, loji dan peralatan dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset siap untuk digunakan.

Anggaran hayat penggunaan bagi tahun semasa dan tahun-tahun terdahulu adalah seperti berikut:

Tanaman penghasil	27 tahun
Bangunan di atas tanah milik bebas	5 - 99 tahun
Ubahsuai bangunan	5 - 10 tahun
Loji, jentera, kelengkapan dan kenderaan	2 - 15 tahun
Peralatan komputer	3 - 7 tahun

Rosot nilai

Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan dan **TH** menilai sama ada terdapat sebarang tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, satu analisis akan dijalankan untuk menilai sama ada jumlah dibawa aset tersebut boleh diperoleh sepenuhnya. Jika jumlah dibawa melebihi nilai boleh diperoleh, penurunan nilai akan dibuat. Dasar perakaunan berkaitan rosot nilai aset bukan kewangan dinyatakan dalam Nota 3(v).

(q) Tanaman penghasil

Tanaman penghasil adalah tumbuhan hidup yang digunakan untuk mengeluarkan hasil sepanjang tempoh produktif tanaman tersebut. Tanaman penghasil dikelaskan di bawah kategori hartanah, loji dan peralatan. Tanaman penghasil yang boleh digunakan diukur pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Kos merangkumi perbelanjaan perladangan yang merupakan kos keseluruhan yang dibelanjakan daripada pembersihan tanah sehingga tanaman boleh dituai. Tanaman penghasil disusut nilai sepanjang baki jangka hayat berdasarkan anggaran jadual hasil pengeluaran tahunan setiap ladang.

Tanaman penghasil yang belum matang dikelaskan sebagai perbelanjaan pembangunan ladang sehingga pokok-pokok sedia untuk dituai. Pada tempoh ini, tanaman penghasil dikenal pasti untuk dikelaskan kepada hartanah, loji dan peralatan dan disusut nilai sepanjang anggaran tempoh hayat penggunaan selama 27 tahun dari tarikh ia sedia untuk penuaian secara komersil berdasarkan anggaran jadual hasil pengeluaran tahunan setiap ladang. Tanaman penghasil disemak bagi sebarang tanda-tanda rosot nilai pada setiap tempoh pelaporan, dan jika tanda-tanda tersebut wujud, ujian rosot nilai dilaksanakan mengikut piawaian perakaunan MFRS 136 *Impairment of Assets*.

(r) Aset agrikultur

Aset agrikultur merangkumi hasil pertanian yang tumbuh di ladang kelapa sawit.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pengiktirafan awal aset agrikultur pada nilai saksama tolak kos jualan dan daripada perubahan nilai saksama tolak kos jualan aset agrikultur diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh perubahan berlaku.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(s) Pajak

(i) Perakaunan oleh penerima pajak

Dasar perakaunan yang diterima pakai mulai 1 Januari 2020

Pajak diiktiraf sebagai hak penggunaan aset ("ROU") dan liabiliti pajak pada tarikh aset yang dipajak tersedia untuk digunakan oleh Kumpulan dan **TH** (iaitu: tarikh permulaan).

Kontrak mungkin mengandungi komponen pajak dan bukan pajak. Kumpulan dan **TH** membahagikan jumlah yang ditetapkan dalam kontrak kepada komponen pajak dan bukan pajak berdasarkan harga relatifnya sendiri. Bagaimanapun, bagi pajak hartanah, yang mana Kumpulan dan **TH** adalah penerima pajak, Kumpulan dan **TH** mempraktikkan kaedah yang diperuntukan dalam dalam MFRS 16 untuk tidak memisahkan komponen pajak dan bukan pajak. Kedua-dua komponen diambil kira sebagai komponen pajak tunggal dan bayaran untuk kedua-dua komponen dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajak.

a) Tempoh pajak

Dalam menentukan tempoh pajak, Kumpulan dan **TH** mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan opsyen lanjutan, atau tidak melaksanakan opsyen penamatan. Opsyen lanjutan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) hanya dimasukkan dalam tempoh pajak sekiranya pajak tersebut berkemungkinan besar akan dilanjutkan (atau tidak ditamatkan).

Kumpulan dan **TH** menyemak semula tempoh pajak apabila berlakunya kejadian penting atau perubahan dalam keadaan yang berada di dalam kawalan Kumpulan dan **TH** dan memberi kesan sama ada Kumpulan dan **TH** berkemungkinan besar akan melaksanakan pilihan yang sebelum ini tidak termasuk dalam penentuan tempoh pajak, atau tidak melaksanakan opsyen yang terdahulu termasuk dalam penentuan tempoh pajak. Semakan tempoh pajak menyebabkan pengukuran semula liabiliti pajak.

b) Hak penggunaan aset (ROU)

Hak penggunaan aset pada awalnya diukur pada kos yang terdiri daripada yang berikut:

- i) Jumlah pengukuran awal liabiliti pajak;
- ii) Bayaran pajak yang dibuat pada atau sebelum tarikh mula berkuat kuasa tolak sebarang insentif pajak yang diterima;
- iii) Sebarang kos awal langsung; dan
- iv) Kos penarikan balik atau pemulihan.

Hak penggunaan aset diukur selanjutnya pada kos, tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai (jika ada). Hak penggunaan aset secara amnya disusut nilai sama ada sepanjang tempoh hayat penggunaan aset atau tempoh pajak secara garis lurus, yang mana lebih pendek. Sekiranya Kumpulan dan **TH** berkemungkinan besar akan melaksanakan pilihan pembelian, hak penggunaan aset disusut nilai sepanjang tempoh hayat kegunaan aset. Disamping itu, hak penggunaan aset diselaraskan untuk pengukuran semula liabiliti pajak tertentu.

Pelunasan

Tanah milik pajak dan bangunan dikelaskan sebagai hak penggunaan aset dilunaskan mengikut tempoh pajak seperti berikut:

Tanah milik pajak	20 - 999 tahun
Bangunan milik pajak	50 tahun

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(s) Pajak (*samb.*)

(i) Perakaunan oleh penerima pajak (*samb.*)

b) Hak penggunaan aset (ROU) (*samb.*)

Rosot nilai

Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan dan **TH** menyemak semula sama ada terdapat sebarang tanda-tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, satu analisis dijalankan untuk menyemak sama ada jumlah dibawa aset tersebut boleh diperolehi sepenuhnya. Jika jumlah dibawa melebihi nilai boleh diperolehi, penurunan nilai akan dibuat. Dasar perakaunan berkaitan rosot nilai aset bukan kewangan dinyatakan dalam Nota 3(v).

c) Liabiliti pajak

Liabiliti pajak pada mulanya diukur pada nilai semasa bagi bayaran pajak yang belum dibayar pada tarikh tersebut. Bayaran pajak termasuk yang berikut:

- i) Pembayaran tetap (termasuk pembayaran tetap (*in-substance*)), tolak sebarang insentif pajak belum terima;
- ii) Bayaran pajak boleh ubah yang berdasarkan indeks atau kadar, pada mulanya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- iii) Amaun yang dijangka akan dibayar oleh Kumpulan dan **TH** mengikut jaminan nilai sisa;
- iv) Harga pelaksanaan opsi pembelian dan pelanjutan jika Kumpulan dan **TH** berkemungkinan besar akan melaksanakan pilihan tersebut; dan
- v) Pembayaran penalti untuk menamatkan pajak, jika tempoh pajak mencerminkan pelaksanaan pilihan oleh Kumpulan dan **TH**.

Bayaran pajak didiskaun menggunakan kadar keuntungan yang tersirat dalam pajak. Sekiranya kadar itu tidak dapat ditentukan dengan mudah, yang biasanya berlaku bagi pajak dalam Kumpulan dan **TH**, kadar pinjaman peningkatan penerima pajak digunakan. Ini adalah kadar yang perlu dibayar oleh pemajak individu untuk meminjam dana yang diperlukan untuk mendapatkan aset yang bersamaan nilai dengan hak penggunaan aset dalam persekitaran ekonomi yang serupa dengan syarat, cagaran dan keadaan yang sama.

Bayaran pajak diperuntukkan antara prinsipal dan kos kewangan. Kos kewangan dicajkan kepada untung atau rugi sepanjang tempoh pajak untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang berterusan ke atas baki liabiliti untuk setiap tempoh pajak.

Bayaran pajak boleh ubah yang bergantung kepada jualan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana keadaan yang mencetuskan pembayaran tersebut berlaku.

Kumpulan dan **TH** membentangkan liabiliti pajak sebagai barisan item berasingan dalam penyata kedudukan kewangan. Perbelanjaan kewangan dari liabiliti pajak dibentangkan sebagai sebahagian daripada kos kewangan dalam penyata untung atau rugi.

d) Semakan semula liabiliti pajak

Kumpulan dan **TH** juga terdedah kepada potensi peningkatan bayaran pajak boleh ubah yang bergantung kepada indeks atau kadar, yang tidak termasuk dalam liabiliti pajak sehingga ia berkuat kuasa. Apabila pelarasan untuk bayaran pajak berdasarkan indeks atau kadar berkuat kuasa, liabiliti pajak diukur semula dan diselaraskan terhadap hak penggunaan aset.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

3. Dasar perakaunan penting *(samb.)*

(s) Pajak *(samb.)*

(i) Perakaunan oleh penerima pajak *(samb.)*

e) Pajak jangka pendek dan pajak aset bernilai rendah

Pajak jangka pendek adalah pajak dengan tempoh pajak 12 bulan atau kurang. Aset bernilai rendah terdiri daripada peralatan teknologi maklumat dan peralatan pejabat bernilai rendah. Pembayaran yang berkaitan dengan pajak peralatan dan kenderaan jangka pendek dan semua pajak aset bernilai rendah diiktiraf berdasarkan asas garis lurus sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi.

(ii) Perakaunan oleh pemberi pajak

Sebagai pemberi pajak, Kumpulan dan **TH** menentukan pada permulaan pajak sama ada setiap pajak adalah pajak kewangan atau pajak operasi. Untuk mengelaskan setiap pajak, Kumpulan dan **TH** membuat penilaian keseluruhan sama ada pajak dengan ketara memindahkan semua risiko dan manfaat yang berkaitan dengan pemilikan aset yang mendasari pajak kepada penerima pajak. Sebagai sebahagian daripada penilaian ini, Kumpulan dan **TH** mempertimbangkan beberapa petunjuk tertentu seperti sama ada pajak itu adalah untuk sebahagian besar daripada hayat ekonomi aset tersebut.

a) Pajak kewangan

Kumpulan dan **TH** mengelaskan pajak sebagai pajak kewangan sekiranya pajak memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat yang berkaitan dengan pemilikan aset yang mendasari pajak kepada penerima pajak.

Kumpulan dan **TH** menyahiktiraf aset yang mendasari pajak dan mengiktiraf terimaan pajak kewangan pada jumlah yang sama dengan pelaburan bersih dalam pajak kewangan. Pelaburan bersih dalam pajak kewangan diukur pada amaun yang bersamaan dengan jumlah nilai semasa bayaran pajak daripada penerima pajak dan nilai baki aset. Kos awal langsung juga termasuk dalam pengukuran awal pelaburan bersih. Pelaburan bersih adalah tertakluk kepada rosot nilai dibawah MFRS 9 rosot nilai (rujuk kepada Nota 3(v) rosot nilai aset kewangan). Di samping itu, Kumpulan dan **TH** membuat semakan secara berkala dalam menganggar nilai baki aset yang tidak dijamin.

Pendapatan pajak diiktiraf sepanjang tempoh pajak dengan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk mencerminkan kadar pulangan berkala yang berterusan. Kumpulan dan **TH** menyemak semula peruntukan pendapatan pajak sekiranya terdapat pengurangan dalam anggaran nilai baki yang tidak dijamin.

b) Pajak operasi

Kumpulan dan **TH** mengelaskan pajak sebagai pajak operasi jika pajak tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat yang berkaitan dengan pemilikan aset yang mendasari pajak kepada penerima pajak.

Kumpulan dan **TH** mengiktiraf bayaran pajak yang diterima di bawah pajak operasi sebagai pendapatan pajak berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh pajak.

c) Pengkelasan pajak semula

Apabila Kumpulan dan **TH** adalah perantara kepada pemberi pajak, ia menilai pengkelasan kepada pajak semula dengan merujuk kepada hak penggunaan aset yang timbul daripada pajak asal, bukan dengan merujuk kepada aset yang mendasari pajak. Jika pajak asal adalah pajak jangka pendek yang mana Kumpulan dan **TH** menggunakan pengecualian yang dinyatakan di atas, maka ia mengelaskan pajak semula tersebut sebagai pajak operasi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

3. Dasar perakaunan penting *(samb.)*

(s) Pajak *(samb.)*

(ii) Perakaunan oleh pemberi pajak *(samb.)*

d) Pengasingan komponen pajak dan bukan pajak

Sekiranya sesuatu pengaturan kontrak mempunyai komponen pajak dan bukan pajak, Kumpulan dan **TH** membahagikan jumlah kontrak kepada komponen pajak dan bukan pajak berdasarkan harga jualan secara berasingan mengikut prinsip-prinsip dibawah MFRS 15.

(t) Dana Takaful

(i) Dana Takaful Keluarga

Dana Takaful Keluarga merangkumi dana yang timbul daripada:

- (i) Takaful Keluarga;
- (ii) Takaful Keluarga Berkelompok; dan
- (iii) Takaful Semula Keluarga.

Dana Takaful Keluarga diselenggara selaras dengan kehendak-kehendak Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan mengandungi jumlah milik peserta-peserta yang merupakan bahagian peserta-peserta daripada lebih menaja jamin dan pulangan pelaburan, yang mana berkaitan dan boleh diagihkan mengikut terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Kumpulan.

Pindahan lebih daripada Dana Takaful Keluarga kepada untung atau rugi dikira berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang telah ditetapkan daripada lebih menaja jamin dan pulangan pelaburan.

Perniagaan berkaitan pelaburan

Pelaburan perniagaan berkaitan pelaburan dinyatakan pada harga tutup pasaran. Sebarang kenaikan atau penurunan nilai pelaburan ini dimasukkan ke dalam akaun hasil perniagaan berkaitan pelaburan.

Rizab aktuari

Rizab aktuari terdiri daripada penilaian prospektif aktuari, penilaian unjuran aliran tunai dan penilaian caruman yang belum diperoleh seperti yang dijelaskan di bawah:

(i) *Penilaian prospektif aktuari*

Bagi produk yang berkaitan dengan kredit, liabiliti Dana Takaful Keluarga hendaklah dinilai berdasarkan jumlah nilai semasa manfaat masa hadapan dan sebarang jangkaan perbelanjaan pada masa hadapan yang perlu dibayar daripada dana takaful, ditolak nilai semasa jumlah penerimaan aliran tunai tabarru' kasar pada masa hadapan berkaitan dengan sijil takaful, didiskaunkan pada kadar diskaun risiko terlaras yang sesuai seperti yang dinyatakan dalam garis panduan penilaian.

Bagi sijil takaful berkaitan kredit yang mana kemampuan potongan tabarru' bergantung kepada prestasi Dana Pelaburan Peserta ("PIF"), pengiraan adalah tertakluk kepada pelarasan aliran tunai tabarru' kasar masa hadapan dan ia adalah terhad kepada tempoh di mana PIF boleh mengekalkan tabarru' dan andaian bahawa perlindungan takaful berkuat kuasa sepanjang tempoh kontrak takaful tersebut.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

3. Dasar perakaunan penting *(samb.)*

(t) Dana Takaful *(samb.)*

(i) Dana Takaful Keluarga *(samb.)*

Rizab aktuari *(samb.)*

Rizab aktuari terdiri daripada penilaian prospektif aktuari, penilaian unjuran aliran tunai dan penilaian caruman yang belum diperoleh seperti yang dijelaskan di bawah: *(samb.)*

(ii) Penilaian unjuran aliran tunai

Bagi produk dengan PIF selain daripada produk-produk yang berkaitan dengan kredit, liabiliti dinilai dengan menyediakan unjuran aliran tunai bagi tahun-tahun hadapan untuk memastikan semua obligasi pada masa hadapan dapat dipenuhi tanpa meminta sokongan kewangan atau modal tambahan sepanjang tempoh penyertaan berkuat kuasa. Unjuran aliran tunai hendaklah menggunakan asas yang konsisten dengan kehendak garis panduan penilaian.

(iii) Penilaian caruman yang belum diperoleh

Produk-produk yang diperbaharui atau yang dilanjutkan tempoh pada setiap tahun dinilai bergantung kepada yang berikut:

- (a) Bagi sijil yang melindungi kematian atau kesinambungan hidup, liabiliti dinilai berasaskan risiko yang belum tamat menggunakan anggaran prospektif bagi jangkaan bayaran masa hadapan yang timbul daripada peristiwa yang mungkin akan berlaku yang dilindungi pada tarikh penilaian. Bayaran masa hadapan termasuk peruntukan bagi tuntutan perbelanjaan yang berkait secara langsung, perbelanjaan yang berkait langsung dengan pelaburan, kos takaful semula dan jangkaan bayaran balik sumbangan masa hadapan yang dijangka dalam tempoh yang masih berkuat kuasa.
- (b) Bagi sijil yang melindungi kontingensi selain kematian atau kesinambungan hidup, liabiliti bersih adalah jumlah maksimum rizab risiko yang masih berkuat kuasa atau rizab sumbangan yang belum diperoleh.

Peruntukan bagi tuntutan tertunggak

Tuntutan dan peruntukan bagi tuntutan yang timbul daripada sijil takaful keluarga dan sijil takaful keluarga berkelompok termasuk kos-kos penyelesaian, diambil kira menggunakan kaedah asas kes dan bagi tujuan ini, manfaat-manfaat yang belum dibayar di bawah sijil takaful keluarga diiktiraf seperti berikut:

- (i) Bayaran manfaat bagi sijil-sijil yang telah matang atau polisi-polisi lain yang perlu dibayar pada tarikh-tarikh tertentu diambil kira sebagai tuntutan yang akan dibayar pada tarikh tersebut.
- (ii) Kematian, serahan balik dan manfaat-manfaat lain tanpa tarikh-tarikh tertentu diambil kira sebagai tuntutan yang akan dibayar pada tarikh penerimaan maklumat kematian peserta atau berlakunya kejadian yang dilindungi.
- (iii) Bagi keluarga individu, perniagaan perubatan dan kesihatan berkelompok, peruntukan dibuat mengikut kos tuntutan (bersama-sama dengan perbelanjaan yang berkaitan) dan kes-kes yang berlaku tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada akhir tempoh pelaporan, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik oleh aktuari bertaualiah dalaman yang mana sejarah tuntutan terdahulu digunakan untuk mengunjurkan tuntutan masa hadapan. Peruntukan juga mengandungi margin risiko bagi perbezaan yang mungkin memberi kesan yang tidak diingini. Sepertimana kesemua unjuran, terdapat faktor ketidakpastian dan unjuran tuntutan mungkin berbeza daripada yang sebenar. Ketidakpastian timbul daripada perubahan dalam risiko-risiko berkaitan, perubahan dalam tebaran risiko, pola penyelesaian tuntutan serta ketidakpastian dalam model unjuran dan andaian-andaian yang digunakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(t) Dana Takaful (*samb.*)

(i) Dana Takaful Keluarga (*samb.*)

Rizab perbelanjaan

Rizab perbelanjaan merangkumi yang berikut:

(i) Liabiliti perbelanjaan

Rizab perbelanjaan untuk urus niaga Takaful Keluarga dianggarkan dengan anggapan bahawa sekatan kontrak berkuat kuasa akan dikekalkan berdasarkan asas usaha berterusan. Di bawah senario usaha berterusan, kontrak yang dinilai dianggap sebagai sebahagian kontrak tertentu dan aliran tunai dinilai sehingga sijil terakhir keluar. Perbelanjaan penyelenggaraan yang berkaitan dengan kontrak tersebut merangkumi kos fungsi yang biasanya berkaitan dengan operasi perniagaan berasaskan usaha berterusan. Kaedah yang digunakan untuk menilai liabiliti perbelanjaan hendaklah selaras dengan kaedah yang digunakan untuk menilai liabiliti takaful sijil takaful keluarga yang sepadan (misalnya, untuk sijil takaful biasa jangka panjang, kaedah penilaian untuk liabiliti perbelanjaan juga hendaklah bagi tempoh jangka panjang).

(ii) Rizab Kekurangan untuk Skim Anuiti Takaful KWSP

Sebagai tambahan kepada liabiliti perbelanjaan di atas, syarat tambahan juga perlu dipatuhi seperti yang dinyatakan di bawah:

Sekiranya Dana Pelaburan Peserta ("PIF") dijangka tidak mencukupi untuk memenuhi anuiti masa depan manfaat tertentu dan/atau tabarru' anuiti hayat masa depan, peruntukan lain perlu dibuat sesuai dengan kehendak garis panduan penilaian. Apabila kekurangan PIF tidak mencukupi, Dana Pemegang Saham akan menjelaskan pembayaran manfaat anuiti tertentu kepada peserta dan juga tabarru' kepada Dana Risiko Peserta ("PRF").

(ii) Dana Takaful Am

Dana Takaful Am disediakan selaras dengan kehendak Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Termasuk dalam Dana Takaful Am adalah dana yang terbit daripada:

- (i) Dana Takaful Am; dan
- (ii) Dana Takaful Semula Am.

Hasil menaja jamin Takaful Am ditentukan bagi setiap kelas urus niaga takaful selepas mengambil kira takaful semula, sumbangan belum terima, tuntutan-tuntutan dan perbelanjaan pentadbiran.

Liabiliti caruman

Liabiliti caruman merupakan obligasi masa depan kontrak takaful dari caruman yang diterima untuk risiko yang belum luput. Pergerakan caruman dilepaskan sepanjang tempoh kontrak takaful dan diiktiraf sebagai pendapatan dari caruman yang diperoleh.

Liabiliti caruman dilaporkan pada jumlah yang lebih tinggi antara agregat rizab caruman yang belum diperoleh ("UCR") masing-masing untuk semua bidang perniagaan atau nilai anggaran terbaik dari rizab risiko yang belum tamat ("URR") dan peruntukan margin risiko untuk perbezaan merugikan ("PRAD") dikira pada tahap keyakinan 75% pada akhir tahun kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(t) Dana Takaful (*samb.*)

(ii) Dana Takaful Am (*samb.*)

Liabiliti caruman (*samb.*)

(i) Rizab risiko yang belum tamat

URR adalah anggaran prospek jangkaan pembayaran masa depan yang timbul dari peristiwa masa depan yang diinsuranskan atau dilindungi di bawah kontrak yang berkuat kuasa pada akhir tahun kewangan dan juga termasuk peruntukan perbelanjaan, overhead dan kos takaful semula, yang dijangka berlaku sebelum berakhir tempoh dalam menguruskan polisi atau kontrak dan penyelesaian tuntutan yang berkaitan, dan mengambil kira jangkaan pemulangan caruman pada masa depan.

URR dianggarkan melalui penilaian aktuari yang dilakukan oleh aktuari yang berkelayakan, menggunakan kaedah anggaran matematik yang serupa dengan tuntutan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR").

(ii) Rizab caruman yang belum diperoleh

Rizab caruman yang belum diperoleh ("UCR") merupakan bahagian caruman bersih daripada sijil-sijil takaful yang dikeluarkan dan belum tamat tempoh pada akhir tahun kewangan.

Untuk menentukan UCR pada akhir tempoh pelaporan, kaedah paling tepat yang digunakan untuk menggambarkan caruman sebenar yang belum diperoleh adalah seperti berikut:

- (a) Kaedah 1/365 bagi kesemua urus niaga Dana Takaful Am;
- (b) Kaedah 1/8 untuk kesemua kelas perniagaan Dana Takaful Semula Am 'Inward Treaty'.

Peruntukan bagi tuntutan belum dijelaskan

Liabiliti bagi tuntutan belum dijelaskan yang masih tertunggak diiktiraf bagi perniagaan takaful langsung. Jumlah tuntutan tertunggak adalah anggaran terbaik pembayaran yang diperlukan termasuk belanja-belanja berkaitan ditolak perolehan semula, jika ada, untuk menyelesaikan obligasi semasa pada akhir tempoh pelaporan. Sebarang perbezaan antara kos semasa yang dianggarkan dengan penyelesaian selanjutnya diambil kira dalam penyata pendapatan komprehensif takaful Kumpulan pada tahun penyelesaian dibuat.

Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan (bersama-sama dengan perbelanjaan berkaitan) dan tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada akhir tempoh pelaporan, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik oleh aktuari bertauliah luar yang mana sejarah tuntutan terdahulu digunakan untuk mengunjurkan tuntutan masa hadapan. Peruntukan juga mengandungi margin risiko bagi perbezaan yang mungkin memberi kesan yang tidak diingini. Sepertimana kesemua unjuran, terdapat faktor ketidaktentuan dan unjuran tuntutan mungkin berbeza daripada yang sebenar. Ketidaktentuan timbul daripada perubahan dalam risiko-risiko berkaitan, perubahan dalam tebaran risiko, pola penyelesaian tuntutan serta ketidaktentuan dalam model unjuran dan andaian-andaian yang digunakan.

Rizab perbelanjaan

Rizab perbelanjaan untuk sijil pelaburan mudharabah dikira berdasarkan anggaran terbaik peruntukan risiko perbelanjaan yang belum tamat ("UER") dan peruntukan margin risiko untuk perbezaan merugikan ("PRAD"). Rizab perbelanjaan untuk sijil pelaburan wakalah merujuk kepada jumlah yang lebih tinggi antara Fi Wakalah yang Belum Diperoleh ("UWF") untuk semua bidang perniagaan atau anggaran terbaik peruntukan untuk UER dan PRAD pada jumlah dana keseluruhan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(u) Aset tak ketara

(i) Muhibah

Muhibah merupakan lebihan kos pengambilalihan perniagaan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan. Muhibah tidak dilunaskan tetapi disemak setiap tahun untuk menentukan sama ada terdapat sebarang kerugian rosot nilai atau disemak dengan lebih kerap sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang boleh menjejaskan nilainya. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi dan tidak boleh dibalikkan semula dalam tempoh-tempoh berikutnya.

Penetapan jumlah boleh diperoleh semula adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(v)(ii).

(ii) Fi perkhidmatan Bancatakaful

Fi perkhidmatan Bancatakaful dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh usia guna perkhidmatan selama lima tahun. Kaedah pelunasan, tempoh usia guna dan nilai sisa disemak pada setiap tarikh akhir pelaporan dan dikemas kini, jika perlu.

(iii) Aset tak ketara lain

Aset tak ketara lain merangkumi deposit teras, hubungan pelanggan dan jenama yang timbul daripada pengambilalihan perniagaan perbankan dan takaful. Ia dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan dilunaskan sepanjang tempoh usia guna antara 10 hingga 12 tahun.

(v) Rosot nilai

(i) Aset kewangan

Rosot nilai instrumen hutang, komitmen kewangan dan kontrak jaminan kewangan

Kumpulan dan **TH** menilai, berdasarkan asas pandang ke hadapan, jangkaan kerugian kredit ("ECL") berkaitan dengan instrumen hutang yang dibawa pada kos terlunas dan pada FVOCI, komitmen kewangan dan kontrak jaminan kewangan yang telah diterbitkan. Kaedah rosot nilai yang digunakan bergantung kepada sama ada terdapatnya peningkatan risiko kredit yang ketara.

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan **TH** telah menilai secara individu sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit atau bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan yang penting dan secara kolektif untuk aset kewangan yang tidak penting secara individu. Jika ia ditentukan bahawa terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit atau bukti objektif rosot nilai wujud, iaitu rosot nilai kredit, untuk aset kewangan yang dinilai secara individu yang diukur pada kos yang dilunaskan dan FVOCI, masa hayat ECL akan diiktiraf untuk kerugian rosot nilai yang telah ditanggung.

Kumpulan dan **TH** menimbangkan impak pandemik COVID-19 dan mengambil kira langkah-langkah ekonomi dan kewangan yang telah diumumkan oleh Kerajaan Malaysia dalam menganggarkan ECL ke atas aset kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(v) Rosot nilai (*samb.*)

(i) Aset kewangan (*samb.*)

Rosot nilai instrumen hutang, komitmen kewangan dan kontrak jaminan kewangan (*samb.*)

Kumpulan dan **TH** mempunyai tujuh jenis instrumen kewangan yang tertakluk sama ada kepada pendekatan 3 peringkat untuk pengiraan ECL atau pendekatan mudah seperti berikut:

- i) Tunai dan dana jangka pendek dan deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain
- ii) Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain
- iii) Terimaan hutang perniagaan dan aset kontrak
- iv) Instrumen hutang pada kos terlunas
- v) Instrumen hutang diukur pada FVOCI
- vi) Takaful dan aset takaful semula
- vii) Aset kewangan lain pada kos terlunas

ECL merupakan satu anggaran mengikut pemberat kebarangkalian bagi perbezaan antara nilai semasa aliran tunai berdasarkan kontrak dengan nilai semasa aliran tunai yang mana Kumpulan dan **TH** dijangka akan menerima sepanjang baki hayat instrumen kewangan berkenaan. Bagi kontrak jaminan kewangan, ECL adalah perbezaan antara jangkaan jumlah bayaran jaminan kepada pemegang instrumen hutang yang dijamin, tolak sebarang jumlah yang dijangka akan diterima oleh Kumpulan atau **TH** daripada pemegang instrumen, penghutang atau pihak lain.

Pengiraan ECL mencerminkan:

- satu jumlah yang tidak berat sebelah berdasarkan pemberat kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai hasil dari satu julat;
- nilai masa bagi wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh disokong tanpa melibatkan kos atau usaha yang berlebihan pada tarikh pelaporan tentang peristiwa yang telah berlaku, keadaan semasa dan unjuran keadaan ekonomi pada masa hadapan.

Pendekatan 3 peringkat

Di bawah penilaian kolektif, Kumpulan telah menggunakan pendekatan tiga peringkat untuk mengukur aset kewangan yang diukur pada kos terlunas dan pada FVOCI. Aset kewangan akan dipindahkan melalui tiga peringkat berikut berdasarkan perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal:

i) **Peringkat 1: ECL 12 bulan ("Peringkat 1")**

Untuk pendedahan di mana tidak ada peningkatan yang ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal dan yang tidak menjejaskan kredit selepas pengiktirafan, bahagian ECL seumur hidup yang berkaitan dengan kebarangkalian kegagalan membayar yang berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang diiktiraf.

ii) **Peringkat 2: ECL seumur hidup - tidak menjejaskan kredit ("Peringkat 2")**

Untuk pendedahan di mana terdapat peningkatan yang ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal tetapi yang tidak menjejaskan kredit, ECL seumur hidup diiktiraf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(v) Rosot nilai (*samb.*)

(i) Aset kewangan (*samb.*)

Rosot nilai instrumen hutang, komitmen kewangan dan kontrak jaminan kewangan (*samb.*)

*Pendekatan 3 peringkat (*samb.*)*

iii) **Peringkat 3: ECL seumur hidup - menjejaskan kredit ("Peringkat 3")**

Aset kewangan dinilai sebagai terjejas kredit apabila terdapat satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut telah berlaku. Bagi aset kewangan yang telah terjejas kredit, ECL seumur hidup adalah diiktiraf.

Pendekatan mudah

Kumpulan dan **TH** menggunakan pendekatan mudah di bawah MFRS 9 untuk mengukur ECL yang menggunakan ECL seumur hidup secara amnya untuk semua terimaan hutang perniagaan dan kontrak aset. Nota 50(i)(a) memberikan butiran terperinci pengukuran ECL.

Peningkatan ketara risiko kredit

Kumpulan dan **TH** menimbangkan kemungkinan akan adanya kegagalan membayar balik instrumen kewangan semasa pengiktiran awal aset tersebut dan sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit secara berterusan sepanjang tempoh pelaporan. Untuk menilai sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, Kumpulan dan **TH** membandingkan risiko berlakunya kegagalan untuk membayar balik aset kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko berlakunya kegagalan untuk membayar balik pada tarikh pengiktirafan awal. Kumpulan dan **TH** menimbangkan maklumat sedia ada yang berpandangan ke hadapan yang munasabah dan dapat disokong.

Petunjuk-petunjuk berikut diambil kira dalam menilai risiko kredit:

- penarafan kredit dalaman;
- penarafan kredit luaran (sebanyak mana yang tersedia);
- perubahan ketara yang telah atau dijangka memberi kesan buruk kepada perniagaan, keadaan kewangan atau ekonomi yang dijangka akan mengakibatkan perubahan ketara kepada keupayaan penghutang untuk memenuhi obligasi;
- perubahan ketara sebenar atau yang dijangka dalam hasil operasi penghutang;
- peningkatan ketara dalam risiko kredit instrumen kewangan lain bagi penghutang yang sama;
- perubahan ketara dalam nilai cagaran yang menyokong obligasi atau dalam kualiti jaminan pihak ketiga atau penambahbaikan kredit;
- perubahan ketara dalam jangkaan prestasi dan kelakuan penghutang, termasuk perubahan dalam status pembayaran penghutang dalam kumpulan serta perubahan dalam hasil operasi penghutang.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) diambil kira sebagai sebahagian model penarafan dalaman.

Tanpa bersandarkan analisis di atas, peningkatan ketara risiko kredit dianggap wujud jika penghutang mempunyai tempoh yang melebihi 30 hari dari tarikh hutang perlu dibayar mengikut kontrak.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(v) Rosot nilai (*samb.*)

(i) Aset kewangan (*samb.*)

Takrifan kegagalan untuk membayar balik dan rosot nilai kredit aset kewangan

Kumpulan dan **TH** menakrifkan suatu instrumen kewangan sebagai gagal dibayar balik, yang selari dengan takrifan nilai kredit terjejas, apabila ia gagal memenuhi satu atau lebih ciri-ciri berikut:

Ciri-ciri kuantitatif:

Kumpulan dan **TH** menakrifkan instrumen kewangan sebagai gagal dibayar balik apabila penghutang gagal membuat pembayaran mengikut kontrak apabila mereka mempunyai lebih daripada 90 hari melepasi tempoh bayaran mengikut kontrak.

Ciri-ciri kualitatif:

Penghutang memenuhi ciri-ciri berkemungkinan untuk gagal membayar yang memberi gambaran bahawa penghutang menghadapi masalah kewangan yang ketara. Kumpulan dan **TH** mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- penghutang melanggar syarat-syarat perjanjian kewangan;
- konsesi telah dibuat oleh pemberi pinjaman berkaitan dengan masalah kewangan penghutang;
- terdapatnya kemungkinan bahawa penghutang akan menjadi muflis atau berlaku penyusunan semula urusan kewangan penghutang;
- penghutang menjadi bankrap.

Instrumen kewangan yang mengalami kemerosotan nilai kredit disemak secara individu. Pembiayaan kepada syarikat subsidiari dalam penyata kewangan **TH** disemak secara individu untuk pengiraan ECL, kerana maklumat risiko kredit diperoleh dan dipantau berdasarkan setiap pembiayaan kepada syarikat subsidiari.

Pengukuran ECL ke atas pembiayaan kepada syarikat subsidiari telah dilakukan berdasarkan kaedah aliran tunai didiskaunkan dan dengan meneliti 3 senario yang berbeza iaitu Kes Asas, Kes Terbaik dan Kes Terburuk berdasarkan pemberat tertentu yang telah diletakkan bagi senario-senario tersebut.

(ii) Aset bukan kewangan (merangkumi syarikat subsidiari, bersekutu, entiti usahasama, hartanah, loji dan peralatan dan aset bukan kewangan lain)

Kumpulan dan **TH** menyemak rosot nilai bagi aset bukan kewangan, apabila peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa jumlah dibawa berkemungkinan tidak dapat diperoleh semula (iaitu jumlah dibawa melebihi jumlah yang boleh diperoleh semula).

Jumlah boleh diperoleh semula bagi sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi antara nilai dalam penggunaan berbanding nilai saksama tolak kos untuk dijual. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset tersebut.

Kerugian rosot nilai diiktiraf jika jumlah dibawa aset atau unit penajaan tunainya melebihi jumlah yang boleh diperoleh semula. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(v) Rosot nilai (*samb.*)

(ii) Aset bukan kewangan (merangkumi syarikat subsidiari, bersekutu, entiti usahasama, hartanah, loji dan peralatan dan aset bukan kewangan lain) (*samb.*)

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tahun-tahun terdahulu dinilai pada akhir setiap tempoh pelaporan untuk mengenal pasti sebarang petunjuk sama ada kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian rosot nilai dibalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh diperolehi semula sejak kerugian rosot nilai terdahulu diiktiraf. Kerugian rosot nilai dibalikkan hanya setakat jumlah yang dibawa aset tidak melebihi jumlah yang seolah-olah akan dibawa, bersih selepas susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosot nilai diiktiraf.

(w) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, disebabkan peristiwa yang pernah berlaku, Kumpulan dan **TH** mempunyai obligasi semasa secara sah di bawah undang-undang atau secara konstruktif yang boleh dianggarkan dengan munasabah, dan ia berkemungkinan akan mengakibatkan aliran keluar sumber-sumber ekonomi untuk menyelesaikan obligasi.

Jika Kumpulan dan **TH** menjangkakan peruntukan akan dibayar balik oleh pihak lain, pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan hanya jika pembayaran balik itu pasti diterima. Peruntukan tidak diiktiraf untuk jangkaan kerugian operasi pada masa hadapan.

Jika terdapat beberapa obligasi yang serupa, kebarangkalian aliran keluar yang diperlukan untuk penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan jenis obligasi secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun kebarangkalian aliran keluar bagi mana-mana item yang termasuk dalam jenis obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur berdasarkan anggaran terbaik pengurusan bagi nilai semasa jangkaan perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus bagi obligasi tersebut.

Peruntukan dikaji pada setiap tarikh pelaporan dan jika tidak lagi berkemungkinan aliran keluar diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, peruntukan tersebut dibalikkan.

(x) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman sekuriti sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan Kumpulan dan **TH**. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan yang meningkatkan kelayakan kakitangan kepada ketidakhadiran berbayar masa hadapan. Ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Manfaat jangka panjang lain

Manfaat pekerja jangka panjang yang lain adalah manfaat yang tidak dijangka akan diselesaikan sepenuhnya sebelum dua belas bulan selepas tarikh akhir pelaporan di mana pekerja melaksanakan perkhidmatan yang berkaitan.

Kos bagi manfaat pekerja jangka panjang diakru untuk memadamkan perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan menggunakan asas pengiktirafan dan pengukuran yang serupa dengan pelan manfaat yang ditetapkan yang dinyatakan dalam Nota 3(x)(iv); namun begitu pengukuran semula manfaat tersebut diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(x) Manfaat kakitangan (*samb.*)

(iii) Pelan caruman tetap

Kumpulan dan **TH** membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim pencen yang diluluskan untuk kakitangan. Caruman ini merupakan pelan caruman tetap yang mana caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa dalam untung atau rugi. Apabila caruman telah dibayar, Kumpulan dan **TH** tidak lagi menanggung apa-apa liabiliti tambahan.

(iv) Pelan manfaat persaraan

Kumpulan dan **TH** mengendalikan Pelan Manfaat Persaraan ("Pelan") tidak berdana untuk kakitangan yang layak. Obligasi manfaat persaraan dikira setiap tiga tahun oleh aktuari bebas menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit, di mana jumlah manfaat yang diperoleh kakitangan sebagai balasan perkhidmatan mereka pada tahun kewangan semasa dan tahun-tahun terdahulu dianggarkan. Pengukuran semula, yang merangkumi keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf serta merta dalam penyata kedudukan kewangan dengan debit atau kredit yang sepadan kepada keuntungan terkumpul melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI") dalam tempoh di mana penilaian aktuari dilakukan. Pengukuran semula tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi pada tempoh-tempoh berikutnya.

Pengukuran semula liabiliti pelan persaraan untuk manfaat selepas persaraan perlu diiktiraf dalam OCI, manakala untuk manfaat jangka panjang yang lain diiktiraf dalam untung atau rugi. Semua pelan manfaat dianggap sebagai manfaat selepas persaraan kecuali untuk manfaat haji kerana manfaat ini boleh digunakan semasa dalam tempoh perkhidmatan dan setelah bersara.

Kos perkhidmatan yang telah dilaksanakan diiktiraf dalam untung atau rugi pada awal:

- Tarikh pindaan atau pengurangan pelan; dan
- Tarikh Kumpulan dan **TH** mengiktiraf kos berkaitan penyusunan semula.

Kos kewangan bersih dikira dengan menggunakan kadar diskaun terhadap jumlah liabiliti pelan persaraan bersih. Kumpulan dan **TH** menyedari perubahan berikut dalam obligasi manfaat persaraan di bawah 'perbelanjaan manfaat persaraan' dalam penyata untung atau rugi:

- Kos perkhidmatan merangkumi kos perkhidmatan semasa, kos perkhidmatan masa terdahulu, keuntungan dan kerugian dan pengurangan dan penyelesaian tidak berkala; dan
- Perbelanjaan atau pendapatan kewangan bersih.

Manfaat persaraan jangka panjang **TH** yang tidak berdana adalah seperti berikut:

- (i) Manfaat perubatan;
- (ii) Ganjaran cuti rehat tahunan terkumpul;
- (iii) Anugerah menunaikan fardhu haji; dan
- (iv) Pembayaran gratuiti.

(y) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian **TH**. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan dalam RM telah dibundarkan kepada jumlah ribu yang terdekat, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Mata wang fungsian adalah mata wang utama dalam persekitaran ekonomi di mana **TH** beroperasi. Operasi luar negara Kumpulan dan **TH** mempunyai mata wang fungsian yang berbeza.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(z) Mata asing

(i) Urus niaga dan baki dalam mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian setiap entiti menggunakan kadar tukaran yang ditentukan pada tarikh urus niaga dilaksanakan.

Aset dan liabiliti kewangan dalam denominasi mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan diterjemahkan kepada mata wang fungsian pada kadar penutup tukaran asing pada tarikh tersebut. Perubahan dalam nilai saksama sekuriti kewangan dalam denominasi mata wang asing yang dikelaskan sebagai instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain dianalisis antara perbezaan terjemahan yang timbul daripada perubahan dalam kos terlunas sekuriti tersebut berbanding perubahan-perubahan lain dalam jumlah yang dibawa oleh sekuriti. Perbezaan tukaran yang berkaitan dengan perubahan dalam kos terlunas diiktiraf dalam untung atau rugi, dan perubahan-perubahan lain dalam jumlah dibawa diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam denominasi mata wang asing tidak diterjemah semula pada tarikh akhir tempoh pelaporan kecuali aset dan liabiliti bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama yang diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

Item bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing diterjemah menggunakan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Perbezaan tukaran mata wang bagi aset dan liabiliti yang dibawa pada nilai saksama dilaporkan sebagai sebahagian daripada untung atau rugi nilai saksama. Perbezaan tukaran mata wang bagi aset dan liabiliti bukan kewangan seperti ekuiti yang dipegang pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada untung atau rugi nilai saksama. Perbezaan tukaran bagi aset kewangan bukan kewangan, seperti ekuiti yang dikelaskan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, adalah diambil kira dalam pendapatan komprehensif lain.

(ii) Operasi yang didenominasi dalam mata wang fungsian selain Ringgit Malaysia ("RM")

Aset dan liabiliti bagi operasi dalam denominasi mata wang fungsian selain Ringgit Malaysia, termasuk pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan, diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran pada akhir tempoh pelaporan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi luar negara diterjemah kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran pada tarikh urus niaga. Perbezaan tukaran mata wang asing yang timbul daripada terjemahan operasi yang didenominasi dalam mata wang asing diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebagai perbezaan tukaran mata wang berkenaan dengan operasi asing.

Apabila operasi yang didenominasi dalam mata wang asing dilupuskan melalui penjualan yang mengakibatkan kehilangan kawalan atau pengaruh ketara, rizab perbezaan tukaran mata wang asing terkumpul bagi operasi tersebut dikelaskan kepada untung atau rugi sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian atas penjualan.

Bagi pelupusan sebahagian kepentingan yang tidak menyebabkan Kumpulan kehilangan kawalan terhadap syarikat subsidiari yang melibatkan operasi asing, bahagian rizab tukaran asing terkumpul yang dilupuskan dipindahkan kepada kepentingan minoriti dan tidak diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagi lain-lain pelupusan sebahagian (iaitu pengurangan kepentingan pemilikan Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau entiti usahasama yang tidak menyebabkan Kumpulan kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama) bahagian rizab perbezaan tukaran mata wang asing terkumpul dikelaskan kepada untung atau rugi.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(aa) Pengiktirafan pendapatan

(i) Pendapatan pelaburan

Keuntungan dari instrumen hutang patuh Syariah diiktiraf dalam untung atau rugi atas asas akruan menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

Dividen daripada pelaburan diiktiraf apabila hak untuk menerima dividen telah ditetapkan.

Keuntungan daripada sekuriti hutang dan pelaburan dalam pasaran wang diperakaunkan atas asas akruan.

Pendapatan daripada sumber tidak patuh Syariah tidak diiktiraf dalam untung atau rugi, sejajar dengan garis panduan yang diterbitkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH**. Pendapatan ini diambil kira dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Pendapatan pembiayaan

Urus niaga perbankan

Pendapatan pembiayaan diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif. Kadar keuntungan efektif adalah kadar yang digunakan untuk mendiskaunkan anggaran bayaran atau terimaan tunai masa hadapan sepanjang jangkaan tempoh instrumen kewangan atau, jika sesuai, pada tempoh yang lebih pendek bagi jumlah dibawa bersih instrumen kewangan. Semasa mengira kadar keuntungan efektif, Kumpulan mempertimbangkan kesemua syarat-syarat kontrak instrumen kewangan tetapi tidak mengambil kira kerugian kredit masa hadapan. Pengiraan ini adalah termasuk semua fi dan kos transaksi yang merupakan sebahagian pengiraan kadar keuntungan efektif, termasuk sebarang premium atau diskaun.

Pendapatan dari kontrak berasaskan jualan diiktiraf berdasarkan kadar keuntungan efektif sepanjang tempoh kontrak berdasarkan jumlah prinsipal yang tertunggak manakala pendapatan dari ljarah (kontrak berasaskan pajakan) diiktiraf berdasarkan kadar keuntungan efektif sepanjang tempoh pajakan.

Apabila aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan diturun nilai disebabkan kerugian rosot nilai, pendapatan diiktiraf menggunakan kadar keuntungan yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai hadapan bagi tujuan pengiraan kerugian rosot nilai.

Urus niaga takaful

Pendapatan dari pembiayaan diiktiraf berdasarkan asas akruan dan berdasarkan pembahagian jangka masa yang mengambil kira hasil efektif aset.

(iii) Penjualan barangan

Pendapatan diukur berdasarkan harga jualan yang dinyatakan dalam kontrak dengan pelanggan sebagai pertukaran untuk memindahkan barangan dan perkhidmatan kepada pelanggan, kecuali jumlah yang diterima bagi pihak ketiga. Kumpulan mengiktiraf pendapatan apabila atau semasa ia memindahkan kawalan terhadap barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila atau semasa pelanggan memperoleh kawalan terhadap aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

3. Dasar perakaunan penting *(samb.)*

(aa) Pengiktirafan pendapatan *(samb.)*

(iii) Penjualan barangan *(samb.)*

Kumpulan memindahkan kawalan terhadap barangan atau perkhidmatan pada satu masa melainkan salah satu ciri-ciri berikut dipenuhi, di mana pemindahan kawalan terhadap barangan atau perkhidmatan dianggap telah selesai dalam sesuatu tempoh masa:

- (a) Pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan ketika Kumpulan melaksanakan kontrak;
- (b) Pelaksanaan oleh Kumpulan mewujudkan atau meningkatkan nilai aset yang dikawal oleh pelanggan ketika aset sedang diwujudkan atau ditingkatkan nilai; atau
- (c) Pelaksanaan oleh Kumpulan tidak mewujudkan aset untuk kegunaan alternatif dan Kumpulan mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan terhadap bayaran bagi pelaksanaan yang telah selesai sehingga kini.

(iv) Kontrak pembinaan

Di bawah kontrak pembinaan, Kumpulan dilantik untuk membina bangunan dan infrastruktur yang berkaitan dan dalam keadaan tertentu untuk membekalkan peralatan. Kontrak ini berkemungkinan mengandungi pelbagai janji kepada pelanggan dan dengan itu diperakunkan secara berasingan sebagai pelaksanaan obligasi kerja. Nilai saksama bagi pendapatan, yang berdasarkan harga tetap di bawah perjanjian, akan diagihkan berdasarkan harga jualan yang berasingan sebagai balasan bagi setiap satu pelaksanaan obligasi kerja. Kumpulan mengiktiraf pendapatan pembinaan dari semasa ke semasa kerana projek yang dibina tidak mempunyai penggunaan alternatif kepada Kumpulan dan ia mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan ke atas bayaran bagi kerja-kerja yang telah siap dilaksanakan sehingga kini. Tahap siap diukur menggunakan kaedah input, yang berdasarkan jumlah keseluruhan kos pembinaan sebenar yang ditanggung sehingga kini berbanding jumlah keseluruhan kos yang dianggarkan untuk setiap projek pembinaan.

(v) Pembangunan hartanah

Kontrak dengan pelanggan berkemungkinan mengandungi pelbagai janji kepada pelanggan dan dengan itu diambil kira sebagai pelaksanaan obligasi kerja secara berasingan. Dengan itu, harga urus niaga akan diagihkan kepada setiap pelaksanaan obligasi kerja berdasarkan harga jualan yang berasingan. Jika pelaksanaan ini tidak dapat diasingkan secara langsung, jumlah tersebut dianggarkan berdasarkan jangkaan kos dengan tambahan margin.

Pendapatan daripada pembangunan hartanah diukur pada harga urus niaga yang telah ditetapkan dan dipersetujui di bawah perjanjian jual beli.

Pendapatan daripada pembangunan hartanah diiktiraf apabila kawalan terhadap aset dipindahkan kepada pelanggan dan berkemungkinan Kumpulan akan mendapat hasil yang layak diterima sebagai pertukaran untuk aset yang akan dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung kepada syarat-syarat kontrak dan undang-undang yang terpakai menurut kontrak, kawalan terhadap aset boleh dipindahkan dari semasa ke semasa atau pada satu-satu masa. Kawalan terhadap aset dipindahkan dari semasa ke semasa jika pelaksanaan kerja oleh Kumpulan tidak mewujudkan aset yang mempunyai kegunaan alternatif kepada Kumpulan dan Kumpulan mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk menerima pembayaran bagi kerja-kerja yang telah disiapkan sehingga kini.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

(aa) Pengiktirafan pendapatan (*samb.*)

(v) Pembangunan hartanah (*samb.*)

Perkara ini secara amnya wujud apabila:

- (a) hartanah yang dijanjikan dikenal pasti secara khusus melalui plotnya, nombor lot dan nombor petak serta ciri-ciri (seperti saiz dan lokasi) dalam perjanjian jual beli dan pelan susun atur yang dilampirkan dan pembeli boleh menguatkuasakan hak mereka kepada hartanah yang dijanjikan sekiranya Kumpulan berusaha untuk menjual unit mereka kepada pembeli lain. Sekatan di bawah kontrak ke atas keupayaan Kumpulan untuk mengarahkan hartanah kediaman yang dijanjikan untuk kegunaan lain adalah substantif dan hartanah yang dijanjikan yang dijual kepada pembeli tidak mempunyai kegunaan alternatif kepada Kumpulan; dan
- (b) Kumpulan mempunyai hak untuk menerima bayaran mengikut pelaksanaan kerja yang telah siap sehingga kini dan berhak untuk terus memindahkan unit pembangunan yang dijanjikan kepada pembeli dan mempunyai hak untuk menyelesaikan pembinaan hartanah dan menguatkuasakan haknya untuk menerima bayaran penuh.

Jika kawalan terhadap aset dipindahkan dari semasa ke semasa, pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh kontrak dengan merujuk kepada tahap kemajuan ke arah memenuhi pelaksanaan obligasi kerja tersebut. Jika tidak, pendapatan diiktiraf pada satu masa tertentu apabila pelanggan memperoleh kawalan terhadap aset tersebut.

Kumpulan mengiktiraf pendapatan dari semasa ke semasa dengan menggunakan kaedah input, yang berdasarkan kos sebenar yang ditanggung sehingga kini bagi projek pembangunan hartanah berbanding jumlah keseluruhan anggaran kos untuk projek pembangunan masing-masing.

Kumpulan mengiktiraf penjualan pada satu masa tertentu bagi penjualan hartanah yang telah siap, apabila kawalan ke atas hartanah tersebut telah dipindahkan kepada pembeli, iaitu apabila hartanah telah disiapkan dan diserahkan kepada pembeli dan Kumpulan berkemungkinan akan mendapat hasil yang layak diterima sebagai pertukaran kepada aset yang telah dijual.

(vi) Penjualan tanah

Penjualan tanah secara umumnya dijangka menjadi satu-satunya pelaksanaan obligasi yang mana Kumpulan telah menentukan bahawa ia akan dipenuhi pada satu masa tertentu apabila kawalan dipindahkan. Bagi pertukaran kontrak tanpa syarat, ini biasanya dijangka berlaku apabila hakmilik sah mengikut undang-undang berpindah kepada pelanggan. Bagi pertukaran kontrak bersyarat, ini dijangka berlaku apabila semua syarat-syarat utama dipenuhi.

(vii) Pengurusan fasiliti

Pendapatan daripada kontrak pengurusan fasiliti diiktiraf berdasarkan syarat-syarat kontrak.

(viii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf dalam untung atau rugi mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diberi diiktiraf sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan sewa, sepanjang tempoh pajakan. Pendapatan sewa daripada hartanah yang dipajak di bawah pajakan utama diiktiraf sebagai pendapatan lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

3. Dasar perakaunan penting *(samb.)*

(aa) Pengiktirafan pendapatan *(samb.)*

(x) Pendapatan lain dari operasi perbankan dan takaful

Fi dan pendapatan lain

Fi daripada pengaturanan, pengurusan dan penyertaan pembiayaan, komisen menaja jamin, fi pembrokeran dan insentif dari prestasi wakalah diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan kontrak perjanjian. Fi daripada aktiviti khidmat nasihat dan kewangan korporat diiktiraf, bersih selepas ditolak cukai perkhidmatan dan diskaun, pada setiap peringkat penyelesaian perkhidmatan.

Fi Wakalah

Fi wakalah diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan oleh setiap dana berdasarkan peratusan yang telah ditetapkan dari hasil kasar semasa pengeluaran sijil. Lebihan atau defisit wakalah terhasil selepas komisen dan perbelanjaan pengurusan ditolak daripada fi wakalah yang dikenakan.

Pendapatan caruman Dana Takaful Keluarga

Pendapatan caruman diiktiraf sebaik sahaja jumlah caruman dapat diukur dengan pasti. Caruman awal diiktiraf dari tarikh permulaan penyertaan dan caruman seterusnya diiktiraf apabila jumlah perlu dibayar. Pada akhir setiap tempoh kewangan, kesemua caruman yang perlu dibayar adalah diperakaunkan setakat jumlah yang dapat diukur dengan pasti.

Pendapatan caruman Dana Takaful Am

Pendapatan caruman diiktiraf dalam tempoh kewangan yang berkaitan dengan risiko-risiko yang ditanggung sepanjang tempoh kewangan berdasarkan tarikh permulaan tanggungan risiko. Caruman takaful semula *'Inward Treaty'* diiktiraf berdasarkan nasihat yang diterima secara berkala daripada pengendali-pengendali takaful.

(ab) Kos kewangan

Kos kewangan yang tidak berkait secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau penghasilan aset yang layak, diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

Kos kewangan yang berkait secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau penghasilan aset yang layak, yang mana aset-aset tersebut mengambil tempoh masa yang panjang untuk disiapkan bagi tujuan untuk digunakan atau dijual, adalah dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset-aset tersebut.

Pemodalan kos kewangan sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak bermula apabila perbelanjaan bagi aset tersebut berlaku, kos kewangan ditanggung dan aktiviti-aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset bagi tujuan yang dirancang atau untuk dijual sedang dalam pelaksanaan. Pemodalan kos kewangan dihentikan sementara atau ditamatkan apabila sebahagian besar aktiviti-aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset tersebut bagi tujuan yang dirancang atau untuk dijual tergendala atau telah selesai.

Pendapatan pelaburan yang diperoleh daripada pelaburan sementara yang dibuat daripada pinjaman yang diambil secara khusus tetapi belum digunakan untuk aset yang layak, ditolak daripada kos kewangan yang dipermodalkan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

3. Dasar perakaunan penting *(samb.)*

(ac) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali jika ia berkait dengan penggabungan perniagaan atau perkara-perkara yang diiktiraf secara langsung melalui rizab atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah jangkaan cukai yang akan dibayar atau diterima dari pendapatan atau kerugian bercukai pada tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau secara substantif diwartakan pada akhir tempoh pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai berbayar berhubung dengan tahun-tahun terdahulu.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti dengan mengambilkira perbezaan sementara antara jumlah dibawa bagi aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dengan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara yang timbul daripada pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam satu transaksi yang tidak melibatkan penggabungan perniagaan dan tidak mendatangkan kesan kepada keuntungan atau kerugian perakaunan atau bercukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan terhadap perbezaan sementara apabila ia dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah diwartakan atau diwartakan secara substantif pada akhir tempoh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah di sisi undang-undang untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ia berkait dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama ke atas entiti bercukai yang sama, atau entiti cukai yang berbeza tetapi entiti-entiti tersebut merancang untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa pada jumlah bersih atau aset dan liabiliti cukai entiti-entiti tersebut akan direalisasikan pada masa yang sama.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat ia berkemungkinan akan menghasilkan keuntungan bercukai pada masa hadapan yang boleh digunakan terhadap perbezaan sementara. Aset cukai tertunda disemak pada akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan setakat ia tidak lagi berkemungkinan boleh digunakan untuk merealisasikan manfaat cukai berkenaan.

(ad) Aset yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual

Aset (atau kumpulan aset untuk dilupuskan) dikelaskan sebagai aset yang dipegang untuk dijual jika jumlah dibawa dijangka akan diperolehi semula terutamanya melalui urus niaga penjualan berbanding penggunaan berterusan dan tahap kebarangkalian penjualannya adalah sangat tinggi. Aset ini dinyatakan pada jumlah yang lebih rendah antara jumlah dibawa berbanding nilai saksama, tolak kos untuk dijual, kecuali aset-aset seperti aset cukai tertunda, aset yang timbul daripada manfaat pekerja, aset kewangan dan hartanah pelaburan yang dibawa pada nilai saksama dan hak-hak di bawah kontrak insurans, yang secara khusus dikecualikan daripada kehendak dasar perakaunan ini.

Sejurus sebelum pengkelasan kepada aset dipegang untuk dijual atau diagihkan, aset ini atau komponen daripada kumpulan aset untuk dijual dinilai semula mengikut dasar perakaunan Kumpulan yang berkaitan. Aset atau komponen daripada kumpulan aset untuk dijual ini kemudiannya dinilai pada jumlah yang lebih rendah antara jumlah dibawa berbanding nilai saksama, tolak kos untuk dijual.

Sebaik sahaja aset tak ketara dan hartanah, loji dan peralatan dikelaskan kepada aset dipegang untuk dijual atau diagihkan, ia tidak lagi dilunaskan atau disusut nilai. Di samping itu, perakaunan ekuiti bagi syarikat bersekutu dan entiti usahasama ditamatkan apabila ia dikelaskan untuk dijual atau diagihkan.

Aset yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual dan kumpulan aset untuk dilupuskan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual adalah dibentangkan secara berasingan daripada aset-aset lain dalam penyata kedudukan kewangan. Liabiliti yang berkaitan dengan kumpulan aset untuk dilupuskan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual dibentangkan secara berasingan daripada liabiliti lain dalam penyata kedudukan kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

3. Dasar perakaunan penting *(samb.)*

(ad) Aset yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

Operasi yang ditamatkan adalah satu komponen entiti yang telah dilupuskan atau dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual dan yang merupakan komponen utama perniagaan atau kawasan geografi operasi yang berasingan, adalah sebahagian daripada pelan terkoordinasi tunggal untuk dilupuskan dari komponen perniagaan atau kawasan operasi, atau syarikat subsidiari yang diambil alih secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual semula. Prestasi operasi yang ditamatkan dibentangkan secara berasingan dalam penyata untung dan rugi dan penyata pendapatan komprehensif lain.

(ae) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti, kecuali bayaran berasaskan saham dan transaksi pajakan, adalah ditentukan sebagai jumlah yang akan diterima dari penjualan aset atau yang akan dibayar bagi memindahkan liabiliti secara teratur antara pembeli dan penjual pada tarikh pengukuran. Pengukuran ditentukan dengan andaian bahawa transaksi penjualan aset atau pemindahan liabiliti disifatkan berlaku sama ada dalam pasaran utama atau dengan ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta-peserta di pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset pada tahap yang tertinggi dan terbaik atau dengan menjual aset tersebut kepada peserta lain dalam pasaran yang akan menggunakan aset tersebut pada tahap tertinggi dan terbaik.

Apabila nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti diukur, Kumpulan dan **TH** menggunakan data pasaran yang dapat dirujuk sebanyak mungkin. Nilai saksama dikategorikan kepada peringkat yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

- a) Tahap 1 - Harga tercatat (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
- b) Tahap 2 - Input selain daripada harga tercatat yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh dirujuk bagi aset atau liabiliti berkaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- c) Tahap 3 - Input dalaman bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan dan **TH** mengiktiraf pindahan antara tahap-tahap hierarki nilai saksama pada tarikh pindahan berlaku atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pindahan berlaku.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

4. Pertimbangan perakaunan, anggaran dan andaian utama

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan **TH** memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penerapan polisi dan jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti dan pendedahan yang dilaporkan. Walaupun anggaran dan penilaian ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik oleh pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza.

Kumpulan dan **TH** menggunakan andaian dan anggaran berdasarkan parameter yang tersedia apabila penyata kewangan disatukan disediakan. Walau bagaimanapun keadaan dan andaian tentang perkembangan masa hadapan mungkin berubah disebabkan perubahan pasaran atau keadaan yang timbul di luar kawalan Kumpulan dan **TH**. Perubahan sedemikian diambil kira dalam andaian apabila ia berlaku.

Pertimbangan dan anggaran paling utama yang digunakan adalah seperti berikut:

(a) Pengukuran nilai saksama instrumen kewangan

Apabila nilai saksama aset dan liabiliti kewangan direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan tidak dapat diukur berdasarkan harga tercatat dalam pasaran aktif, nilai saksama aset dan liabiliti kewangan ini diukur menggunakan teknik penilaian termasuk model aliran tunai didiskaunkan. Input bagi model-model ini diambil daripada pemerhatian pasaran yang mungkin diperolehi, tetapi jika ia tidak dapat diperolehi, suatu tahap pertimbangan diperlukan bagi menetapkan nilai saksama. Pertimbangan termasuklah pertimbangan input seperti risiko kecairan, risiko kredit dan perubahan turun naik pasaran. Perubahan dalam andaian yang berkaitan dengan faktor-faktor ini boleh memberi kesan kepada nilai saksama instrumen kewangan yang dilaporkan. Andaian utama yang digunakan, hasil keputusan dan kesimpulan bagi pengukuran nilai saksama dinyatakan dalam Nota 51.

(b) Pengukuran peruntukan ECL

Peruntukan kerugian untuk aset kewangan adalah berdasarkan kepada andaian tentang risiko kegagalan membayar balik dan jangkaan kadar kerugian. Kumpulan dan **TH** menggunakan pertimbangan dalam membuat andaian-andaian ini dan memilih input untuk pengiraan rosot nilai, berdasarkan sejarah Kumpulan dan **TH** keadaan pasaran sedia ada serta anggaran jangka hadapan pada akhir tempoh pelaporan. Butiran mengenai andaian utama dan input yang digunakan dinyatakan dalam Nota 50(i)(a).

Pemerolehan Sukuk UJSB dan penerimaan hutang tertunda

Selaras dengan MFRS 9, Sukuk dan penerimaan hutang tertunda adalah instrumen hutang yang memenuhi kriteria pembayaran pokok dan keuntungan ("SPPP") semata-mata dan **TH** akan memegang instrumen ini untuk menerima pokok dan keuntungan sehingga tempoh matang. Oleh itu, ia diukur pada kos terlunas. **TH** akan mengiktiraf peruntukan kerugian untuk jangkaan kerugian kredit ("ECL") untuk semua instrumen hutang yang diukur pada kos terlunas.

Oleh kerana penerbitan Sukuk UJSB dan penerimaan hutang tertunda adalah dari UJSB, entiti milik penuh MoF Inc., anggota Lembaga dan pengurusan **TH** berpendapat bahawa Sukuk dan penerimaan hutang tertunda harus dinilai di bawah Kerajaan Malaysia. Memandangkan tidak ada pelabur yang pernah mengalami kerugian dari instrumen hutang dalam denominasi Ringgit Malaysia yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan/atau SPV yang dimiliki oleh MoF Inc., anggota Lembaga dan pengurusan **TH** telah memutuskan bahawa ECL tidak diperlukan untuk Sukuk UJSB dan penerimaan hutang tertunda pada 31 Disember 2020. Butiran lebih lanjut mengenai Sukuk UJSB dan penerimaan hutang tertunda dinyatakan dalam Nota 10.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

4. Pertimbangan perakaunan, anggaran dan andaian utama (*samb.*)

(c) Rosot nilai aset bukan kewangan

Rosot nilai wujud apabila jumlah dibawa aset atau unit penajaan tunai melebihi jumlah boleh diperoleh semula, iaitu yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos jualan dengan nilai dalam penggunaan.

Pengiraan nilai saksama tolak kos jualan adalah berdasarkan data yang tersedia daripada ikatan urus niaga jualan, yang dijalankan dengan telus, bagi aset yang serupa atau harga pasaran yang boleh dirujuk tolak kos tambahan bagi penjualan aset tersebut. Pengiraan nilai dalam penggunaan adalah berdasarkan model aliran tunai didiskaunkan. Aliran tunai tidak mengandungi aktiviti penstrukturan semula yang mana Kumpulan dan **TH** belum lagi memberi komitmen atau pelaburan utama masa hadapan yang akan meningkatkan prestasi aset unit penajaan tunai yang disemak.

Andaian utama yang digunakan, hasil keputusan dan kesimpulan penilaian rosot nilai dinyatakan dalam Nota 20, 21, 22, 24, 25, 26, 27 dan 29.

(d) Kontrak pembinaan dan pembangunan hartanah

Kumpulan mengiktiraf aktiviti pembangunan hartanah tertentu dan kontrak pembinaan berdasarkan kaedah peratusan siap. Tahap siap aktiviti pembangunan hartanah dan kontrak pembinaan diukur mengikut dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3(j) dan 3(ab).

Pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan peratusan siap, tahap pembangunan projek dan kos kontrak yang ditanggung, anggaran jumlah pendapatan dan jumlah kos dan pemerolehan semula projek dan kontrak pembangunan. Dalam membuat pertimbangan ini, pengurusan bergantung pada pengalaman terdahulu dan kerja-kerja pakar.

(e) Penilaian semula hartanah pelaburan dan perhutanan

Kumpulan dan **TH** menyatakan jumlah dibawa bagi hartanah pelaburan dan perhutanan pada nilai saksama, dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Hartanah pelaburan dinilai dengan merujuk kepada transaksi yang melibatkan hartanah yang mempunyai jenis, lokasi dan keadaan yang serupa. Penilaian hartanah pelaburan dibincangkan selanjutnya dalam Nota 19.

Nilai saksama perhutanan ditentukan menggunakan penilaian yang disediakan oleh jurunilai bebas. Penilaian melibatkan andaian yang dibuat tentang kadar diskaun, harga masa hadapan bagi susu getah dan balak, hasil susu getah, kuantiti balak, kos penyelenggaraan, kos penanaman dan kos penuaian pada masa hadapan. Oleh itu, anggaran nilai saksama adalah tertakluk kepada ketidakpastian yang ketara. Andaian utama yang digunakan untuk mendapatkan nilai saksama adalah seperti yang ditunjukkan dalam Nota 24.

(f) Pengiktirafan nilai aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua kerugian cukai yang belum digunakan, elaun modal tidak serap dan elaun cukai pelaburan belum digunakan setakat mana terdapat kebarangkalian bahawa keuntungan boleh dicukai tersedia untuk digunakan ke atas kerugian cukai, elaun modal dan elaun cukai pelaburan. Pertimbangan yang penting daripada pihak pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan kepada kemungkinan tempoh masa dan tahap keuntungan boleh cukai masa hadapan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

4. Pertimbangan perakaunan, anggaran dan andaian utama (*samb.*)

(g) Susut nilai hartanah, loji dan peralatan

Secara amnya, aset dalam kategori hartanah, loji dan peralatan, kecuali tanaman penghasil, disusut nilai berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang hayat penggunaannya sehingga mencapai nilai sisa. Pihak pengurusan menyemak nilai sisa, hayat penggunaan dan kaedah susut nilai pada akhir tahun kewangan dan memastikan keseragaman dengan anggaran terdahulu dan corak penggunaan manfaat ekonomi yang merangkumi item-item dalam aset ini. Perubahan dalam hayat penggunaan dan nilai sisa aset boleh menyebabkan pindaan kepada caj susut nilai pada masa hadapan.

Kumpulan menyusut nilai tanaman penghasil berdasarkan anggaran hasil yang mana dianggarkan berdasarkan hasil trend terdahulu bagi setiap hektar yang bergantung kepada usia pokok. Hasil setiap hektar ditentukan oleh penasihat penanaman dalaman yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman di ladang. Menganggarkan potensi hasil memerlukan pertimbangan yang penting dan bergantung kepada trend penghasilan terdahulu Kumpulan. Hasil sebenar walau bagaimanapun mungkin berbeza daripada yang dijangkakan.

(h) Peruntukan manfaat persaraan

Kos bagi pelan manfaat persaraan ditentukan menggunakan penilaian aktuari. Penilaian aktuari melibatkan pelbagai andaian dibuat yang mungkin berbeza daripada perkembangan sebenar masa hadapan. Ini termasuklah penentuan kadar diskaun, kenaikan gaji, kadar aliran perubatan dan kadar inflasi. Disebabkan terdapat kerumitan dalam penilaian dan sifat jangka panjangnya, obligasi ini sangat sensitif kepada perubahan dalam andaian yang digunakan. Kesemua andaian akan disemak pada setiap tarikh pelaporan. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan kepada jumlah peruntukan manfaat persaraan, seperti yang dinyatakan dalam Nota 39.

(i) Peruntukan tuntutan takaful tertunggak

Peruntukan tuntutan takaful tertunggak adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(t) dan adalah bergantung kepada anggaran dan pertimbangan pengurusan. Tuntutan sebenar dan pembayaran mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

(j) Rizab perbelanjaan

Dana Takaful Am

Rizab perbelanjaan untuk sijil mudharabah dikira berdasarkan anggaran terbaik peruntukan risiko perbelanjaan belum luput ("UER") dan peruntukan margin risiko untuk pergerakan yang tidak selari ("PRAD"). Rizab perbelanjaan untuk sijil wakalah merujuk kepada agregat yang lebih tinggi antara Fi Wakalah Belum Diperoleh ("UWF") untuk semua bidang perniagaan atau anggaran terbaik peruntukan UER dan PRAD pada tahap jumlah keseluruhan dana.

Dana Takaful Keluarga

Rizab perbelanjaan terdiri daripada perkara berikut:

(i) Liabiliti perbelanjaan

Kaedah yang digunakan untuk menilai liabiliti perbelanjaan perlu selari dengan kaedah yang digunakan untuk menilai liabiliti takaful bagi sijil takaful keluarga yang berkaitan (sebagai contoh, untuk sijil takaful biasa jangka panjang, kaedah penilaian bagi liabiliti perbelanjaan juga harus bersifat jangka panjang).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

4. Pertimbangan perakaunan, anggaran dan andaian utama *(samb.)*

(j) Rizab perbelanjaan *(samb.)*

Dana Takaful Keluarga *(samb.)*

Rizab perbelanjaan terdiri daripada perkara berikut: *(samb.)*

(ii) Rizab Kekurangan untuk Skim Anuiti Takaful Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Sebagai tambahan kepada liabiliti perbelanjaan di atas, satu keperluan tambahan juga dipatuhi seperti berikut:

Jika Dana Pelaburan Peserta ("PIF") dijangka tidak mencukupi untuk memenuhi manfaat anuiti tertentu pada masa hadapan dan/atau anuiti hayat tabarru' masa hadapan, peruntukan lain hendaklah diasingkan yang selari dengan kehendak garis panduan penilaian. Apabila PIF tidak mencukupi, Dana Pemegang Saham perlu memastikan bayaran anuiti manfaat tertentu untuk peserta dan tabarru' kepada Dana Risiko Peserta ("PRF") diutamakan.

Anggaran yang dibuat mungkin berbeza daripada pembayaran sebenar dalam keadaan-keadaan tersebut.

(k) Pajakan

Perakaunan oleh penerima pajakan - pilihan pelanjutan dan penamatan pajakan

Dalam menentukan terma pajakan, Kumpulan dan **TH** menganggap semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan opsyen lanjutan, atau tidak melaksanakan opsyen penamatan. Opsyen pelanjutan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) hanya termasuk dalam tempoh pajakan jika pajakan itu berkemungkinan besar dilanjutkan (atau tidak ditamatkan).

Perakaunan oleh penerima pajakan - anggaran kadar pinjaman tambahan bagi pajakan

Kumpulan dan **TH** tidak dapat dengan mudah menentukan kadar faedah yang tersirat dalam pajakan, oleh itu, ia menggunakan kadar pinjaman tambahan ("IBR") untuk mengukur liabiliti pajakan. IBR adalah kadar keuntungan yang perlu dibayar oleh Kumpulan dan **TH** untuk meminjam dalam jangka masa yang sama, dan dengan jaminan yang sama, dana yang diperlukan untuk memperoleh aset yang sama dengan nilai aset ROU dalam persekitaran ekonomi yang serupa. Oleh itu, IBR mencerminkan apa yang perlu dibayar oleh Kumpulan dan **TH**, yang memerlukan anggaran apabila tiada kadar yang boleh dirujuk atau apabila mereka perlu diselaraskan untuk menggambarkan terma dan syarat pajakan. Kumpulan dan **TH** menggunakan IBR menggunakan input yang dapat dirujuk apabila tersedia dan diperlukan untuk membuat anggaran tertentu yang khusus untuk entiti.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

5. Tunai dan dana jangka pendek

	Kumpulan	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
Pelaburan jangka pendek dengan:		
- Institusi kewangan berlesen	795,251	3,740,741
- Bank Negara Malaysia	-	658,053
Tunai dan baki di bank	846,496	2,085,191
Tunai dipegang pengurus dana luar	492,795	362,891
	2,134,542	6,846,876

	TH	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
Pelaburan jangka pendek dengan institusi kewangan berlesen	882,485	2,424,776
Tunai dan baki di bank	1,415,390	730,466
Tunai dipegang pengurus dana luar	492,795	362,891
	2,790,670	3,518,133

Pelaburan Kumpulan dan **TH** dengan institusi kewangan berlesen mendapat margin keuntungan antara 0.05% hingga 3.10% (2019: 0.85% hingga 4.00%). Tempoh matang pelaburan jangka pendek adalah dari 1 hingga 90 hari bergantung kepada keperluan tunai segera Kumpulan dan **TH**.

Pelaburan Kumpulan dan **TH** dengan institusi kewangan berlesen serta tunai dan baki di bank merangkumi pelaburan jangka pendek serta tunai dan baki di bank milik TKJHM dan TWT berjumlah RM399,168,000 (2019: RM389,020,000).

Tunai dan baki di bank Kumpulan merangkumi:

- (i) RM1,316,000 (2019: RM1,316,000) yang dicagarkan kepada bank sebagai jaminan pinjaman; dan
- (ii) RM5,888,000 (2019: RM4,375,000), yang penggunaannya adalah tertakluk di bawah Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pembangunan Perumahan) (Pindaan) 2002.

Pelaburan Kumpulan dengan institusi kewangan berlesen merangkumi sejumlah RM1,009,000 (2019: RM84,044,000) yang dicagarkan terhadap kemudahan kredit pusingan seperti yang dinyatakan dalam Nota 38.

Pada 24 Disember 2020, LTH Property Holdings, anak syarikat Kumpulan, telah menandatangani Perjanjian Murabaha Induk dengan sebuah institusi kewangan berjumlah RM592,963,000 (£108,000,000) yang berkuatkuasa mulai 31 Disember 2020. Pada 31 Disember 2020, sebanyak RM37,883,000 (£6,900,000) telah dicagarkan di dalam akaun escrow.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

5. Tunai dan dana jangka pendek *(samb.)*

Pada tahun 2019, Perjanjian Kepentingan Keselamatan yang ditandatangani antara Millstream Property Limited ("MPL"), syarikat subsidiari Kumpulan yang diperbadankan di Jersey dan Maybank Islamic Berhad berhubung dengan pemberian Kemudahan Murabahah sebanyak £36,560,000, meletakkan syarat agar MPL menandatangani pendapatan sewa dari Windsor Office Park ke akaun HSBC Bank Plc yang ditetapkan dan dicagarkan sebagai jaminan kepada Maybank Islamic Berhad. RM23,237,000 (£4,321,000) dimasukkan sebagai faedah sekuriti ke dalam akaun HSBC Bank Plc pada 31 Disember 2019. Pada 31 Disember 2020, kemudahan tersebut telah dijelaskan sepenuhnya.

6. Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain

	Kumpulan	
	<u>2020</u>	<u>2019</u>
	RM'000	RM'000
Bank-bank berlesen	9,631,011	6,068,918
Institusi-institusi kewangan lain	-	35,039
	9,631,011	6,103,957

	TH	
	<u>2020</u>	<u>2019</u>
	RM'000	RM'000
Bank-bank berlesen	11,495,310	4,180,722

7. Instrumen kewangan derivatif

Kumpulan	Amaun	Nilai Saksama	
	Nosional	Aset	Liabiliti
	RM'000	RM'000	RM'000
<u>2020*</u>			
Kontrak tukaran hadapan	-	-	17,403
<u>2019</u>			
Kontrak hadapan	6,255,520	27,816	37,271
Waran	-	1,905	-
Tukaran kadar keuntungan	147,098	1,700	819
	6,402,618	31,421	38,090

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

7. Instrumen kewangan derivatif (*samb.*)

<i>TH</i>	Amaun	Nilai Saksama	
	Nosional RM'000	Aset RM'000	Liabiliti RM'000
<u>2020</u>			
Waran	554,609	27,025	-
<u>2019</u>			
Waran	554,609	27,025	-

Jadual-jadual di atas merumuskan jumlah kontrak atau prinsipal yang mendasari instrumen kewangan derivatif yang dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan untuk tujuan lindung nilai. Jumlah prinsipal atau kontrak bagi instrumen-instrumen ini mencerminkan baki jumlah transaksi pada tarikh kedudukan kewangan, dan tidak mencerminkan jumlah risiko yang terdedah. Urus niaga instrumen kewangan derivatif dinilai semula pada jumlah kasar dan keuntungan atau kerugian tidak realis ditunjukkan sebagai aset dan liabiliti kewangan derivatif masing-masing.

* Pada tahun 2020, BIMB Holdings Berhad ("BHB") telah diklasifikasikan sebagai Aset Dipegang untuk Dijual, oleh itu, tiada waran dan tukaran kadar keuntungan pada tahun kewangan semasa.

8. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

		Kumpulan	
		<u>2020</u>	<u>2019</u>
	Nota	RM'000	RM'000
<i>Instrumen Hutang</i>			
Sukuk	(i)	735,317	1,124,014
Sekuriti kekal	(ii)	2,903,806	2,812,342
Instrumen pelaburan terbitan Kerajaan Malaysia		-	274,162
Akaun pelaburan bertempoh		100,000	802,000
Akaun amanah institusi kewangan		188,390	179,790
Bil Perbendaharaan Islam Malaysia		-	99,571
Kertas Perdagangan Islam		-	50,189
		3,927,513	5,342,068

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

8. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL") *(samb.)*

Instrumen Ekuiti

Saham

Unit amanah

Nota	Kumpulan	
	2020 RM'000	2019 RM'000
	1,825	335,669
	734,994	1,057,264
	736,819	1,392,933
	4,664,332	6,735,001

Instrumen Hutang

Sukuk

Sekuriti kekal

Akaun pelaburan bertempoh

Akaun amanah institusi kewangan

Nota	TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000
(i)	735,317	691,074
(ii)	2,903,806	2,812,342
	600,000	1,302,000
	188,390	179,790
	4,427,513	4,985,206

Instrumen Ekuiti

Unit amanah

	675,000	675,610
	5,102,513	5,660,816

i) Sukuk

Sukuk yang diklasifikasi sebagai aset kewangan pada FVTPL merangkumi Sukuk yang diterbitkan oleh Menara ABS Berhad ("Penerbit"). Pada 15 Januari 2008, Penerbit telah menerbitkan beberapa peringkat Sukuk yang terdiri daripada Sukuk Tranche A, Tranche B dan Tranche C berdasarkan prinsip Syariah Al-Ijarah di bawah terbitan Sukuk ijarah, yang didasari oleh aset, menurut prinsip Islam.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

8. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL") *(samb.)*

i) **Sukuk** *(samb.)*

Sukuk Tranche C yang dipegang oleh **TH** berjumlah RM722.70 juta pada 31 Disember 2020 (2019: RM678.72 juta) diklasifikasi sebagai aset kewangan dinyatakan pada FVTPL kerana tidak melepasi ujian SPPP atas sebab-sebab berikut:

- Pemegang Sukuk Tranche C berhak mendapat manfaat dari sebarang nilai baki aset hartanah yang mendasari sukuk tersebut setelah pembayaran jumlah pengagihan kewangan bagi Sukuk Tranche A dan Sukuk Tranche B; dan
- Sebarang kekurangan dari hasil penjualan yang mengakibatkan kekurangan penebusan Tranche C tidak akan menyebabkan pembubaran kerana pemegang Sukuk Tranche C pada dasarnya menanggung risiko perubahan nilai aset yang mendasari terbitan Sukuk ini.

Tranche C akan matang pada 13 Januari 2023 dan kadar keuntungan efektif pada 31 Disember 2020 adalah 6.92% setahun (2019: 7.37% setahun).

Sila rujuk Nota 56 untuk maklumat lanjut mengenai peristiwa penting selepas akhir tahun berkaitan dengan sukuk tersebut.

ii) **Sekuriti kekal**

Aset kewangan dinyatakan pada FVTPL merangkumi sekuriti kekal berjumlah RM2,903.81 juta pada 31 Disember 2020 (2019: RM2,812.34 juta) yang tidak melepasi ujian SPPP. Sekuriti ini mempunyai ciri-ciri berikut:

- Tiada tarikh penebusan tetap;
- Penerbit boleh mengikut budi bicara mutlaknya, memilih untuk menangguhkan pembayaran secara keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah pembayaran berkala dan tidak mempunyai kewajiban untuk membayar bahagian yang berkaitan dengan jumlah pembayaran berkala dan sebarang kegagalan untuk membayar jumlah pembayaran berkala tersebut tidak akan mengakibatkan kegagalan membayar di pihak penerbit;
- Tiada keuntungan tambahan akan dikenakan terhadap jumlah pengagihan keuntungan yang ditangguhkan pembayarannya;
- Sekuriti tersebut boleh ditebus atas pilihan penerbit pada setiap tarikh panggilan bersama dengan pembayaran keuntungan terakru yang belum dibayar sehingga tarikh tersebut; dan
- Sebilangan penerbit membenarkan penebusan oleh penerbit sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah sekuriti kekal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

9. Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

Instrumen Hutang

Sukuk

Instrumen pelaburan terbitan Kerajaan Malaysia

Kertas Pelaburan Islam Kerajaan Malaysia

Akaun amanah institusi kewangan

Kertas Perdagangan Islam

Instrumen Ekuiti

Saham tercatat

Saham tidak tercatat

Saham diuruskan pengurus dana luar

Nota	Kumpulan	
	2020 RM'000	2019 RM'000
(ii)	10,522,512	23,938,360
	672,640	2,263,901
	-	499,632
	-	530,852
	-	230,871
	11,195,152	27,463,616
	8,710,985	7,340,453
	705,041	911,653
	832,554	755,710
	10,248,580	9,007,816
	21,443,732	36,471,432

TH

Nota	2020 RM'000	2019 RM'000
(ii)	10,607,830	10,653,897
	672,640	10,512
	11,280,470	10,664,409
	8,710,830	7,331,386
	705,017	873,649
	832,554	755,710
	10,248,401	8,960,745
	21,528,871	19,625,154

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

9. Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") (samb.)

(i) Pergerakan peruntukan rosot nilai instrumen hutang dinyatakan pada FVOCI adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Pada 1 Januari	27,611	6,236	27,229	5,460
Rosot nilai tahun semasa	12,259	21,375	12,397	21,769
Pengkelasan kepada aset dipegang untuk dijual	(244)	-	-	-
Pada 31 Disember	39,626	27,611	39,626	27,229

(ii) Instrumen hutang Kumpulan dan TH pada FVOCI merangkumi pelaburan Sukuk Tranche A dan Tranche B yang diterbitkan oleh Menara ABS Berhad. Sukuk Tranche A dan Tranche B masing-masing berjumlah RM100,097,000 (2019: RM101,384,000) dan RM40,036,000 (2019: RM40,422,000). Perincian berkaitan terbitan Sukuk Menara ABS berdasarkan prinsip Syariah Al-Ijarah di bawah terbitan Sukuk ijarah yang didasari oleh aset, menurut prinsip Islam dan diterangkan di Nota 8(i).

Sukuk Tranche A dan Tranche B akan matang masing-masing pada 13 Januari 2023 dan 15 January 2021. Kadar keuntungan efektif Sukuk Tranche A pada 31 Disember 2020 adalah antara 3.11% - 3.66% setahun (2019: 4.25% - 4.61% setahun). Kadar keuntungan efektif Sukuk Tranche B adalah 3.01% setahun (2019: 4.25% setahun). Pada 15 Januari 2021, Menara ABS telah menebus keseluruhan jumlah Sukuk Tranche B.

Sila rujuk Nota 56 untuk maklumat lanjut mengenai peristiwa penting selepas akhir tahun berkaitan dengan sukuk tersebut.

10. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas

	Kumpulan / TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000
Sukuk UJSB		
Pada harga langganan	19,600,000	19,600,000
Tambah: Peningkatan diskaun terkumpul	1,286,849	469,123
Tolak: Penebusan awal	(199,387)	-
	20,687,462	20,069,123
Terimaan tunai tertunda		
Pada nilai nominal	-	200,000
Tolak: Pelarasan nilai saksama (Nota 41)	-	(7,322)
	-	192,678
Jumlah	20,687,462	20,261,801

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

10. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas *(samb.)*

i) Ciri-ciri utama Sukuk UJSB

Sukuk UJSB diterbitkan pada 30 Mei 2019 dan ciri-ciri utama Sukuk ini adalah seperti berikut:

	Siri 1	Siri 2
Harga langganan (RM'000)	RM9,811,593	RM9,600,000
Nilai nominal (RM'000)	RM12,954,902	RM14,347,575
Tarikh matang	29 Mei 2026	30 Mei 2029
Tempoh	7 tahun	10 tahun
Kadar kupon	Sifar	Sifar
Kadar pulangan sehingga matang setahun	4.05%	4.10%
Penyelesaian	Pembayaran balik pada akhir tempoh matang Sukuk.	
Penebusan awal	Pilihan untuk penebusan awal dibenarkan untuk membolehkan UJSB menebus Sukuk pada bila-bila masa sebelum tarikh matang Sukuk. UJSB boleh memilih penebusan awal pada bila-bila masa melalui penyelesaian secara: - tunai; dan/atau - aset yang dipindahkan (keseluruhan atau sebahagian); dan/atau aset lain yang dipersetujui bersama antara UJSB dan TH pada nilai saksama atau pasaran bersamaan dengan jumlah penebusan awal. Tiada penalti akan dikenakan kepada UJSB untuk penebusan awal.	
Penebusan	Sukuk akan ditebus 100% pada nilai nominalnya pada tarikh matang melalui penyelesaian secara: - tunai; dan/atau - aset yang dipindahkan (keseluruhan atau sebahagian); dan/atau - sebarang aset lain yang akan dipersetujui bersama antara UJSB dan TH pada nilai saksama atau pasaran bersamaan dengan nilai nominal Sukuk.	
Ciri-ciri tambahan	Sukuk ini tidak ditaraf, tidak boleh diperdagangkan, tidak boleh dipindah milik dan tidak dijamin oleh Kerajaan Malaysia.	

ii) Penyelesaian pemindahan melalui penerbitan Sukuk oleh UJSB

Penyelesaian untuk aset yang dipindahkan dilaksanakan seperti berikut:

- a) Penerbitan 2 siri Sukuk Murabahah pada kupon sifar oleh UJSB ("UJSB Sukuk") dengan jumlah harga terbitan RM19.6 bilion (jumlah nilai nominal RM27.6 bilion); dan
- b) Penyelesaian tunai tertunda berjumlah RM300 juta untuk jangka masa 2 tahun, di mana RM100 juta akan dibayar pada 31 Disember 2019 dan RM200 juta akan dibayar pada 31 Disember 2020.

Sejumlah RM100 juta yang perlu dibayar pada 31 Disember 2019 yang merupakan sebahagian daripada penyelesaian tunai tertunda, telah dibayar oleh UJSB pada 30 Disember 2019. Baki RM200 juta telah dibayar pada 30 Disember 2020.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

10. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas *(samb.)*

iii) Sumbangan Sukuk diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dan TH

Hasil daripada peningkatan diskaun, yang diiktiraf sebagai sebahagian dari pendapatan Kumpulan dan **TH**, dan nilai dibawa Sukuk kepada keuntungan sebelum zakat Kumpulan dan **TH** pada tahun kewangan semasa dan jumlah aset Kumpulan dan **TH** pada 31 Disember 2020, adalah seperti berikut :

	Siri 1 RM'000	Siri 2 RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2020	10,237,910	9,831,213	20,069,123
Peningkatan diskaun dalam tahun semasa	413,987	403,739	817,726
Penebusan awal	(200,000)	-	(200,000)
Keuntungan atas penebusan	613	-	613
Pada 31 Disember 2020	10,452,510	10,234,952	20,687,462
 Semasa terbitan pada 30 Mei 2019	 10,000,000	 9,600,000	 19,600,000
Peningkatan diskaun dalam tahun semasa	237,910	231,213	469,123
Pada 31 Disember 2019	10,237,910	9,831,213	20,069,123

	Kumpulan		TH	
	2020	2019	2020	2019
Keuntungan tahun semasa (RM'000)	2,684,758	2,552,450	2,216,166	1,836,740
Peningkatan diskaun sebagai % dari keuntungan tahun semasa	30.5%	18.4%	36.9%	25.5%
 Jumlah aset (RM'000)	 160,913,047	 146,777,834	 82,536,354	 75,240,983
Jumlah dibawa Sukuk sebagai % dari jumlah aset	12.9%	13.7%	25.1%	26.7%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

10. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas *(samb.)*

iii) Sumbangan Sukuk diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dan **TH** *(samb.)*

Pada masa hadapan, selagi Sukuk tidak ditebus lebih awal, peningkatan diskaun sehingga tempoh matang adalah seperti berikut:

Tahun kewangan berakhir	Siri 1 RM'000	Siri 2 RM'000	Jumlah RM'000
2019	237,910	231,213	469,123
2020	413,987	403,739	817,726
2021	423,327	419,633	842,960
2022	440,471	436,838	877,309
2023	457,561	454,004	911,565
2024	477,622	474,137	951,759
2025	497,001	492,802	989,803
2026	206,410	513,007	719,417
2027	-	533,167	533,167
2028	-	556,810	556,810
2029	-	232,225	232,225
Jumlah peningkatan diskaun	3,154,289	4,747,575	7,901,864

Pada 30 November 2020, UJSB membuat penebusan awal berjumlah RM200 juta (mewakili RM248.78 juta dalam nilai nominal) dari Sukuk (Siri 1).

iv) Surat sokongan kewangan yang dikeluarkan oleh MoF Inc. kepada UJSB

Sebahagian daripada syarat yang ditetapkan dalam perjanjian langganan Sukuk bertarikh 15 Mei 2019, salinan surat sokongan kewangan yang disahkan benar yang dikeluarkan oleh MoF Inc. kepada UJSB perlu diberikan kepada **TH** dan Bank Islam Malaysia Berhad (“Penyelaras Utama Pengurus Utama dan Ejen Kemudahan”). Surat sokongan kewangan dikeluarkan oleh MoF Inc. kepada UJSB pada 27 Mei 2019 dan salinan yang disahkan benar telah diberikan kepada **TH** pada 29 Mei 2019.

Perkara penting yang dinyatakan dalam surat sokongan kewangan tersebut termasuk jaminan MoF Inc. kepada UJSB adalah seperti berikut:

- Surat sokongan kewangan dikeluarkan untuk penerbitan Sukuk oleh UJSB sebagai penyelesaian bagi pemindahan aset kepada UJSB berdasarkan Perjanjian Pemindahan Aset bertarikh 27 Disember 2018;
- MoF Inc. akan memastikan UJSB terus beroperasi sebagai usaha berterusan sepanjang tempoh Sukuk;
- MoF Inc. akan memastikan UJSB mempunyai kemampuan kewangan untuk memenuhi obligasi Sukuk tanpa had, untuk menebus Sukuk pada tarikh matang masing-masing;
- Surat sokongan kewangan berkuat kuasa sehingga Sukuk ditebus dan semua jumlah tertunggak di bawah Sukuk telah dilunaskan sepenuhnya;
- Surat sokongan kewangan ditafsirkan berdasarkan dan di bawah bidang kuasa undang-undang semasa di Malaysia; dan

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

10. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas (samb.)

iv) Surat sokongan kewangan yang dikeluarkan oleh MoF Inc. kepada UJSB (samb.)

- Surat sokongan kewangan adalah terhad untuk tujuan dan sokongan kewangan yang disebutkan di atas dan tidak boleh ditafsirkan secara langsung atau tidak langsung sebagai jaminan obligasi kewangan bagi UJSB.

v) Komitmen jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia

Seksyen 5 dari laporan “Fiskal Prospek dan Hasil Kerajaan 2021” bertarikh 6 November 2020, yang berkaitan dengan Risiko dan Liabiliti Fiskal, menyatakan bahawa UJSB diklasifikasikan sebagai entiti dengan komitmen jaminan oleh Kerajaan Malaysia berjumlah RM19.6 bilion.

Kabinet Menteri pada 5 April 2019 telah meluluskan dan bersetuju agar Kerajaan memperuntukkan kepada UJSB bagi membiayai kekurangan dalam penebusan Sukuk sekurang-kurangnya RM17.8 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) menjelang tahun 2020 berjumlah sehingga RM500 juta serta RMKe-12 dan RMKe-13 berjumlah RM1.73 bilion setiap tahun bermula 2021 hingga tempoh akhir kematangan Sukuk di mana penebusan awal berjumlah RM200 juta telah berjaya dilaksanakan pada 30 November 2020.

Komitmen Kerajaan untuk memastikan UJSB melaksanakan kewajipan kewangannya sehingga sukuk UJSB ditebus sepenuhnya, telah diperkukuhkan lagi melalui peruntukan dalam Belanjawan Persekutuan di bawah Pelbagai Suntikan Modal, sebanyak RM1.5 bilion yang telah diperuntukkan khas untuk UJSB pada tahun 2021, seperti yang telah diterangkan oleh Menteri Kewangan semasa Soal dan Jawab parlimen untuk Belanjawan Persekutuan 2021 pada 26 November 2020.

vi) Permerolehan semula Sukuk yang diterbitkan oleh UJSB

Lembaga dan pengurusan **TH** berpendapat bahawa Sukuk akan diselesaikan sepenuhnya oleh UJSB pada tarikh matang berdasarkan surat sokongan kewangan yang dikeluarkan oleh MoF Inc. dan komitmen jaminan Kerajaan Malaysia seperti yang disebutkan di atas. Keupayaan UJSB untuk membayar baki Sukuk adalah dari pemerolehan aset yang dipindahkan serta suntikan modal atau aset dari Kerajaan Malaysia untuk menampung sebarang kekurangan. Perincian lanjut mengenai pertimbangan penting yang digunakan dinyatakan dalam Nota 4(b).

11. Aset kewangan pada kos terlunas

Nota	Kumpulan	
	2020 RM'000	2019 RM'000
<i>Pada kos terlunas</i>		
Sukuk	2,161,307	2,080,443
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga	855,000	1,055,000
Pelaburan lain	-	49,407
<i>Tolak:</i> Rosot nilai terkumpul		
- Sukuk	(17,792)	(17,883)
	2,998,515	3,166,967

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

11. Aset kewangan pada kos terlunas *(samb.)*

Nota	<i>TH</i>	
	2020 RM'000	2019 RM'000
<i>Pada kos terlunas</i>		
Sukuk	3,919,516	3,849,446
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga	1,525,000	1,925,000
Pelaburan lain	12,455	49,407
<i>Tolak:</i> Rosot nilai terkumpul		
- Sukuk	(14,592)	(12,199)
- Pelaburan lain	(3,200)	-
	5,439,179	5,811,654

Instrumen hutang pada kos terlunas termasuk sekuriti/instrumen hutang tanpa penarafan.

(i) Pergerakan peruntukan kerugian bagi instrumen hutang pada kos terlunas adalah seperti berikut:

	Kumpulan		<i>TH</i>	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Pada 1 Januari	17,883	19,137	12,199	12,250
Peruntukan/(Pembalikan) bersih yang diiktiraf dalam untung atau rugi	5,593	(1,254)	5,593	(51)
Pengkelasan kepada aset dipegang untuk dijual	(5,684)	-	-	-
Pada 31 Disember	17,792	17,883	17,792	12,199

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

12. Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain

	Kumpulan	
	2020* RM'000	2019 RM'000
Pada kos terlunas		
Kemudahan tunai	-	1,430,888
Kad kredit	-	492,829
Bil perdagangan didiskaun	-	886,334
Resit amanah	-	5,462
Pembiayaan bertempoh		
- Pembiayaan perumahan	-	19,664,565
- Pembiayaan bersindiket	-	1,032,250
- Pembiayaan pajakan	-	111,653
- Pembiayaan penyambung	-	52,122
- Pembiayaan peribadi	-	14,620,732
- Pembiayaan lain	-	11,604,531
Pembiayaan kakitangan	-	251,496
Pajak gadai	-	71,107
	-	50,223,969
Tolak: Rosot nilai terkumpul		
- Tahap 1	-	(431,135)
- Tahap 2	-	(148,115)
- Tahap 3	-	(172,197)
	-	(751,447)
	-	49,472,522

* Pada tahun 2020, BHB telah diklasifikasikan sebagai Aset Dipegang untuk Dijual.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

12. Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain *(samb.)*

	<i>TH</i>	
	2020 RM'000	2019 RM'000
Pembiayaan kepada syarikat subsidiari	1,977,431	2,331,777
<i>Tolak:</i> Rosot nilai terkumpul		
- Penilaian individu	(306,543)	(467,298)
	1,670,888	1,864,479

Pembiayaan daripada *TH* kepada syarikat subsidiari di Malaysia berjumlah RM835,562,000 dikenakan margin keuntungan antara 3.9% hingga 7.0% setahun (2019: 3.9% hingga 7.0% setahun). Pembiayaan daripada *TH* kepada syarikat subsidiari luar negara berjumlah RM1,141,869,000 dikenakan margin keuntungan antara 0.0% hingga 5.0% setahun (2019: 0.0% hingga 5.0% setahun).

Pergerakan peruntukan rosot nilai bagi pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain adalah seperti berikut:

Kumpulan	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2020	431,135	148,115	172,197	751,447
Pindahan kepada Tahap 1	1,245	(1,179)	(66)	-
Pindahan kepada Tahap 2	(7,782)	10,508	(2,726)	-
Pindahan kepada Tahap 3	(264)	(7,659)	7,923	-
Peruntukan bersih pada tahun semasa	134,059	13,592	60,558	208,209
Aset kewangan baru yang diterbitkan atau dibeli	139,295	6,403	686	146,384
Aset kewangan yang telah dinyahiktiraf	(44,708)	(18,334)	(3,364)	(66,406)
Hapus kira	-	-	(112,676)	(112,676)
Perbezaan tukaran asing	1,003	-	-	1,003
Pengkelasan kepada aset dipegang untuk dijual	(653,983)	(151,446)	(122,532)	(927,961)
Pada 31 Disember 2020	-	-	-	-

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

12. Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain *(samb.)*

Pergerakan peruntukan rosot nilai bagi pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain adalah seperti berikut: *(samb.)*

Kumpulan	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2019	416,450	129,402	243,853	789,705
Pindahan kepada Tahap 1	1,931	(1,798)	(133)	-
Pindahan kepada Tahap 2	(6,868)	9,175	(2,307)	-
Pindahan kepada Tahap 3	(461)	(8,696)	9,157	-
Peruntukan bersih pada tahun semasa	(59,446)	45,272	149,340	135,166
Aset kewangan baru yang diterbitkan atau dibeli	127,923	2,567	2,411	132,901
Aset kewangan yang telah dinyahiktiraf	(44,291)	(27,807)	(5,140)	(77,238)
Hapus kira	-	-	(224,984)	(224,984)
Perbezaan tukaran asing	(4,103)	-	-	(4,103)
Pada 31 Disember 2019	431,135	148,115	172,197	751,447

TH

Pada 1 Januari 2020

Peruntukan tahun semasa (Nota 42)

Jumlah dibalikkan semula tahun semasa (Nota 42)

Perbezaan tukaran asing

Pada 31 Disember 2020

ECL seumur hidup RM'000	Jumlah RM'000
467,298	467,298
15,554	15,554
(179,620)	(179,620)
3,311	3,311
306,543	306,543

Pada 1 Januari 2019

Peruntukan tahun semasa (Nota 42)

Jumlah dibalikkan semula tahun semasa (Nota 42)

Pada 31 Disember 2019

ECL seumur hidup RM'000	Jumlah RM'000
203,083	203,083
331,969	331,969
(67,754)	(67,754)
467,298	467,298

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

13. Aset takaful semula

Aset takaful semula:

- Liabiliti tuntutan
- Liabiliti caruman
- Liabiliti aktuari

* Pada tahun 2020, BHB telah diklasifikasikan sebagai Aset Dipegang untuk Dijual.

Kumpulan	
2020*	2019
RM'000	RM'000
-	349,548
-	90,634
-	315,614
-	755,796

14. Terimaan dari pajakan kewangan

Pada 1 Januari
Terimaan tahun semasa
Peningkatan nilai tahun semasa
Perbezaan tukaran asing

Tolak: Rosot nilai terkumpul
Pada 31 Disember

Nota	Kumpulan	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
	2,066,054	2,025,915
	(977)	(93,399)
	142,977	155,057
	(41,476)	(21,519)
	2,166,578	2,066,054
(i)	(234,913)	(12,937)
	1,931,665	2,053,117

Pada 1 Januari
Terimaan tahun semasa
Peningkatan nilai tahun semasa
Perbezaan tukaran asing

Tolak: Rosot nilai terkumpul
Pada 31 Disember

	TH	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
	2,233,833	2,196,754
	(24,697)	(116,969)
	163,095	175,567
	(41,476)	(21,519)
	2,330,755	2,233,833
(i)	(234,913)	(12,937)
	2,095,842	2,220,896

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

14. Terimaan dari pajakan kewangan *(samb.)*

Analisis pengumuran bagi terimaan dari pajakan kewangan

Analisis pengumuran bagi terimaan dari pajakan kewangan Kumpulan dan **TH** adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
Belum melebihi tempoh dan tidak dirosot nilai	1,739,941	1,862,839
Melebihi tempoh tetapi tidak dirosot nilai:		
Melebihi tempoh 1 hingga 30 hari dan tidak dirosot nilai	81,912	47,735
Melebihi tempoh 31 hingga 60 hari dan tidak dirosot nilai	-	8,183
Melebihi tempoh 61 hingga 90 hari dan tidak dirosot nilai	-	-
Melebihi tempoh 90 hari	109,812	134,360
	191,724	190,278
Rosot nilai	234,913	12,937
	2,166,578	2,066,054

	TH	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
Belum melebihi tempoh dan tidak dirosot nilai	1,904,118	2,030,618
Melebihi tempoh tetapi tidak dirosot nilai:		
Melebihi tempoh 1 hingga 30 hari dan tidak dirosot nilai	81,912	47,735
Melebihi tempoh 31 hingga 60 hari dan tidak dirosot nilai	-	8,183
Melebihi tempoh 61 hingga 90 hari dan tidak dirosot nilai	-	-
Melebihi tempoh 90 hari	109,812	134,360
	191,724	190,278
Terma perjanjian dibahagi kepada dua tempoh. Tempoh Pertama adalah untuk lima tahun pertama dari tarikh Perjanjian dan Tempoh Kedua adalah untuk lima tahun berikutnya. Kedua-dua pihak berhak untuk menamatkan perjanjian di akhir Tempoh Pertama. Tempoh Pertama Perjanjian telah tamat pada 31 Julai 2020 dan Perjanjian ini tidak diteruskan.

- b) Perjanjian Perkhidmatan Bancatakaful dengan Affin Islamic Bank Berhad yang berkuat kuasa mulai 15 September 2017 untuk mengedarkan produk takaful keluarga melalui saluran pengedaran mereka.
- c) Perjanjian Perkhidmatan Bancatakaful dengan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2018 untuk mengedarkan produk takaful keluarga melalui saluran pengedaran mereka.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

27. Aset tak ketara *(samb.)*

Perincian berkaitan aset tak ketara Kumpulan adalah seperti berikut: *(samb.)*

(ii) Fi perkhidmatan Bancatakaful *(samb.)*

- d) Perjanjian Perkhidmatan Bancatakaful dengan AEON Credit Service (M) Berhad yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2019 untuk mengedarkan produk takaful keluarga melalui saluran pengedaran mereka.
- e) Dua Perjanjian Perkhidmatan Bancatakaful dengan RHB yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2019 untuk mengedarkan produk takaful kredit Keluarga dan produk takaful am melalui saluran pengedarannya.

Kesemua fi tersebut dilunaskan sepanjang tempoh hayat penggunaan selama lima tahun berasaskan kaedah garis lurus.

(iii) Aset tak ketara lain

Aset tak ketara lain Kumpulan timbul daripada pengagihan harga pembelian berkaitan dengan pengambilalihan Kumpulan BIMB Holdings Berhad pada 30 Jun 2009. Komponen aset tak ketara lain adalah jenama, hubungan pelanggan dan deposit teras berhubung dengan aktiviti perbankan yang kemudiannya dilunaskan sepanjang hayat penggunaannya antara 10 hingga 12 tahun.

Fi perkhidmatan Bancatakaful dan aset tak ketara lain berkaitan dengan BHB kedua-duanya telah diklasifikasikan ke Aset Dipegang untuk Dijual pada tahun kewangan 2020.

28. Aset/Liabiliti cukai tertunda

Aset dan liabiliti cukai tertunda yang diiktiraf

Ringkasan aset dan liabiliti cukai tertunda Kumpulan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
Aset cukai tertunda	45,340	103,413
Liabiliti cukai tertunda	(118,595)	(111,665)
	(73,255)	(8,252)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

28. Aset/Liabiliti cukai tertunda (samb.)

Aset dan liabiliti cukai tertunda yang diiktiraf (samb.)

Aset dan liabiliti cukai tertunda selepas mengambil kira ofset yang sesuai adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

2020	Kumpulan		Jumlah bersih RM'000
	Aset RM'000	Liabiliti RM'000	
Hartanah, loji dan peralatan	-	(87,455)	(87,455)
Pelaburan lain	-	(5,357)	(5,357)
Elaun modal yang dipercepat	-	(6,502)	(6,502)
Kerugian cukai dan elaun modal tidak diserap	95,794	-	95,794
Peruntukan	-	(19,923)	(19,923)
Peruntukan rosot nilai	-	(598)	(598)
Perubahan dalam rizab nilai saksama	-	(14,047)	(14,047)
Aset agrikultur	-	(8,681)	(8,681)
Hakgunaan aset	-	(12,932)	(12,932)
Liabiliti pajakan	27,043	-	27,043
Lain-lain	-	(40,597)	(40,597)
Tolakan cukai	(77,497)	77,497	-
Aset/(Liabiliti) cukai	45,340	(118,595)	(73,255)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

28. Aset/Liabiliti cukai tertunda (samb.)

Aset dan liabiliti cukai tertunda yang tidak diiktiraf (samb.)

Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut: (samb.)

	Kumpulan		
	Aset RM'000	Liabiliti RM'000	Jumlah bersih RM'000
2019			
Hartanah, loji dan peralatan	-	(88,357)	(88,357)
Pelaburan lain	-	(13,225)	(13,225)
Kerugian cukai dan elaun modal tidak diserap	76,706	-	76,706
Elaun modal yang dipercepat	-	(4,649)	(4,649)
Aset agrikultur	-	(8,027)	(8,027)
Peruntukan	20,547	-	20,547
Rizab perbelanjaan	37,702	-	37,702
Peruntukan rosot nilai	32,510	-	32,510
Perubahan dalam rizab nilai saksama	-	(68,095)	(68,095)
Liabiliti pajakan	34,637	-	34,637
Hakgunaan aset	-	(10,116)	(10,116)
Lain-lain	-	(17,885)	(17,885)
Tolakan cukai	(98,689)	98,689	-
Aset/(Liabiliti) cukai	103,413	(111,665)	(8,252)

Aset dan liabiliti cukai tertunda yang tidak diiktiraf

Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

	Kumpulan	
	2020 RM'000	2019 RM'000
Elaun modal tidak diserap	7,526	136,285
Kerugian cukai tidak digunakan	513,042	361,758
Perbezaan sementara yang boleh ditolak	24,772	25,589
	545,340	523,632

Kerugian perniagaan yang tidak digunakan adalah tersedia untuk ditolak daripada keuntungan boleh cukai masa hadapan syarikat subsidiari Kumpulan selama tujuh tahun berturut-turut mulai tahun taksiran 2019, tertakluk kepada tiada perubahan besar dalam pegangan saham di bawah Seksyen 44(5A) dan (5B) Akta Cukai Pendapatan, 1967. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf berhubung perkara-perkara di atas kerana tiada kepastian bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan terhasil untuk membolehkan syarikat subsidiari menggunakan manfaat cukai tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

28. Aset/Liabiliti cukai tertunda *(samb.)*

Aset dan liabiliti cukai tertunda yang diiktiraf *(samb.)*

Pergerakan dalam perbezaan sementara pada tahun 2020:

Kumpulan	Pada 1.1.2020 RM'000	Diiktiraf dalam untung atau rugi RM'000	Diiktiraf dalam untung atau rugi berkaitan aset dipegang untuk dijual RM'000	Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain RM'000	Pindahan (kepada)/ daripada aset dipegang untuk dijual RM'000	Kesan pergerakan dalam kadar pertukaran RM'000	Pada 31.12.2020 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	(88,357)	26,008	(48,321)	-	23,216	(1)	(87,455)
Pelaburan lain	(13,225)	-	-	(2,468)	10,339	(3)	(5,357)
Elaun modal yang dipercepatkan	(4,649)	(1,853)	-	-	-	-	(6,502)
Kerugian cukai dan elaun modal tidak diserap	76,706	(19,886)	67,820	-	(28,846)	-	95,794
Peruntukan	20,547	(1,392)	-	134	(39,146)	(66)	(19,923)
Rizab perbelanjaan	37,702	-	-	-	(37,702)	-	-
Peruntukan rosot nilai	32,510	-	-	-	(33,108)	-	(598)
Perubahan dalam rizab nilai saksama	(68,095)	(1,658)	-	5,492	50,214	-	(14,047)
Aset agrikultur	(8,027)	6,829	(8,199)	-	716	-	(8,681)
Hakgunaan aset	(10,116)	4,760	(7,576)	-	-	-	(12,932)
Liabiliti pajakan	34,637	7,897	7,651	-	(23,142)	-	27,043
Lain-lain	(17,885)	(22,712)	-	-	-	-	(40,597)
Aset/(Liabiliti) cukai	(8,252)	(2,007)	11,375	3,158	(77,459)	(70)	(73,255)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

28. Aset/Liabiliti cukai tertunda *(samb.)*

Aset dan liabiliti cukai tertunda yang diiktiraf *(samb.)*

Pergerakan dalam perbezaan sementara pada tahun 2019:

Kumpulan

	Pada 1.1.2019 RM'000	Diiktiraf dalam untung atau rugi RM'000	Diiktiraf dalam untung atau rugi berkaitan aset dipegang untuk dijual RM'000	Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain RM'000	Pindahan (kepada)/ daripada aset dipegang untuk dijual RM'000	Kesan pergerakan dalam kadar pertukaran RM'000	Pada 31.12.2019 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	(234,744)	88,554	(14,354)	-	72,187	-	(88,357)
Pelaburan lain	(1,905)	(5,023)	-	(6,300)	-	3	(13,225)
Elaun modal yang dipercepatkan	(2,797)	(1,852)	-	-	-	-	(4,649)
Kerugian cukai dan elaun modal tidak diserap	145,991	(61,743)	(12,999)	-	5,457	-	76,706
Peruntukan	21,062	(244)	-	39	-	(310)	20,547
Rizab perbelanjaan	34,394	3,308	-	-	-	-	37,702
Peruntukan rosot nilai	26,262	6,248	-	-	-	-	32,510
Perubahan dalam rizab nilai saksama	(10,818)	(4,237)	-	(53,040)	-	-	(68,095)
Aset agrikultur	(8,558)	(2,177)	870	-	1,838	-	(8,027)
Hakgunaan aset	(17,160)	7,194	(150)	-	-	-	(10,116)
Liabiliti pajakan	38,418	(3,793)	12	-	-	-	34,637
Lain-lain	23,525	(38,050)	(620)	-	(2,740)	-	(17,885)
Aset/(Liabiliti) cukai	13,670	(11,815)	(27,241)	(59,301)	76,742	(307)	(8,252)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
<u>Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual:</u>				
Hartanah, loji dan peralatan	898,134	588,050	11,836	12,099
Hartanah pelaburan	10,472	-	-	-
Hakgunaan aset	226,096	251,561	-	-
Instrumen kewangan derivatif	61,665	-	-	-
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	-	-	3,764,747	24,314
Perbelanjaan pembangunan ladang	23,511	68,655	-	-
Muhibah	59,523	-	-	-
Aset cukai semasa	178,042	-	-	-
Aset cukai tertunda	51,333	32,796	-	-
Aset tak ketara	194,312	-	-	-
Aset agrikultur	13,956	17,875	-	-
Inventori	4,008	2,129	-	-
Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas	30,567	34,171	-	-
Tuntutan semula cukai	-	4,798	-	-
Tunai dan dana jangka pendek	5,874,482	45,270	-	-
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	2,009,225	-	-	-
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	1,993,825	-	-	-
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	18,395,952	-	-	-
Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	54,670,635	-	-	-
Aset kewangan lain pada kos terlunas	686,461	-	-	-
Aset takaful semula	978,202	-	-	-
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	192,425	-	-	-
	86,552,826	1,045,305	3,776,583	36,413

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
<u>Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual</u>				
Deposit daripada pelanggan perbankan	47,464,375	-	-	-
Akaun pelaburan pelanggan perbankan	11,025,527	-	-	-
Instrumen liabiliti kewangan derivatif	105,872	-	-	-
Tanggungan rekursa bagi pembiayaan yang dijual kepada Cagamas	1,501,187	-	-	-
Liabiliti cukai tertunda	151,638	77,382	-	-
Liabiliti lain	825,965	38,333	-	-
Liabiliti kontrak takaful	9,156,608	-	-	-
Rizab perbelanjaan	316,728	-	-	-
Pinjaman	2,633,111	-	-	-
Liabiliti pajakan	45,578	37,179	-	-
Liabiliti cukai semasa	1,587	1	-	-
Peruntukan zakat dan cukai	60,488	-	-	-
	73,288,664	152,895	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

	Kumpulan			
	Aset		Liabiliti	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
(i) Syarikat subsidiari yang diklasifikasikan semula sebagai syarikat bersekutu setelah selesai penstrukturan semula				
BIMB Holdings Berhad	85,768,900	-	73,147,114	-
	85,768,900	-	73,147,114	-
(ii) Kumpulan aset lain				
Theta Edge Berhad (b)	55,518	79,614	10,241	10,241
Aset dari TH Plantations Berhad (c)	716,572	953,592	131,309	142,654
Hartanah, loji dan peralatan	11,836	12,099	-	-
	783,926	1,045,305	141,550	152,895
	86,552,826	1,045,305	73,288,664	152,895

	TH	
	Aset	
	2020 RM'000	2019 RM'000
(i) Syarikat subsidiari yang diklasifikasikan semula sebagai syarikat bersekutu setelah selesai penstrukturan semula		
BIMB Holdings Berhad	3,719,470	-
	3,719,470	-
(ii) Kumpulan aset lain		
Theta Edge Berhad	45,277	24,314
Hartanah, loji dan peralatan	11,836	12,099
	57,113	36,413
	3,776,583	36,413

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual (*samb.*)

Pelaburan dalam syarikat subsidiari yang dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual oleh **TH** adalah berkaitan dengan pelaburan **TH** dalam BIMB Holdings Berhad dan Theta Edge Berhad seperti yang diterangkan di Nota 29(a) dan Nota 29(b) di bawah.

Hartanah, loji dan kelengkapan yang dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual oleh **TH** merangkumi tanah, lot kedai, kilang dan pangsapuri di Malaysia. Inisiatif agresif telah diambil untuk mencari pembeli berpotensi bagi hartanah ini. Penjualan hartanah dijangka akan selesai pada penghujung tahun 2021.

(a) BIMB Holdings Berhad

BIMB Holdings Berhad ("BHB") telah mengumumkan dan mengusulkan untuk melaksanakan pelbagai cadangan yang melibatkan pelupusan kepentingan ekuiti dalam BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd., BIMB Securities Sdn. Bhd. dan Syarikat Al Ijarah Sdn. Bhd. kepada Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam"). Pembahagian pemilikan saham di Bank Islam dan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("STMKB") dengan cara pengedaran-dalam-specie kepada pemegang sahamnya, dan kemudian penghapusan BHB dan pengeluaran dua (2) saham baru BHB kepada Bank Islam sehingga BHB menjadi anak syarikat milik penuh Bank Islam. BHB saat ini sedang dalam proses mendapatkan semua persetujuan yang diperlukan untuk cadangan tersebut daripada pihak berkaitan/pihak berkuasa. Sila rujuk Nota 54(b) untuk maklumat lanjut mengenai cadangan tersebut.

Setelah selesai penyusunan semula dalaman dan penyenaraian, **TH** dijangka memiliki 48.5% saham Bank Islam, selaras dengan ekspektasi BNM bahawa tidak ada satu pun konglomerat perindustrian yang mempunyai kawalan terhadap institusi kewangan berlesen, dan 28.8% di STMKB. Dengan pengurangan kepentingan ekuiti, **TH** berpandangan bahawa ia akan kehilangan kawalannya dalam BHB, Bank Islam dan STMKB dan seterusnya akan mengubah klasifikasi pelaburannya dari syarikat subsidiari kepada syarikat bersekutu.

MFRS 5: *Non-current Assets Held for Sale and Discontinued Operations* ("MFRS 5") mewajibkan entiti untuk mengklasifikasikan syarikat subsidiari sebagai dipegang untuk penjualan di mana entiti komited terhadap rancangan penjualan yang melibatkan kehilangan kawalan syarikat subsidiari tersebut tanpa mengira sama ada entiti akan mengekalkan kepentingan yang tidak dapat dikawal pada bekas syarikat subsidiarinya selepas penjualan. Oleh itu, BHB telah dinyatakan sebagai operasi yang dihentikan dalam penyata kewangan dan oleh itu semua aset dan liabiliti diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual pada akhir tahun sesuai dengan kehendak MFRS 5. Setelah selesai penyusunan semula dalaman dan penyenaraian, pemegang ekuiti di Bank Islam dan STMKB kemudiannya akan diklasifikasikan sebagai syarikat bersekutu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

(a) **BIMB Holdings Berhad** *(samb.)*

Kumpulan

Penyata untung rugi BHB adalah seperti berikut:

	<u>2020</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000
Pendapatan	4,759,959	5,277,308
Kos jualan	(1,815,020)	(2,190,418)
Keuntungan kasar	2,944,939	3,086,890
Pendapatan lain	576	446
Perbelanjaan	(1,704,539)	(1,744,204)
Keuntungan operasi	1,240,976	1,343,132
Kos kewangan	(143,691)	(138,118)
Keuntungan sebelum cukai dari operasi yang ditamatkan	1,097,285	1,205,014
Zakat	(13,055)	(12,260)
Perbelanjaan cukai	(216,329)	(257,385)
Keuntungan tahun semasa dari operasi yang ditamatkan	867,901	935,369

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

(a) **BIMB Holdings Berhad** *(samb.)*

Kumpulan *(samb.)*

Aset dan liabiliti BHB yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual sebelum sebarang penyesuaian penyatuan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan adalah seperti berikut:

<u>Aset</u>	<u>2020</u> RM'000
Tunai dan dana jangka pendek	5,829,142
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	2,033,321
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	1,993,825
Instrumen kewangan derivatif	61,665
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	18,395,952
Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	54,670,635
Aset kewangan lain pada kos terlunas	686,461
Aset takaful semula	978,202
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	192,425
Aset cukai semasa	177,417
Aset cukai tertunda	32,981
Hakgunaan aset	229,189
Hartanah, loji dan peralatan	427,027
Hartanah pelaburan	10,472
Aset tak ketara	191,187
Aset kumpulan pelupusan dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual	85,909,901

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

(a) BIMB Holdings Berhad *(samb.)*

Kumpulan *(samb.)*

	2020 RM'000
Liabiliti	
Deposit daripada pelanggan perbankan	50,540,345
Akaun pelaburan pelanggan perbankan	12,022,112
Instrumen kewangan derivatif	105,872
Bil dan penerimaan boleh bayar	29,621
Liabiliti lain	1,501,187
Tanggungan rekursa bagi pembiayaan yang dijual kepada Cagamas	314,186
Liabiliti pajakan	2,002,120
Liabiliti kontrak takaful	9,156,608
Rizab perbelanjaan	316,728
Pinjaman	2,633,111
Liabiliti cukai tertunda	74,445
Peruntukan zakat dan cukai	60,488
Liabiliti kumpulan pelupusan dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual	78,756,823
Aset bersih yang berkaitan secara langsung dengan aset dan liabiliti kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual	7,153,078

Aliran tunai bersih yang berkaitan dengan BHB adalah seperti berikut:

	2020 RM'000	2019 RM'000
Aliran tunai dari aktiviti operasi	3,266,970	247,630
Aliran tunai digunakan untuk aktiviti pelaburan	(1,418,401)	(426,614)
Aliran tunai digunakan untuk aktiviti kewangan	91,630	(196,968)
Tunai aliran masuk bersih/(aliran keluar)	1,940,199	(375,952)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

(a) **BIMB Holdings Berhad** *(samb.)*

Kumpulan *(samb.)*

Pendapatan setiap saham

	2020	2019
Keuntungan asas setiap saham biasa dari operasi yang ditamatkan (RM)	0.40	0.45

TH

	2020 RM'000
Jumlah dibawa bersih bagi pelaburan yang dipindahkan kepada aset dipegang untuk dijual	3,719,470

(b) **Kumpulan Theta Edge**

Pada tahun 2019, **TH** telah meluluskan penjualan Theta Edge Berhad ("Theta Edge"), syarikat subsidiari tercatat di mana **TH** memegang 68.7% sahamnya. Penjualan Theta Edge dijangka selesai dalam tempoh setahun dari tarikh pelaporan.

Pada 22 September 2020, **TH** menerima surat tawaran daripada Arcadia Acres Sdn. Bhd. untuk pelupusan 30% kepentingan ekuiti di Theta Edge, yang terdiri daripada 32.5 juta saham biasa, pada harga RM0.70 sesaham atau dengan pertimbangan tunai keseluruhan sebanyak RM22.75 juta. Pelupusan saham Theta Edge selesai pada 31 Mac 2021.

Kumpulan

Penyata untung rugi Theta Edge adalah seperti berikut:

	2020 RM'000	2019 RM'000
Pendapatan	47,504	49,896
Kos jualan	(40,209)	(37,614)
Keuntungan kasar	7,295	12,282
Pendapatan lain	496	1,007
Perbelanjaan	(11,738)	(12,149)
Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit	150	(2,015)
Kerugian operasi	(3,797)	(875)
Pendapatan kewangan	1,003	1,283
Kos kewangan	(233)	(237)
Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai dari operasi yang ditamatkan	(3,027)	171
Aset/(Perbelanjaan) cukai	(3,940)	9
Keuntungan/(Kerugian) tahun semasa dari operasi yang ditamatkan	(6,967)	180

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

(b) Kumpulan Theta Edge *(samb.)*

Kumpulan *(samb.)*

Aset dan liabiliti Theta Edge yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

<u>Aset</u>	<u>2020</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	-	4,479
Hakgunaan aset	-	2,170
Aset cukai tertunda	-	3,902
Inventori	171	213
Lain-lain hutang	9,079	11,294
Aset kontrak	10,108	12,574
Kos kontrak	72	89
Aset cukai semasa	43	54
Tunai dan dana jangka pendek	36,045	44,839
Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual	55,518	79,614
<u>Liabiliti</u>	<u>2020</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000
Liabiliti pajakan	2,218	2,218
Pemiutang perniagaan dan pemiutang lain	7,316	7,316
Liabiliti pajakan	706	706
Liabiliti cukai semasa bagi kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual	1	1
Liabiliti yang berkait langsung dengan aset yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual	10,241	10,241
Aset yang berkait langsung dengan kumpulan aset dan liabiliti untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual	45,277	69,373

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

(b) Kumpulan Theta Edge *(samb.)*

Kumpulan *(samb.)*

Aliran tunai bersih yang berkaitan dengan Theta Edge adalah seperti berikut:

	<u>2020</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000
Aliran tunai dari aktiviti operasi	(3,076)	2,529
Aliran tunai digunakan untuk aktiviti pelaburan	(1,724)	(2,334)
Aliran tunai digunakan untuk aktiviti kewangan	1,172	(2,103)
Tunai aliran keluar bersih	(3,628)	(1,908)

Pendapatan setiap saham

	<u>2020</u> (Kerugian)/keuntungan asas setiap saham biasa dari operasi yang ditamatkan (sen)	<u>2019</u>
	(6.50)	0.17

TH

	<u>2020</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000
Jumlah dibawa bersih bagi pelaburan yang dipindahkan kepada aset dipegang untuk dijual	45,277	24,314

(c) Kumpulan TH Plantations Berhad ("Kumpulan THPB")

2020

Pada tahun sebelumnya, pelaburan dalam THP-YT Plantation Sdn. Bhd., TH PELITA Meludam Sdn. Bhd., TH PELITA Beladin Sdn. Bhd., TH PELITA Simunjan Sdn. Bhd., Bumi Suria Ventures Sdn. Bhd., Maju Warisanmas Sdn. Bhd., TH PELITA Gedong Sdn. Bhd. Dan TH PELITA Sadong Sdn. Bhd direkodkan sebagai aset yang dipegang untuk dijual. Pelaburan ini berkaitan dengan segmen ladang kelapa sawit Kumpulan.

Pada 31 Julai 2020, Kumpulan THPB telah menjual 70% kepentingan dalam THP-YT Plantation Sdn. Bhd. kepada TDM Berhad ("TDM") berjumlah RM69,797,000. Kerugian hasil pelupusan berjumlah RM8,135,000 diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan pada tahun kewangan semasa.

Pada tahun semasa, Lembaga Pengarah THPB berpendapat bahawa usaha menjual pelaburan di Bumi Suria Ventures Sdn. Bhd. dan Maju Warisanmas Sdn. Bhd. yang diklasifikasikan sebagai aset yang dipegang untuk dijual pada tahun sebelumnya tidak dapat dilaksanakan, oleh itu Kumpulan THPB telah mengklasifikasikan semula aset dan liabiliti anak syarikat kepada keterangan penyata kewangan yang berkaitan.

Cadangan pelupusan Bumi Suria Ventures dan Maju Warisanmas kepada Tamaco Plantation Sdn Bhd ("Tamaco") telah dibatalkan kerana kelulusan Unit Perancang Ekonomi Pejabat Perdana Menteri ("EPU") telah ditarik balik. THPB tidak melanjutkan tarikh yang telah dipersetujui untuk syarat dipenuhi ("Long Stop Date") apabila ia berakhir pada 31 Mac 2021. Tamaco telah memulakan tindakan undang-undang terhadap THPB.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

(c) Kumpulan TH Plantations Berhad (“Kumpulan THPB”) *(samb.)*

2020 *(samb.)*

Pada 31 Disember 2020, pelaburan di TH PELITA Meludam Sdn. Bhd., TH PELITA Beladin Sdn. Bhd., TH PELITA Simunjan Sdn. Bhd., TH PELITA Gedong Sdn. Bhd. dan TH PELITA Sadong Sdn. Bhd dikelaskan sebagai aset yang dipegang untuk dijual sebagai satu kumpulan pelupusan. Usaha untuk menjual kumpulan pelupusan telah bermula dan proses penjualan dijangka selesai pada tahun kewangan 2021 dan bukan tahun 2020.

Aset dan liabiliti THPB yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual sebelum sebarang pelarasan penyatuan dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

Kumpulan

<u>Aset</u>	<u>2020</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	516,102	633,927
Hakgunaan aset	198,386	249,391
Perbelanjaan pembangunan ladang	12,816	67,510
Aset cukai tertunda	14,450	28,894
Aset agrikultur	13,956	17,875
Inventori	3,706	1,827
Aset cukai semasa	571	4,744
Terimaan perniagaan dan lain-lain	6,660	10,146
Bayaran terdahulu dan aset lain	39	157
Tunai dan dana jangka pendek	501	431
Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual	767,187	1,014,902

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

(c) Kumpulan TH Plantations Berhad ("Kumpulan THPB") *(samb.)*

2020 *(samb.)*

<u>Liabiliti</u>	<u>2020</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000
Liabiliti cukai tertunda	80,676	83,432
Pemiutang perniagaan dan pemiutang lain	17,629	30,311
Liabiliti pajakan	34,901	34,961
Liabiliti cukai semasa bagi kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual	1,586	-
Liabiliti yang berkait langsung dengan aset yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual	134,792	148,704
Aset yang berkait langsung dengan kumpulan aset dan liabiliti untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual	632,395	866,198

2019

Pada tahun kewangan terdahulu, pelaburan dalam Hydroflow Sdn. Bhd., THP-YT Plantation Sdn. Bhd., TH PELITA Meludam Sdn. Bhd., TH PELITA Beladin Sdn. Bhd., TH PELITA Simunjan Sdn. Bhd., Bumi Suria Ventures Sdn. Bhd. dan Maju Warisanmas Sdn. Bhd. dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual dan penjualan dijangka selesai pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan bukannya tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Pada 1 Ogos 2019, Lembaga Pengarah Kumpulan TH Plantations Berhad ("THPB") telah meluluskan pelupusan TH PELITA Gedong Sdn. Bhd. dan TH PELITA Sadong Sdn. Bhd.. Pelaburan dalam syarikat subsidiari ini kemudiannya dinyatakan sebagai aset yang dipegang untuk dijual. Pelaburan ini berkaitan dengan segmen perladangan kelapa sawit Kumpulan. Usaha untuk menjual telah bermula dan penjualan dijangka selesai dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kelulusan.

Pada tahun semasa, Lembaga Pengarah THPB berpendapat bahawa usaha untuk menjual pelaburan di Hydroflow Sdn. Bhd. yang telah dikelaskan sebagai aset yang dipegang untuk dijual pada tahun terdahulu tidak lagi berkemungkinan akan berlaku. Oleh itu, Kumpulan telah mengelaskan semula aset dan liabiliti termasuk muhibah yang wujud daripada pengambilalihan syarikat subsidiari mengikut keterangan penyata kewangan yang berkaitan.

Aset perladangan dinyatakan pada jumlah yang lebih rendah antara kos dengan nilai saksama ditolak kos penjualan. Nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah berdasarkan anggaran pengurusan dengan mengambil kira anggaran nilai jualan semula yang ditentukan oleh jurunilai profesional bebas, yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman terkini di lokasi dan kategori aset yang dinilai. Nilai saksama ditolak kos penjualan adalah pengukuran nilai saksama Tahap 3.

- (i) Pada 5 Disember 2019, THPB telah menandatangani perjanjian yang tidak mengikat kedua-dua pihak dengan TDM Berhad ("TDM") dengan harga tawaran RM69,000,000 yang merangkumi RM7,000,000 untuk pengambilalihan saham THP-YT Sdn. Bhd. dan TDM akan membayar balik sebanyak RM62,000,000 bagi jumlah terhutang kepada syarikat subsidiari Kumpulan selepas pelupusan berlaku. Pelupusan tersebut dijangka selesai pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

29. Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual / Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual *(samb.)*

(c) Kumpulan TH Plantations Berhad (“Kumpulan THPB”) *(samb.)*

2019 *(samb.)*

Nilai saksama tolak kos jualan syarikat subsidiari dianggarkan berdasarkan penilaian Lembaga Pengarah THPB berdasarkan perjanjian tidak mengikat antara THPB dan TDM bertarikh 5 Disember 2019, untuk mengambil alih saham syarikat subsidiari. Nilai saksama tolak kos jualan adalah lebih tinggi daripada nilai dibawa. Dengan itu, pembalikan rosot nilai sebanyak RM7,000,000 telah diiktiraf sebagai “pendapatan lain” dalam untung atau rugi Kumpulan pada tahun semasa.

(ii) Pada 5 Disember 2019, THPB telah menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan Tamaco Plantation Sdn. Bhd. (“Tamaco”) bagi melupuskan saham dalam Bumi Suria Ventures Sdn. Bhd./Maju Warisanmas Sdn. Bhd. dengan harga pembelian sebanyak RM170,000,000. Jumlah boleh diperoleh semula dari unit penjana tunai adalah berdasarkan harga pembelian tolak kos jualan. Nilai saksama ditolak kos jualan adalah lebih tinggi daripada nilai dibawa. Dengan itu, pembalikan kerugian rosot nilai sebanyak RM170,000,000 telah diiktiraf sebagai “pendapatan lain” dalam untung atau rugi Kumpulan pada tahun semasa. Pelupusan saham syarikat subsidiari dijangka akan selesai pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

30. Kumpulan wang simpanan pendeposit

	Kumpulan / TH	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	69,417,441	74,488,986
Simpanan pada tahun semasa	17,700,840	15,426,307
<i>Tolak:</i> Pengeluaran pada tahun semasa	(13,339,010)	(21,420,811)
	73,779,271	68,494,482
Agihan keuntungan bagi tahun semasa	2,140,538	922,959
Pada 31 Disember	75,919,809	69,417,441

i) Peruntukan di bawah Akta **TH**

Peruntukan-peruntukan di bawah Akta **TH** yang menetapkan agihan keuntungan kepada pendeposit dan Pembayaran Jaminan Kerajaan dinyatakan masing-masing dalam Seksyen 22 dan 24 Akta **TH**, seperti dinyatakan dalam Nota 2(a)(iii) dan 2(a)(iv).

ii) Pengagihan keuntungan

Pada 3 Mac 2021, **TH** mengisytiharkan agihan keuntungan pada kadar 3.10% (2019: 3.05%) berjumlah RM2,242,141,000 (2019: RM2,140,538,000) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Penyata kewangan untuk tahun semasa tidak mengambil kira pengagihan keuntungan yang diisytiharkan ini. Ia akan dicatat sebagai pengagihan rizab pendapatan dalam penyata kewangan untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2021.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

30. Kumpulan wang simpanan pendeposit *(samb.)*

ii) Pengagihan keuntungan *(samb.)*

Kesan agihan keuntungan yang diisytiharkan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan 2019 mengikut Seksyen 22 Akta **TH** adalah seperti berikut:

	Kumpulan / TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000
Jumlah aset	82,536,354	75,240,983
Jumlah liabiliti	(78,877,463)	(72,366,292)
Aset bersih sebelum agihan keuntungan	3,658,891	2,874,691
Keuntungan diisytihar untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020/2019	(2,242,141)	(2,140,538)
Aset bersih selepas agihan keuntungan	1,416,750	734,153

iii) Peralihan konsep kontrak simpanan daripada Wadiah kepada Wakalah

Berkuatkuasa dari 31 Disember 2019, simpanan di **TH** kini adalah di bawah kontrak simpanan Wakalah yang menggantikan kontrak simpanan Wadiah Yad Dhamanah yang digunakan sebelum ini. Menerusi kontrak baharu ini, **TH** adalah wakil untuk menguruskan dana pendeposit bagi tujuan aktiviti pelaburan dan pengurusan haji di mana keuntungan daripada pelaburan simpanan pendeposit akan diagihkan kepada pendeposit setelah mengambil kira kos operasi haji, zakat dan kos pengurusan.

Perubahan konsep ini tidak memberi kesan kepada penyata kewangan **TH** pada 31 Disember 2019.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

31. Deposit daripada pelanggan perbankan

	Kumpulan	
	2020*	2019
	RM'000	RM'000
Deposit simpanan		
Qard	-	4,681,710
Deposit permintaan		
Qard	-	10,932,557
Deposit bertempoh		
Deposit Pelaburan Khas		
<i>Mudharabah</i>	-	3,915
Deposit Pelaburan Am		
<i>Mudharabah</i>	-	209,693
Deposit bertempoh-i		
<i>Tawarruq</i>	-	28,773,453
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (NIDC)	-	121,550
	-	29,108,611
Simpanan lain	-	105,234
	-	44,828,112

* Pada tahun 2020, BHB telah diklasifikasikan sebagai Aset Dipegang untuk Dijual.

32. Akaun pelaburan pelanggan perbankan

	Kumpulan	
	2020*	2019
	RM'000	RM'000
Akaun pelaburan Mudharabah tidak terhad		
Pembiayaan perumahan	-	2,711,343
Akaun pelaburan Wakalah tidak terhad		
Pembiayaan perumahan	-	3,293,385
Pembiayaan peribadi	-	3,292,815
	-	9,297,543

* Pada tahun 2020, BHB telah diklasifikasikan sebagai Aset Dipegang untuk Dijual.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

33. Liabiliti kontrak takaful

	Kumpulan	
	2020*	2019
	RM'000	RM'000
Liabiliti kontrak takaful		
Peruntukan bagi tuntutan tertunggak	-	703,598
Peruntukan bagi caruman yang tidak diperoleh	-	394,340
Dana ahli	-	7,099,218
	-	8,197,156

* Pada tahun 2020, BHB telah diklasifikasikan sebagai Aset Dipegang untuk Dijual.

34. Liabiliti lain

	Kumpulan	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
Pemiutang perniagaan		
Pemiutang perniagaan	123,190	176,663
Deposit diterima	47,509	47,458
Wang tahanan	34,959	10,507
Liabiliti kontrak	15,400	9,595
Pemiutang berkaitan haji	-	17,136
Bil dan penerimaan belum bayar	-	49,084
	221,058	310,443
Pemiutang lain		
Pelbagai pemiutang dan akruan	608,161	1,865,960
Akaun pendeposit tidak aktif	344,627	361,225
Dana TKJHM dan TWT	76,441	51,918
Pemiutang takaful	-	175,352
Jumlah hutang kepada entiti usahasama	42,720	124,197
Baki kredit akaun klien dan peniaga	-	23,035
	1,071,949	2,601,687
	1,293,007	2,912,130

Nota

(i)

(ii)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

34. Liabiliti lain (*samb.*)

Nota	<i>TH</i>	
	2020 RM'000	2019 RM'000
Pemiutang perniagaan		
Pemiutang perniagaan	-	16,644
Pemiutang berkaitan haji	-	17,136
Deposit diterima	47,509	47,458
Wang tahanan	34,958	10,507
	82,467	91,745
Pemiutang lain		
Pelbagai pemiutang dan akruan	121,032	130,548
Akaun pendeposit tidak aktif (i)	344,627	361,225
Dana TKJHM dan TWT (ii)	76,441	51,918
Jumlah hutang kepada anak syarikat (iii)	722,422	703,756
	1,264,522	1,247,447
	1,346,989	1,339,192

Pemiutang perniagaan dan lain-lain tidak dikenakan caj keuntungan dan terma kredit perniagaan yang lazim yang diberi kepada Kumpulan adalah antara 1 bulan hingga 3 bulan (2019: 1 bulan hingga 3 bulan).

i) Akaun pendeposit tidak aktif

Merujuk kepada Seksyen 23 Akta *TH*, semua wang yang tidak dituntut yang dipegang oleh *TH* akan dimasukkan ke dalam daftar untuk disimpan oleh Ketua Pegawai Eksekutif *TH* sehingga wang tersebut dibayar kepada pendeposit pada bila-bila masa selepas pendaftarannya sebagai wang yang tidak dituntut. Dalam keadaan ini, pendeposit termasuk waris, pelaksana, wakil peribadi, pentadbir, peguam dan ejen yang sah.

Selaras dengan Seksyen ini di bawah Akta *TH* 1995, akaun simpanan pendeposit *TH* yang dormant atau tidak aktif selama lebih dari 7 tahun dipindahkan ke Dana TKJHM. Begitu juga cek yang dikeluarkan semasa penutupan akaun tetapi tidak ditunaikan dan telah melebihi tempoh sah akan dibatalkan dengan baki dipindahkan ke dana TKJHM.

Sekiranya tuntutan dibuat oleh pendeposit atau waris, pelaksana, wakil peribadi, pentadbir, peguam atau ejen yang sah, baki akan dikembalikan kepada pihak yang menuntut setelah mengesahkan identiti mereka.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

34. Liabiliti lain (*samb.*)

i) Akaun pendeposit tidak aktif (*samb.*)

Pergerakan akaun pendeposit tidak aktif adalah seperti berikut:

	Kumpulan / TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000
Pada 1 Januari	361,225	330,138
Simpanan tahun semasa	115	59,136
Pengeluaran tahun semasa	(16,713)	(28,049)
Pada 31 Disember	344,627	361,225

ii) Dana Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia ("TKJHM") and Tabung Warga Tua ("TWT")

Dana TKJHM

Dana TKJHM diwujudkan oleh **TH** untuk membiayai jemaah haji mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa TKJHM. Garis panduan tersebut menjelaskan penggunaan Dana TKJHM yang antara lain meliputi perlindungan, pemantauan dan kebajikan jemaah serta khidmat masyarakat umum. Sumber dana TKJHM merangkumi pendapatan dari pelaburan akaun tidak aktif, sumbangan dari individu, agensi dan sektor swasta, kerajaan negeri, lebihan bersih dan komisen dari aktiviti haji.

Dana TWT

Dana TWT diwujudkan pada tahun 1999 oleh **TH** untuk menampung sebahagian wang naik haji jemaah haji terpilih pada musim haji tertentu serta memenuhi syarat-syarat yang melayakkan mereka menerima bantuan tersebut. Sumber dana TWT adalah dari sumbangan tidak berulang yang diterima daripada pendeposit **TH** semasa penubuhan dana TWT. Sumbangan yang belum digunakan disimpan sebagai pelaburan di institusi kewangan patuh Syariah untuk memperoleh pendapatan yang akan digunakan untuk menampung jemaah haji lanjut usia yang layak untuk menunaikan haji pada masa hadapan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

34. Liabiliti lain (samb.)

ii) Dana Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia (“TKJHM”) and Tabung Warga Tua (“TWT”) (samb.)

Pergerakan dana TKJHM dan TWT adalah seperti berikut:

	Kumpulan / TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000
<u>Dana TKJHM</u>		
Pada 1 Januari	49,961	34,073
Lebihan bersih tahun semasa	24,474	15,888
Pada 31 Disember	74,435	49,961
<u>Dana TWT</u>		
Pada 1 Januari	1,957	2,267
Defisit bersih tahun semasa	49	(310)
Pada 31 Disember	2,006	1,957
Jumlah dana TKJHM dan TWT	76,441	51,918

Lebihan bersih TKJHM hanya boleh digunakan untuk tujuan khidmat masyarakat, perlindungan, pemantauan dan kesejahteraan umum jemaah haji, selari dengan garis panduan TKJHM sementara lebihan bersih TWT hanya boleh digunakan untuk membantu jemaah haji lanjut usia untuk menunaikan ibadah haji berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa TWT.

Ringkasan pendapatan dan perbelanjaan TKJHM adalah seperti berikut:

	Kumpulan / TH			
	TKJHM		TWT	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Terimaan dan pendapatan	27,562	30,265	49	77
Tolak : Perbelanjaan dan sumbangan kebajikan	(1,732)	(11,151)	-	(387)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 26(a))	(1,356)	(1,314)	-	-
Susut nilai hak guna aset	-	(1,912)	-	-
Lebihan/(defisit) bersih tahun semasa	24,474	15,888	49	(310)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

34. Liabiliti lain (*samb.*)

iii) Jumlah hutang kepada syarikat subsidiari

Jumlah hutang kepada syarikat subsidiari termasuk RM573,099,000 (2019: RM557,633,000) dari TH Indo Industries Sdn. Bhd. dan RM149,256,000 (2019: RM144,935,000) dari TH Indopalms Sdn. Bhd. berikutan wang tunai yang diterima bagi pihak syarikat subsidiari ini dari penjualan PT TH Indo Plantations pada tahun 2006.

35. Tanggungan rekursa bagi pembiayaan yang dijual kepada Cagamas

Tanggungan rekursa bagi pembiayaan yang dijual kepada Cagamas merupakan akaun pembiayaan perumahan yang dijual kepada Cagamas dengan rekursa. Di bawah perjanjian itu, Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank") mengaku janji untuk mentadbir pembiayaan bagi pihak Cagamas dan membeli semula sebarang pembiayaan yang dianggap tidak berprestasi berdasarkan kriteria kehematan yang telah ditetapkan dan dipersetujui dengan rekursa terhadap Bank. Transaksi pembiayaan ini dan obligasi untuk membeli balik pembiayaan ditunjukkan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.

Tidak ada obligasi pada tahun 2020 kerana BHB telah diklasifikasikan sebagai Aset yang Dipegang untuk Dijual.

36. Rizab perbelanjaan

	Kumpulan	
	2020 * RM'000	2019 RM'000
Pada 1 Januari	-	251,806
Peruntukan tahun semasa, bersih	-	59,588
Kesan perubahan dalam kadar pertukaran	-	306
Pada 31 Disember	-	311,700

* Pada tahun 2020, BHB telah diklasifikasikan sebagai Aset Dipegang untuk Dijual.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

37. Liabiliti pajakan

	Kumpulan		TH	
	<u>2020</u>	<u>2019</u>	<u>2020</u>	<u>2019</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Dalam tempoh 1 tahun				
Liabiliti pajakan	54,368	77,261	49,424	53,190
Lebih dari 1 tahun				
Liabiliti pajakan	657,036	762,996	581,933	679,471
	711,404	840,257	631,357	732,661

Pergerakan liabiliti pajakan pada tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	<u>2020</u>	<u>2019</u>	<u>2020</u>	<u>2019</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	840,257	1,180,678	732,661	1,021,421
Tambahan tahun semasa	12,150	15,665	6,886	5,204
Peningkatan tahun semasa	41,675	52,465	31,365	46,778
Bayaran tahun semasa	(33,768)	(348,383)	(3,220)	(333,834)
Pelarasan pelepasan sewa	(125,950)	-	(125,950)	-
Dinyahiktiraf	(2,333)	(53,260)	-	-
Pindahan kepada aset dipegang untuk dijual	(10,230)	-	-	-
Perbezaan tukaran asing	(10,397)	(6,908)	(10,385)	(6,908)
Pada 31 Disember	711,404	840,257	631,357	732,661

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

38. Pinjaman

	Nota	Kumpulan	
		2020 RM'000	2019 RM'000
Jangka pendek - < 12 bulan:			
<i>Bercagar</i>			
Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i	(i)	30,000	29,500
Pinjaman bertempoh	(ii)	14,400	53,680
Kredit pusingan	(iii)	4,000	4,000
<i>Tidak bercagar</i>			
Pinjaman perdagangan Islam-i	(iv)	-	10,270
Komoditi Murabahah Pusingan-i	(v)	-	60,000
Sukuk Murabahah Disubordinat	(vi)	-	7,455
Overdraif bank		-	18,019
		48,400	182,924
Jangka panjang - > 12 bulan:			
<i>Bercagar</i>			
Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i	(i)	234,646	246,736
Pinjaman bertempoh	(ii)	124,067	274,254
Kredit pusingan	(iii)	-	70,696
Pinjaman Murabahah	(vii)	1,147,170	545,015
<i>Tidak bercagar</i>			
Sukuk Murabahah Disubordinat	(vi)	-	1,150,000
Pinjaman bertempoh	(viii)	39,821	37,908
		1,545,704	2,324,609
		1,594,104	2,507,533

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

39. Pinjaman (samb.)

Tempoh pembayaran balik pinjaman adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2020	2019
	RM'000	RM'000
Kurang daripada satu tahun	745,704	182,925
Antara satu hingga lima tahun	808,579	1,040,427
Lebih daripada lima tahun	39,821	1,284,181
	1,594,104	2,507,533

i) Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i

l) Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i (l)

Kemudahan pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i (l) diperoleh syarikat subsidiari TH Plantations Berhad ("THPB"), PT Persada Kencana Prima dan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat penting perjanjian seperti berikut:

Syarat-syarat penting perjanjian

- a) Subsidiari hendaklah mengekalkan Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan ("FSCR") sekurang- kurangnya 1.25 kali sepanjang tempoh kemudahan diberikan;
- b) THPB akan kekal sebagai syarikat induk bagi syarikat subsidiari sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan pegangan efektif tidak kurang daripada 93%;
- c) THPB akan kekal sebagai syarikat subsidiari kepada Lembaga Tabung Haji;
- d) Syarikat subsidiari akan menggunakan kemudahan tersebut hanya untuk tujuan yang dibenarkan;
- e) Subordinasi kesemua pendahuluan sedia ada daripada pemegang saham subsidiari/pengarah/syarikat- syarikat berkaitan tidak kurang daripada 40% dari Kos Perladangan sebanyak USD16,740,000;
- f) Syarikat subsidiari tidak boleh tanpa persetujuan bertulis pembiaya mengambil sebarang pembiayaan/pinjaman tambahan;
- g) Syarikat subsidiari tidak boleh mengisytihar atau membayar/membayar balik pendahuluan, dividen atau pembayaran kepada pemegang saham (termasuk sebarang kepentingan) atau menebus mana-mana saham keutamaan tanpa menerima kebenaran bertulis daripada pembiaya;
- h) Syarikat subsidiari akan mengusahakan untuk memindahkan dan/atau menyebabkan untuk memindahkan semua hasil/pendapatan/ sumbangan ekuiti/hasil takaful/hasil insurans dari cadangan pembangunan kepada Akaun Pendapatan Rupiah dan Akaun Hasil USD;
- i) Syarikat subsidiari akan memastikan takaful atau insurans berpatutan dengan keperluan Dokumen Transaksi yang relevan, dan Bank akan disokong sebagai penerima kerugian, dan syarikat subsidiari akan terus mengekalkan lesen komersial dan peraturan yang relevan yang penting untuk Cadangan Pembangunan;

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

38. Pinjaman (*samb.*)

*i) Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i (*samb.*)*

*l) Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i (l) (*samb.*)*

*Syarat-syarat penting perjanjian (*samb.*)*

- j) Syarikat subsidiari akan berjanji untuk tidak membuka dan menyelenggara sebarang akaun dan/atau meletakkan wang tunai atau kesetaraan tunai atau deposit ke dalam akaun bank lain, selain dari Akaun yang Ditetapkan;
- k) Syarikat subsidiari hendaklah mengemukakan laporan ejen pelawat berkenaan pengembangan, penanaman dan operasi Tanah Perladangan yang disediakan oleh ejen pihak ketiga bebas setiap setengah tahun;
- l) Syarikat subsidiari tidak akan mengubah aktiviti perniagaan yang boleh membawa kepada Impak Buruk Material;
- m) Bank juga diberi peluang untuk menyediakan perkhidmatan perbankan lain termasuk tetapi tidak terhad kepada pengurusan tunai, takaful atau insurans, pembiayaan akhir dan produk lindung nilai tertakluk kepada terma dan syarat yang dipersetujui bersama;
- n) Sekiranya syarikat subsidiari atau syarikat subsidiarinya merancang untuk menyenaraikan atau memerlukan perkhidmatan perbankan pelaburan lain, syarikat subsidiari perlu memaklumkan Bank mengenai keperluan tersebut dan Bank atau mana-mana sekutu Bank akan mendapat hak penolakan pertama dan peluang untuk memberikan tawaran dan untuk memadankan tawaran terbaik untuk pemberian nasihat mengenai penyenaraian atau memberikan tawaran dan untuk memadankan tawaran terbaik untuk pemberian nasihat mengenai penyenaraian atau memberikan perkhidmatan perbankan pelaburan yang diperlukan (tertakluk pada terma dan syarat yang dipersetujui bersama antara Pelanggan dan Bank).

II) Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i (II)

Kemudahan pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i (II), diperoleh syarikat subsidiari THPB, THP Saribas Sdn. Bhd. telah dicagarkan ke atas tanah pajakan dengan jumlah dibawa sebanyak RM7,491,000 (2019: RM7,674,000).

Syarat-syarat penting perjanjian

Kemudahan pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat penting perjanjian seperti berikut:

- a) tidak memberi apa-apa pembiayaan, pinjaman, pendahuluan, memberi jaminan atau menjamin mana- mana pihak kecuali kredit perdagangan biasa atau jaminan perdagangan dalam urus niaga biasa;
- b) tidak menanggung, mengambil atau membenarkan wujud sebarang hutang, pinjaman atau pembiayaan di bawah prinsip perbankan Islam kecuali yang telah dimaklumkan secara bertulis dan dipersetujui oleh bank dan hutang tidak bercagar yang ditanggung adalah berkaitan dengan urus niaga biasa perniagaan syarikat subsidiari tersebut;
- c) tidak mewujudkan atau membenarkan untuk mengekalkan apa-apa kepentingan sekuriti ke atas mana- mana aset, perniagaan atau pengusahaannya (kecuali hak yang timbul daripada penguatkuasaan undang- undang dan dalam urus niaga biasa perniagaan yang pada pendapat pembiaya adalah tidak ketara);
- d) tidak menguatkuasakan atau membenarkan apa-apa bentuk penggabungan, penyusunan semula, penyatuan, pencantuman atau pengurangan modal saham atau sebaliknya meluluskan atau membenarkan apa-apa pertukaran pegangan atau kawalan;

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

38. Pinjaman *(samb.)*

i) Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i (samb.)

II) Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-i (II) (samb.)

- e) tidak melupuskan atau menyewakan semua atau sebahagian besar aset atau pengusahaannya kecuali dalam urusan niaga biasa perniagaan, berdasarkan terma komersial biasa dan dilakukan secara urusan niaga telus;
- f) tidak mengisytiharkan apa-apa dividen yang melebihi sepuluh peratus (10%) modal berbayarnya atau apa-apa jumlah yang melebihi lima puluh peratus (50%) daripada pendapatan bersih tahunan selepas cukai atau apa-apa tahap lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pembiaya, dengan syarat bahawa apa-apa pengisytiharan dividen yang dibenarkan boleh dibuat hanya jika semua hutang subsidiari adalah obligasi jangka pendek;
- g) tidak menyertai apa-apa perkongsian keuntungan atau urusan lain yang serupa di mana pendapatan atau keuntungan syarikat subsidiari dikongsi dengan mana-mana pihak/syarikat lain melainkan jika urusan tersebut adalah urusan niaga biasa perniagaan mengikut terma komersial biasa dan dilakukan secara urusan niaga telus, atau memeterai apa-apa perjanjian pengurusan di mana perniagaannya diuruskan oleh pihak ketiga;
- h) tidak mengurangkan atau mengubah modal saham subsidiari yang diluluskan atau diterbitkan atau mengubah strukturnya atau hak yang berkaitan dengannya; dan
- i) tidak melanggar apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh bank dalam dokumen pembiayaan.

ii) Pinjaman Bertempoh Bercagar

I) Pinjaman Bertempoh Bercagar (I)

Kemudahan pinjaman bertempoh bercagar (I) diperoleh syarikat subsidiari TH Properties Sdn. Bhd. ("THPSB").

Syarat-syarat penting perjanjian

- a) Kemudahan pembiayaan adalah dijamin oleh jaminan korporat daripada THPSB;
- b) THPSB perlu memastikan bahawa nilai ketara bersih Kumpulannya kekal positif sepanjang masa;
- c) THPSB perlu memastikan Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan ("FSCR") adalah sekurang- kurangnya 1.25 kali pada setiap suku tahun bermula pada tarikh Perjanjian Murabahah;
- d) THP Wentworth Corporation akan menyalurkan hasil perniagaan ke akaun bank yang ditetapkan oleh kedua-dua entiti; dan
- e) Enstek Development Sdn. Bhd. perlu memastikan bahawa nisbah baki pinjaman bank dari institusi kewangan berbanding nilai ketara bersih dikekalkan di bawah 0.8 kali sepanjang tempoh pinjaman.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

38. Pinjaman *(samb.)*

ii) **Pinjaman Bertempoh Bercagar** *(samb.)*

II) **Pinjaman Bertempoh Bercagar (II)**

Kemudahan Pinjaman Bertempoh Bercagar (II) adalah pinjaman yang diperoleh TH Alam Holdings (L) Inc., sebuah syarikat pemegangan pelaburan dengan syarikat-syarikat subsidiari yang terlibat dalam penyewaan kapal.

Pinjaman ini bercagar dengan hak pertama ke atas kapal-kapal, penyaluran hasil sewaan, polisi insuran ke atas kapal dan pelaburan deposit jangka pendek dengan bank berlesen.

Syarat-syarat penting perjanjian

- a) mengekalkan nisbah hutang kepada ekuiti tidak melebihi 2.0 kali;
- b) mengekalkan Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan ("FSCR") pada kadar minimum 1.25 kali;
- c) mengekalkan Akaun Rizab Perkhidmatan Kewangan ("FSRA") dengan baki minimum sebanyak RM6,000,000; dan
- d) mengekalkan Akaun Rizab Perkhidmatan Hutang ("DSRA") dengan baki minimum sebanyak RM8,000,000.

Baki pinjaman adalah tertakluk kepada Cadangan Skim Penyusunan Semula ("Proposed Restructuring Scheme (PRS)") melalui Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat ("CDRC") yang melibatkan beberapa entiti lain (secara kolektif dirujuk sebagai "Syarikat-syarikat Terjejas"). Pada 30 Mac 2018, syarikat subsidiari telah menerima kelulusan secara dasarnya yang diperlukan dari peminjam dan pembiaya masing-masing. Sehingga kini, Syarikat-syarikat Terjejas telah menerima kelulusan-prinsipal yang diperlukan mewakili 87% dari hutang yang dijamin dan 100% dari hutang yang tidak dijamin.

PRS adalah tertakluk kepada:

- i) Penganugerahan kontrak;
- ii) Persetujuan para pemegang saham Syarikat-syarikat Terjejas; dan
- iii) Melengkapkan dokumentasi penyelesaian dua hala dalam tempoh 60 hari dari 30 Mac 2018 atau sebarang tempoh lanjutan.

Penstrukturan semula ini melibatkan penyelesaian dua hala antara setiap entiti yang meminjam dan pembiaya masing-masing dengan meminda dan memperluaskan terma dan syarat pinjaman/kemudahan sedia ada berdasarkan jangkaan aliran tunai masing-masing.

Pada 30 Ogos 2018, Syarikat-syarikat Terjejas telah menandatangani surat tawaran tambahan dan/atau perjanjian tambahan ("Perjanjian Bilateral") dengan pemberi pinjaman/pembiaya masing-masing berdasarkan syarat-syarat PRS.

Pada 6 Mac 2019, TH Alam Holdings (L) Inc. telah menyelesaikan penstrukturan hutang dan dibebaskan dari kemasukannya ke CDRC.

iii) **Kredit pusingan**

Kemudahan kredit pusingan syarikat subsidiari THPSB dikenakan kadar keuntungan pada kos dana ditambah 1.5% setahun (2019: 1.5% setahun) dan dijamin melalui deposit dengan bank berlesen.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

38. Pinjaman (*samb.*)

iv) *Pinjaman Perdagangan Islam - i*

Kemudahan pinjaman perdagangan Islam-i tidak bercagar diperoleh syarikat subsidiari THPB, Manisraya Sdn. Bhd.

Syarat-syarat penting perjanjian

Kemudahan pinjaman perdagangan Islam tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat perjanjian penting seperti berikut:

- a) tidak memberi apa-apa pembiayaan, pinjaman atau pendahuluan, atau memberi jaminan atau menjamin mana-mana pihak, kecuali bagi kredit perdagangan biasa atau jaminan perdagangan dalam urus niaga biasa perniagaan;
- b) tidak menanggung, mengambil atau membenarkan wujud sebarang hutang atau apa-apa pinjaman atau apa-apa pembiayaan di bawah prinsip perbankan Islam kecuali yang telah dimaklumkan secara bertulis dan dipersetujui oleh bank dan hutang tidak bercagar yang ditanggung dalam urus niaga biasa perniagaan syarikat subsidiari;
- c) tidak mewujudkan atau membenarkan untuk menampung apa-apa kepentingan sekuriti ke atas mana-mana aset perniagaan atau perusahaan semasa atau akan datang, kecuali hak yang timbul daripada penguatkuasaan undang-undang dan dalam urus niaga biasa perniagaan dan bukan melalui kontrak;
- d) tidak menguatkuasakan atau membenarkan apa-apa bentuk penggabungan, penyusunan semula, penyatuan, pencantuman atau pengurangan modal saham atau sebaliknya meluluskan atau membenarkan apa-apa pertukaran pemilikan atau kawalan;
- e) tidak melupuskan, menjual atau memindah atau sebaliknya melupuskan semua atau sebahagian besar aset atau pengusahaannya kecuali dalam urus niaga perniagaan yang biasa, berdasarkan terma komersial biasa dan dilakukan secara urus niaga telus;
- f) tidak menyertai mana-mana perkongsian, perkongsian keuntungan atau perjanjian royalti atau pengaturan lain atau apa jua keadaan di mana pendapatan atau keuntungan yang dijana daripada aktiviti utamanya adalah, atau mungkin dikongsi dengan mana-mana pihak, firma atau syarikat lain atau menyertai mana-mana kontrak pengurusan atau pengaturan lain dalam apa jua cara di mana perniagaan atau operasi syarikat diuruskan oleh mana-mana orang, firma atau syarikat lain, melainkan dilaksanakan dalam urusan perniagaan yang biasa;
- g) tidak melibatkan atau menjalankan apa-apa perniagaan lain selain sebagaimana yang sedang dijalankan atau menggantung atau mengancam untuk menggantung mana-mana bahagian perniagaannya;
- h) tidak menambah, memadam, meminda atau menggantikan memorandum atau artikel perbadanan dengan cara yang tidak konsisten dengan peruntukan perjanjian kemudahan, dokumen cagar dan/atau dokumen transaksi yang lain, melainkan jika dikehendaki di bawah undang-undang;
- i) tidak mengambil sebarang langkah untuk menggulung atau membubarkan syarikat;
- j) tidak mendapatkan atau membenarkan wujud sebarang pinjaman atau pendahuluan daripada pemegang sahamnya, melainkan jika pinjaman dan pendahuluan ini adalah tersubordinat kepada kemudahan selaras dengan peruntukan perjanjian ini, dokumen cagar dan/atau dokumen transaksi yang lain; dan
- k) tidak membuat sebarang perjanjian dengan para pemegang saham, syarikat subsidiari atau syarikat bersekutu, melainkan jika perjanjian dibuat dalam urus niaga perniagaan yang biasa, berdasarkan urus niaga telus dan tidak mendatangkan kesan buruk kepada syarikat subsidiari.

Pembiayaan ini telah dibayar sepenuhnya dalam tahun semasa.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

38. Pinjaman (*samb.*)

v) *Komoditi Pusingan Murabahah-i*

Kemudahan Komoditi Pusingan Murabahah-i diperoleh TH Plantations Berhad (THPB) yang dijamin dengan:

- i) Perjanjian Kemudahan Induk untuk Kemudahan Komoditi Murabahah;
- ii) Memorandum hak ke atas 13,135,000 unit saham Bumi Suria Ventures Sdn. Bhd. dan 1,151,998 unit Maju Warisanmas Sdn. Bhd.; dan
- iii) Dokumen keselamatan seperti Surat Ikatan Penyerahan Wang ke atas Akaun Hasil untuk disimpan dengan Pembiaya dan dokumen lain yang difikirkan perlu oleh Bank pada bila-bila masa atau seperti yang dinasihatkan oleh peguamnya.

Syarat-syarat penting perjanjian

Kemudahan Komoditi Pusingan Murabahah-i tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat perjanjian penting seperti berikut:

- a) THPB akan memberi mandat kepada RHB Investment Bank Berhad sebagai Transaksi dan Penasihat Utama untuk cadangan rasionalisasi yang dicadangkan;
- b) **TH** akan kekal sebagai pemegang saham utama (secara langsung atau tidak langsung) dan mengekalkan sekurang-kurangnya 51% pegangan saham dalam THPB sepanjang tempoh Kemudahan ini. Persetujuan bertulis terlebih dahulu akan diperoleh sekiranya terdapat penurunan dalam pegangan saham **TH** dalam THPB hingga di bawah 51%;
- c) Kumpulan THPB akan mengekalkan nisbah pembiayaan kepada ekuiti tidak melebihi 1.25 kali sepanjang tempoh kemudahan perbankan;
- d) Pembayaran dividen dibenarkan tanpa tunggakan kemudahan perbankan;
- e) Tiada pinjaman selanjutnya yang akan diperoleh THPB sepanjang tempoh kemudahan perbankan tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu oleh Bank kecuali untuk sewa beli, hutang pajakan kewangan dan kemudahan jangka pendek yang lain; dan
- f) Terma dan syarat lain yang akan dinasihatkan oleh peguam cara bank dan dipersetujui oleh pelanggan.

Pembiayaan ini telah dibayar sepenuhnya dalam tahun semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

38. Pinjaman *(samb.)*

vi) Pinjaman Sukuk Murabahah Disubordinat

Pinjaman Sukuk Murabahah Disubordinat tidak bercagar yang diterbitkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad mengandungi ciri-ciri berikut:

Nilai Nominal RM'000	Tarikh Terbitan	Tarikh panggilan pertama*	Tarikh matang	Kadar keuntungan (%setahun) #
i) 300,000	22 April 2015	22 April 2020	22 April 2025	5.75
ii) 400,000^	15 Disember 2015	15 Disember 2020	15 Disember 2025	5.50
iii) 300,000	13 November 2017	12 Disember 2022	12 November 2027	5.08
iv) 300,000	7 November 2018	7 Disember 2023	7 November 2028	5.15
v) 400,000	26 Mac 2020	26 Mac 2025	26 Mac 2030	3.75
vi) 700,000	21 Oktober 2020	21 Oktober 2025	21 Oktober 2030	3.60

* Tarikh penebusan pilihan atau sebarang tempoh pembayaran selepas itu

Terakru dan dibayar setiap setengah tahun di akhir tempoh

^ Termasuk RM50 juta langganan oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad

vii) Kemudahan Pinjaman Murabahah

l) Kemudahan Pinjaman Murabahah (l)

Kemudahan Pembiayaan Murabahah (l), diperoleh LTH Property Holdings 2, perlu dibayar balik sebelum 24 Januari 2019. Pada 23 Januari 2019, LTH Property Holdings 2 bersama dengan LTH Property Holdings memeterai perjanjian pembiayaan Murabahah baru dengan Standard Chartered Offshore Labuan ("SCB") untuk menyelesaikan sepenuhnya kemudahan pembiayaan Murabahah sedia ada bersama Export-Import Bank of Malaysia Berhad yang perlu dibayar balik pada 24 April 2019.

Pada 2 Julai 2019, kedua-dua syarikat subsidiari memeterai perjanjian pembiayaan Murabahah utama dengan Standard Chartered ("Bank") berkuat kuasa mulai 29 April 2019. Bank bersetuju untuk memberikan kemudahan maksimum sebanyak £65,000,000 untuk membolehkan kedua-dua syarikat subsidiari menyelesaikan pembiayaan di atas. Perjanjian pembiayaan baru dikenakan kadar keuntungan LIBOR 3 bulan ditambah 1.35% setahun dan akan dibayar pada 29 April 2021, dengan pilihan lanjutan untuk satu tahun lagi mengikut budi bicara Bank dan tertakluk kepada persetujuan antara pihak terlibat mengenai kadar keuntungan dan syarat-syarat lain yang berkaitan dengan tempoh lanjutan. Syarat untuk melanjutkan kemudahan mesti dipersetujui sebelum 29 Oktober 2020 jika tidak, pilihan lanjutan dibatalkan.

Di bawah syarat-syarat perjanjian, keuntungan yang perlu dibayar kepada bank sebanyak RM4,359,000 (2019: RM2,098,000) diambil kira dalam untung atau rugi, di mana RM590,000 (2019: RM393,000) masih tertunggak pada akhir tahun dan merupakan sebahagian daripada liabiliti lain (rujuk Nota 34).

TH juga telah memberikan komitmen yang memihak kepada bank atas Sukuk yang memenuhi syarat dan akaun deposit tunai yang perlu dikekalkan pada nilai minimum yang dipersetujui mengikut nisbah jumlah tertunggak di bawah kemudahan Murabahah yang diberi kepada LTH Property Holdings and LTH Property Holdings 2.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

38. Pinjaman (*samb.*)

*vii) Kemudahan Pinjaman Murabahah (*samb.*)*

II) Kemudahan Pinjaman Murabahah (II)

Kemudahan pinjaman Murabahah (II) yang diperoleh oleh LTH Property Holdings 2. LTH Property Holdings 2 telah menandatangani Perjanjian Pegangan Cagaran dengan Maybank Islamic Berhad ("MIB"), yang memberikan hak undang-undang yang pertama terhadap hartanah. Pendapatan sewa dari pajakan hartanah tersebut mesti dibayar ke dalam akaun bank yang ditetapkan oleh pihak bank.

Pada 23 Disember 2016, LTH Property Holdings 2 menandatangani perjanjian pembiayaan Murabahah dengan MIB dengan peruntukan berjumlah £36,560,000. Pembiayaan tersebut dikenakan kadar keuntungan LIBOR ditambah margin tetapi tidak boleh melebihi kadar siling, iaitu maksimum antara (a) kadar pembiayaan MIB ditambah 4% setahun dan (b) 10% setahun. Di bawah syarat-syarat perjanjian, margin sepanjang tempoh dari tarikh penggunaan MIB menerima semua dokumen yang disenaraikan dalam Syarat- Syarat Seterusnya ialah 3% setahun. Selepas tempoh itu, margin adalah sebanyak 1.8% setahun.

Berdasarkan syarat perjanjian, keuntungan yang perlu dibayar kepada MIB berjumlah £801,783 (2019: £956,842) diambil kira dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan Pendapatan Ditahan, yang mana £234,572 (2019: £85,770) masih tertunggak pada akhir tahun dan termasuk dalam pemiutang dan perbelanjaan terakru. Pembiayaan tersebut perlu dijelaskan untuk pembayaran pada ulang tahun kelima pengeluaran pertama, iaitu pada 28 November 2021.

LTH Property Holdings 2 menandatangani Perjanjian Debentur dan Kepentingan Keselamatan dengan MIB pada 23 Disember 2016 di mana terdapat caj undang-undang pertama ke atas hartanah tersebut. Pendapatan sewa dari Windsor Office Park, Windsor perlu dibayar ke dalam akaun HSBC Bank Plc yang disekat.

Debentur tersebut menggabungkan caj tetap dan terapung ke atas aset semasa dan masa hadapan syarikat subsidiari. Sebagai tambahan, syarikat subsidiari telah menyerahkan semua hak, geran hak milik dan manfaat serta kepentingan terhadap hartanah tersebut kepada MIB sebagai cagaran untuk pinjaman.

Syarat-syarat penting perjanjian

- a) syarikat subsidiari dan **TH** perlu memastikan bahawa pada setiap masa, nilai ketara bersih syarikat subsidiari kekal positif. Nilai ketara bersih ialah RM180,449,256; dan
- b) syarikat subsidiari dan **TH** perlu memastikan bahawa Nisbah Perlindungan Keuntungan adalah sekurang-kurangnya 1.25:1 pada setiap tarikh semakan (pada 30 Jun dan 31 Disember). Nisbah Perlindungan Keuntungan dikira sebagai tunai bersih yang tersedia untuk apa-apa amaun yang perlu dibayar di bawah Perjanjian Murabahah Utama, tidak termasuk pelunasan caj kewangan.

Syarat-syarat perjanjian telah dipatuhi sepanjang tahun dan tahun berikutnya.

III) Kemudahan Pinjaman Murabahah (III)

Pada 24 Disember 2020, LTH Property Holdings memeterai perjanjian pembiayaan Murabahah utama dengan Standard Chartered Bank ("SCB"), berkuatkuasa mulai 31 Disember 2020. SCB bersetuju untuk memberikan kemudahan sehingga £108,000,000 untuk membolehkan anak syarikat menyelesaikan pembiayaan Murabahah komoditi jangka pendek yang dinyatakan di atas. Pembiayaan ini dikenakan kadar keuntungan LIBOR 3 bulan ditambah 1.5% setahun dan perlu dibayar pada 31 Disember 2021, dengan pilihan lanjutan untuk satu tahun berikutnya tertakluk kepada budi bicara SCB dan persetujuan antara pihak mengenai kadar keuntungan dan syarat-syarat lain yang terpakai berhubung dengan pelanjutan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

38. Pinjaman *(samb.)*

viii) Pinjaman Bertempoh Tidak Bercagar

Pinjaman bertempoh tidak bercagar diperoleh syarikat subsidiari THPB., TH Bonggaya Sdn. Bhd., telah diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengeluaran pada kali pertama. Baki pinjaman pada 31 Disember 2020 adalah RM79,297,000 (2019: RM79,297,000). Kemudahan pinjaman bertempoh tidak bercagar ini adalah pinjaman konvensional yang diberi oleh sebuah agensi kerajaan, Forest Plantation Development Sdn. Bhd. ("FPDSB").

Syarat-syarat penting perjanjian

Kemudahan pinjaman bertempoh tidak bercagar adalah tertakluk kepada pematuhan terma-terma perjanjian penting seperti berikut:

Syarikat subsidiari tidak akan melakukan atau menyebabkan berlaku perkara-perkara berikut kecuali dengan kebenaran bertulis daripada FPDSB:

- i) Memberi, memindah, menjual, menanggung atau sebaliknya dengan apa-apa jua cara melibatkan hak, hak milik dan kepentingan syarikat subsidiari di bawah perjanjian pinjaman atau dokumen cagar atau mana- mana bahagiannya atau apa-apa kepentingan di dalamnya atau membuat subjek yang sama tertakluk kepada apa-apa liabiliti bebanan atau perubahan atau hak dengan apa jua atau membatalkan menghapus atau meminda apa-apa syarat atau sekatan yang menyentuh perjanjian ini atau dokumen cagar tanpa persetujuan bertulis daripada FPDSB telah diperolehi terlebih dahulu; dan
- ii) Memberi sub-konsesi kawasan yang boleh ditanam, menyewa atau memberi apa-apa lesen atau sebaliknya dengan cara yang sama dengan pemilikan atau membuat atau menerima penyerahan apa-apa pajakan tentang dan berkenaan dengan perjanjian atau dokumen-dokumen keselamatan atau kawasan yang boleh ditanam atau melaksanakan sesuatu projek tanpa persetujuan secara bertulis daripada FPDSB telah diperolehi terlebih dahulu, dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam klausa ini melarang peminjam daripada melantik atau melibatkan sub-kontraktor untuk menjalankan pelbagai kerja atau aktiviti berhubung pelaksanaan projek tersebut.

39. Peruntukan manfaat persaraan

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Pada 1 Januari	772,791	576,303	772,059	575,761
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	62,100	157,056	61,972	156,965
Peruntukan tahun semasa (Nota 43)	64,040	61,390	63,909	61,202
Bayaran pada tahun semasa	(36,255)	(21,958)	(35,809)	(21,869)
Pada 31 Disember	862,676	772,791	862,131	772,059

Peruntukan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Nilai semasa pelan manfaat persaraan tidak berdana	862,676	772,791	862,131	772,059

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

39. Peruntukan manfaat persaraan (*samb.*)

Peruntukan yang diiktiraf dalam untung atau rugi adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2020	2019	2020	2019
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos perkhidmatan semasa	26,629	19,184	26,551	19,085
Kos kewangan	34,721	32,495	34,668	32,449
Pengukuran semula	2,690	9,711	2,690	9,668
Jumlah	64,040	61,390	63,909	61,202

Andaian aktuari

Andaian aktuari yang telah digunakan untuk menentukan obligasi manfaat persaraan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2020	2019	2020	2019
	%	%	%	%
Kadar diskaun	3.9 - 6.9	4.4 - 8.0	3.9 - 4.2	4.4 - 4.6
Kadar kenaikan gaji	4.0 - 5.0	4.0 - 5.0	4.0	4.0
Kadar inflasi kos perubatan	4.5 - 5.5	4.5 - 5.5	4.5 - 5.5	4.5 - 5.5
Kadar inflasi kos haji	4.0	4.0	4.0	4.0

Aktuari profesional telah mengambil kira faktor luaran dan dalaman dalam menentukan andaian. Faktor luaran termasuk keadaan pasaran semasa, prospek ekonomi dan data industri manakala faktor dalaman merangkumi pengalaman dan sejarah terdahulu serta polisi Kumpulan dan TH.

TH menyediakan beberapa pelan persaraan yang tidak berdana. Pelan-pelan ini diterangkan secara ringkas seperti berikut:

Jenis-jenis manfaat persaraan

i) Manfaat perubatan selepas persaraan

TH menyediakan pelan manfaat bagi kos perubatan kakitangan dan tanggungan kakitangan selepas kakitangan bersara yang meliputi kos rawatan perubatan di pusat-pusat perubatan swasta dan/atau Kerajaan. Kos rawatan perubatan di hospital bagi kakitangan-kakitangan yang telah bersara ditanggung secara langsung oleh TH.

ii) Ganjaran cuti rehat tahunan terkumpul

TH menyediakan pelan manfaat bagi cuti rehat tahunan terkumpul kepada kakitangan yang bersara yang boleh ditukarkan kepada tunai mengikut bilangan hari cuti terkumpul terhad kepada jumlah maksimum sebanyak 120 atau 150 hari.

iii) Anugerah menunaikan fardhu haji

TH menyediakan pelan manfaat untuk menunaikan haji kepada kakitangan dan pasangan atau seorang ahli keluarga apabila kakitangan mencapai umur persaraan dan jumlah tempoh perkhidmatan tertentu yang melayakkan mereka untuk mendapat manfaat tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

39. Peruntukan manfaat persaraan (samb.)

Jenis-jenis manfaat persaraan (samb.)

iv) Pelan Gratuiti

TH menyediakan pelan gratuiti persaraan kepada kakitangan yang bersara dan mencapai tempoh perkhidmatan yang ditetapkan mengikut syarat-syarat tertentu.

Maklumat pendedahan tambahan

i) Penerangan tentang ciri-ciri pelan dan risiko yang berkaitan

Pelan manfaat terdiri daripada beberapa pelan persaraan yang mana pelan terbesar (dari segi saiz liabiliti) adalah manfaat perubatan selepas persaraan diikuti dengan pelan gratuiti persaraan. Oleh itu, keputusan penilaian adalah sensitif terhadap perubahan kepada kadar diskaun, andaian bagi kadar inflasi kos perubatan dan andaian kadar kenaikan gaji.

ii) Penerangan tentang pengurusan dan polisi dana

Pelan ini tidak berdana. Manfaat dibayar secara langsung oleh **TH** apabila kakitangan mencapai umur persaraan atau meninggal dunia ketika masih dalam perkhidmatan.

iii) Profil terperinci peruntukan manfaat persaraan

Perincian tentang obligasi manfaat persaraan mengikut pelan dan jumlah penilaian yang terlibat pada 31 Disember adalah seperti berikut:

TH	Manfaat Perubatan Selepas Persaraan	Ganjaran Cuti Rehat Tahunan Terkumpul	Anugerah Menunaikan Fardhu Haji	Gratuiti Perkhidmatan	Jumlah
2020					
Jumlah obligasi (RM'000)	577,204	22,598	48,946	213,383	862,131
Nisbah (%)	67.0	2.6	5.7	24.7	100.0
Jangkaan obligasi dalam tempoh 12 bulan	8,690	2,810	2,143	25,178	38,821
2019					
Jumlah obligasi (RM'000)	501,686	21,518	39,544	210,043	772,059
Nisbah (%)	64.9	2.8	5.1	27.2	100.0
Jangkaan obligasi dalam tempoh 12 bulan	7,381	2,024	1,970	17,883	29,258

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

39. Peruntukan manfaat persaraan *(samb.)*

Maklumat pendedahan tambahan *(samb.)*

iv) Perbelanjaan pentadbiran

Perbelanjaan pentadbiran ditanggung oleh **TH** dan diambil kira secara berasingan dalam penyata untung atau rugi.

v) Pengurangan, penyelesaian dan pindaan pelan manfaat

Tiada pindaan dibuat kepada pelan manfaat persaraan yang boleh mengakibatkan pengurangan atau penyelesaian pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Andaian-andaian penting aktuari dan analisis kepekaan

i) Andaian-andaian penting aktuari

Analisis di bawah menunjukkan impak terhadap kenaikan/penurunan obligasi manfaat persaraan disebabkan perubahan andaian bagi tahun semasa:

TH

Andaian	Kadar asas	Analisis kepekaan	2020 RM'000
Kadar diskaun	3.9% - 4.2%	1% kenaikan	(122,287)
Kadar diskaun	3.9% - 4.2%	1% penurunan	156,822
Kadar inflasi kos perubatan pada masa hadapan	4.5% - 5.5%	1% kenaikan	130,674
Kadar inflasi kos perubatan pada masa hadapan	4.5% - 5.5%	1% penurunan	(101,473)
Kadar kenaikan gaji pada masa hadapan	4.0%	1% kenaikan	21,678
Kadar kenaikan gaji pada masa hadapan	4.0%	1% penurunan	(19,050)

Andaian	Kadar asas	Analisis kepekaan	2019 RM'000
Kadar diskaun	4.4% - 4.6%	1% kenaikan	(90,873)
Kadar diskaun	4.4% - 4.6%	1% penurunan	114,406
Kadar inflasi kos perubatan pada masa hadapan	4.5% - 5.5%	1% kenaikan	87,330
Kadar inflasi kos perubatan pada masa hadapan	4.5% - 5.5%	1% penurunan	(69,400)
Kadar kenaikan gaji pada masa hadapan	4.0%	1% kenaikan	15,667
Kadar kenaikan gaji pada masa hadapan	4.0%	1% penurunan	(13,846)

Andaian-andaian utama yang dikenal pasti seperti kadar diskaun, kadar inflasi kos perubatan dan kadar kenaikan gaji boleh memberi kesan ketara terhadap keputusan penilaian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

39. Peruntukan manfaat persaraan (*samb.*)

Andaian-andaian penting aktuari dan analisis kepekaan (*samb.*)

- ii) Kaedah dan andaian yang digunakan dalam analisis kepekaan

Andaian lain adalah tetap dalam mengukur kepekaan keputusan terhadap sesuatu andaian.

Keputusan dari analisis kepekaan seperti yang tertera pada jadual di atas menunjukkan perubahan terhadap jumlah obligasi apabila hanya satu andaian diubah. Pada hakikatnya, jumlah obligasi adalah tertakluk kepada pelbagai faktor luar yang boleh mengubah jumlah obligasi ke arah yang serupa atau bertentangan. Pelan persaraan adalah peka kepada perubahan andaian yang digunakan dan boleh berubah dari semasa ke semasa.

40. Lebihan dana

Berikut adalah jenis rizab yang membentuk lebihan dana Kumpulan dan **TH**:

Rizab boleh agih

Kumpulan

(a) Rizab pendapatan

Rizab pendapatan adalah mewakili keuntungan bersih terkumpul Kumpulan.

TH

(a) Rizab pendapatan

Rizab pendapatan mewakili keuntungan terkumpul boleh agih oleh **TH**, di mana berdasarkan budi bicara Lembaga, ianya dapat digunakan untuk tujuan pengagihan keuntungan tertakluk kepada Seksyen 22 Akta **TH** yang perlu dipenuhi seperti dinyatakan selanjutnya di Nota 2(a)(iv).

(b) Rizab penyamaan

TH akan memindah masuk atau keluar Rizab Penyamaan dalam jumlah tertentu yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa untuk memantapkan rizab **TH** untuk mencapai pengukuhan kewangan yang berterusan dan pengagihan keuntungan yang berhemat kepada pendeposit.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

40. Lebihan dana (*samb.*)

Rizab tidak boleh agih

Kumpulan

(a) Rizab modal

Rizab modal terdiri daripada bahagian rizab modal selepas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama Kumpulan, pengeluaran bonus terbitan oleh syarikat subsidiari dan jumlah muhibah negatif yang timbul daripada pengambilalihan syarikat-syarikat subsidiari pada tahun-tahun terdahulu.

(b) Rizab tukaran asing

Rizab tukaran asing merangkumi kesemua perbezaan tukaran mata wang asing yang timbul daripada terjemahan penyata kewangan operasi luar negara di Indonesia, United Kingdom dan Australia dan operasi perbankan luar pesisir - Wilayah Persekutuan Labuan.

(c) Rizab nilai saksama melalui pendapatan komprehensif

Rizab tidak boleh agih yang merangkumi perubahan bersih terkumpul dalam nilai saksama aset kewangan pada FVOCI. Selain itu, peruntukan kerugian yang timbul daripada pengiktirafan jangkaan kerugian kredit bagi instrumen hutang pada FVOCI disatukan dalam rizab FVOCI dan bukannya mengurangkan jumlah dibawa aset.

TH

(a) Rizab berkanun

Rizab tidak boleh agih diwujudkan sebagai Rizab Dana berdasarkan peruntukan Akta **TH**. Mengikut Seksyen 21(3) Akta **TH**, pindahan kepada Rizab berkanun hendaklah ditentukan oleh Lembaga manakala pindahan daripada Rizab berkanun hendaklah ditentukan oleh Menteri.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

40. Lebihan dana (samb.)

Kumpulan	Rizab modal RM'000	Rizab tukaran asing RM'000	Rizab terkumpul TKJHM dan TWT RM'000	Rizab nilai saksama FVOCI RM'000	Jumlah rizab-rizab lain RM'000
2020					
Pada 1 Januari 2020	9,353	(113,979)	-	(234,314)	(338,940)
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	-	-	277	277
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:					
Perubahan bersih nilai saksama	-	-	-	208,909	208,909
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	-	-	12,259	12,259
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif lain	-	-	-	3,159	3,159
Perubahan nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	-	-	548,260	548,260
Perbezaan terjemahan mata wang bagi operasi luar negara	-	12,166	-	-	12,166
Jumlah pendapatan komprehensif lain tahun semasa	-	12,166	-	772,864	785,030
Penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	-	-	(274,101)	(274,101)
Pada 31 Disember 2020	9,353	(101,813)	-	264,449	171,989

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

40. Lebihan dana *(samb.)*

Kumpulan	Rizab modal RM'000	Rizab tukaran asing RM'000	Rizab terkumpul TKJHM dan TWT RM'000	Rizab nilai saksama FVOCI RM'000	Jumlah rizab-rizab lain RM'000
<u>2019</u>					
Pada 1 Januari 2019	11,878	(96,721)	-	(1,177,511)	(1,262,354)
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	-	-	22	22
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:					
Perubahan bersih nilai saksama	-	-	-	533,730	533,730
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	-	-	21,375	21,375
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif lain	-	-	-	(34,903)	(34,903)
Perubahan nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	-	-	393,507	393,507
Perbezaan terjemahan mata wang bagi operasi luar negara	-	(16,784)	-	-	(16,784)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain tahun semasa	-	(16,784)	-	913,731	896,947
Penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	-	-	29,466	29,466
Perubahan dalam pegangan struktur kumpulan	(2,525)	(474)	-	-	(2,999)
Pada 31 Disember 2019	9,353	(113,979)	-	(234,314)	(338,940)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

41. Pendapatan

Nota	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Pendapatan daripada:				
Pendapatan dari aset kewangan diukur pada FVTPL (i)	283,653	285,290	284,497	286,134
Pendapatan dari instrumen ekuiti diukur pada FVOCI (ii)	278,925	242,921	278,743	242,848
Pendapatan dari instrumen hutang diukur pada FVOCI (ii)	533,611	594,287	535,979	707,330
Pendapatan dari aset kewangan diukur pada kos terlunas (iii)	199,014	280,989	306,611	312,214
Pendapatan dari Sukuk UJSB (Nota 10(iii))	818,339	469,123	818,339	469,123
Pendapatan dari portfolio pembiayaan	-	-	98,616	98,288
Pendapatan dari pasaran wang	181,842	234,655	232,774	246,176
Pendapatan dari pelaburan dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan entiti usahasama (iv)	(660)	-	125,259	199,964
Pendapatan dari derivatif	-	14,599	-	14,599
Penyewaan hartanah	353,887	396,376	243,757	300,011
Pendapatan sewa terakru	9,411	9,508	9,411	9,508
Keuntungan dari penjualan hartanah pelaburan	17	7,978	17	7,978
Pendapatan pajakan kewangan	142,977	155,057	163,095	175,567
Pendapatan daripada kontrak dengan pelanggan (v)	714,393	1,002,317	-	-
Perubahan dalam nilai saksama bagi :				
- hartanah pelaburan	(140,506)	(128,935)	(100,074)	(31,995)
- pertimbangan tunai tertunda dari UJSB	7,322	10,714	7,322	10,714
- perhutanan	5,726	(43,215)	-	-
- aset agrikultur	4,220	11,031	-	-
- derivatif	-	(1,322)	-	-
Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada FVTPL	109,121	171,447	107,431	168,925
	3,501,292	3,712,820	3,111,777	3,217,384

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

41. Pendapatan (samb.)

Perincian pendapatan mengikut kategori adalah seperti berikut:

(i) Pendapatan dari aset kewangan diukur pada FVTPL :

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Pendapatan dari Sukuk	50,548	50,547	50,548	50,547
Pendapatan dari sekuriti kekal	167,762	179,513	167,762	179,513
Pendapatan dari unit amanah	30,715	35,025	30,715	35,025
Pendapatan dari instrumen hutang Islam boleh niaga	-	7,766	-	7,766
Pendapatan dari simpanan dalam akaun pelaburan	25,657	1,999	26,501	2,843
Pendapatan dari pelaburan lain	8,971	10,440	8,971	10,440
	283,653	285,290	284,497	286,134

(ii) Pendapatan dari aset kewangan diukur pada FVOCI:

Instrumen Ekuiti :

Pendapatan dividen				
- saham tercatat	227,956	180,886	227,774	180,887
- saham tak tercatat	30,234	41,865	30,234	41,791
- pengurus dana luar	20,735	20,170	20,735	20,170
	278,925	242,921	278,743	242,848

Instrumen hutang:

Pendapatan dari sekuriti hutang kerajaan	6,336	259	6,336	259
Pendapatan dari sekuriti hutang dijamin kerajaan	150,688	302,502	150,688	302,502
Pendapatan dari Sukuk	376,587	291,526	378,955	404,569
	533,611	594,287	535,979	707,330

Jumlah

	812,536	837,208	814,722	950,178
--	----------------	----------------	----------------	----------------

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN **BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020** *(samb.)*

41. Pendapatan *(samb.)*

Perincian pendapatan mengikut kategori adalah seperti berikut: *(samb.)*

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
(iii) Pendapatan dari aset kewangan diukur pada kos terlunas :				
Pendapatan dari Sukuk	122,646	196,848	230,243	225,754
Pendapatan dari instrumen hutang Islam boleh niaga	75,892	83,393	75,892	85,712
Pendapatan dari pelaburan lain	476	748	476	748
	199,014	280,989	306,611	312,214

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
(iv) Pendapatan dari pelaburan dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan entiti usahasama:				
- subsidiari tercatat	-	-	119,651	151,937
- subsidiari tidak tercatat	-	-	-	40,000
- syarikat bersekutu tidak tercatat	-	-	6,095	8,027
Keuntungan/(Kerugian) dari pelupusan:				
- subsidiari bersekutu tidak tercatat	(749)	-	(749)	-
- entiti usahasama	89	-	262	-
	(660)	-	125,259	199,964

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

41. Pendapatan *(samb.)*

v) Pengasingan pendapatan Kumpulan dari kontrak dengan pelanggan adalah seperti berikut:

Jenis perkhidmatan	Kumpulan	
	2020 RM'000	2019 RM'000
Perladangan	554,915	493,577
Perkhidmatan	105,172	297,996
Pembangunan hartanah	16,423	54,934
Penjualan tanah	11,876	101,821
Pengurusan hartanah dan fasiliti	26,007	53,989
	714,393	1,002,317
Tempoh masa pengiktirafan pendapatan:		
Pada suatu tempoh	674,619	795,296
Melangkau tempoh	39,774	207,021
	714,393	1,002,317

(a) Pendapatan dari urus niaga diagihkan mengikut baki tempoh obligasi dilaksanakan

Jadual berikut menunjukkan pendapatan daripada pelaksanaan obligasi yang belum diselesaikan (atau belum diselesaikan sepenuhnya) pada tarikh pelaporan. Maklumat ini hanya disediakan bagi kontrak yang mempunyai tempoh penyelesaian lebih daripada satu tahun.

Kumpulan	2021 RM'000	2022 RM'000	Jumlah RM'000
Penjualan tanah	7,406	-	7,406
Pengurusan fasiliti	37,123	32,648	69,771
	44,529	32,648	77,177

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

41. Pendapatan *(samb.)*

- v) Pengasingan pendapatan Kumpulan dari kontrak dengan pelanggan adalah seperti berikut: *(samb.)*

(b) Baki kontrak

Baki kontrak yang dicatat oleh Kumpulan terdiri daripada berikut:

	<u>2020</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000
Terimaan perniagaan	25,292	45,226
Aset kontrak (Nota 15)	4,177	16,079
Liabiliti kontrak (Nota 34)	(15,400)	(9,595)

Aset kontrak berkait terutamanya dengan hak Kumpulan untuk menerima ganjaran bagi kerja yang telah siap bagi hartanah kediaman yang sedang dalam pembinaan di Malaysia tetapi belum dibilkan pada tarikh pelaporan. Pada kebiasaannya, jumlah tersebut akan dibilkan dalam tempoh 30 hari (2019: 30 hari) dan pembayaran dijangka dalam tempoh 90 hari (2019: 90 hari).

Liabiliti kontrak berkait terutamanya dengan jumlah awal yang diterima daripada pelanggan untuk hartanah komersil dalam pembinaan dan penjualan tanah, di mana pendapatan diiktiraf apabila kontrak disiapkan. Liabiliti kontrak dijangka diiktiraf sebagai pendapatan setelah pengeluaran hak milik kosong kepada pembeli untuk harta tanah komersial yang sedang dalam pembinaan dan penjualan tanah.

Pergerakan utama baki-baki aset kontrak/(liabiliti kontrak) segmen hartanah pada tahun semasa adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada awal tahun RM'000	Pendapatan diiktiraf RM'000	Bil kemajuan RM'000	Pada akhir tahun RM'000
<u>2020</u>				
Tanah	(2,651)	11,875	(16,630)	(7,406)
Lot komersil	132	819	(2,661)	(1,710)
Hartanah kediaman	7,290	15,604	(6,414)	16,480
Pengurusan hartanah	8,006	4	(8,006)	4
Pengurusan fasiliti	651	67,786	(79,034)	(10,597)
Lain-lain servis	(6,944)	42,008	(43,058)	(7,994)
	6,484	138,096	(155,803)	(11,223)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

41. Pendapatan *(samb.)*

v) Pengasingan pendapatan Kumpulan dari kontrak dengan pelanggan adalah seperti berikut: *(samb.)*

(b) Baki kontrak *(samb.)*

Kumpulan	Pada awal tahun RM'000	Pendapatan diiktiraf RM'000	Bil kemajuan RM'000	Pada akhir tahun RM'000
<u>2019</u>				
Tanah	(15,823)	101,821	(88,649)	(2,651)
Lot komersil	724	612	(1,204)	132
Hartanah kediaman	8,156	54,322	(55,189)	7,290
Pengurusan hartanah	8,247	87	(328)	8,006
Pengurusan fasiliti	2,820	80,067	(82,236)	651
Lain-lain servis	540	227,640	(235,124)	(6,944)
	4,664	464,549	(462,730)	6,484

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Rosot nilai:				
- syarikat subsidiari tercatat	-	-	-	36,815
- syarikat subsidiari tidak tercatat	-	-	128,869	3,192
- syarikat bersekutu tidak tercatat	5,251	40	5,251	-
- entiti usahama tidak tercatat	-	45,000	-	52,400
- hartanah, loji dan peralatan	72,504	84,397	-	-
- inventori	-	273	-	-
- kos pembangunan hartanah	-	8,086	-	-
- perbelanjaan pembangunan ladang	5,329	20,316	-	-
- aset tak ketara	-	9,761	-	-
- aset dipegang untuk dijual	46,851	74,637	-	-
- hakgunaan aset	898	41,118	-	-
Rosot nilai dan jangkaan kerugian kredit dibalikkan semula:				
- syarikat subsidiari tak tercatat	-	-	(3,534)	(11,902)
- aset dipegang untuk dijual	(20,963)	-	(20,963)	-
- syarikat bersekutu tak tercatat	-	-	-	(28,959)

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

	Kumpulan		TH	
	2020	2019	2020	2019
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Rosot nilai dan jangkaan kerugian kredit dibalikkan semula: <i>(samb.)</i>				
- entiti usahama tak tercatat	(4,645)	(39,184)	-	-
- pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	-	-	(179,620)	(67,754)
- jumlah hutang daripada syarikat subsidiari	-	-	-	(44,838)
- perbelanjaan pembangunan ladang	-	(1,833)	-	-
- hartanah, loji dan peralatan	(15,982)	-	-	-
- terimaan hutang perniagaan	(490)	-	-	(2)
- terimaan lain	(30)	-	-	-
Jangkaan kerugian kredit ke atas:				
- pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	-	-	15,554	331,969
- pembiayaan kepada syarikat subsidiari	-	-	-	-
- terimaan dividen daripada syarikat subsidiari	-	-	-	13,065
- jumlah hutang daripada syarikat subsidiari	-	-	13,377	68,078
- jumlah hutang daripada entiti usahasama	154,613	49,176	-	-
- terimaan hutang perniagaan	6,949	2,341	5,802	-
- terimaan lain	908	2,772	904	764
- terimaan pajakan kewangan	221,976	12,937	221,976	12,937
- aset kewangan pada kos terlunas	5,593	(51)	5,593	(51)
- aset kewangan pada FVOCI	12,397	21,843	12,397	21,769
Hapus kira:				
- pelaburan dalam syarikat subsidiari	-	454	-	-
- jumlah hutang daripada syarikat subsidiari	-	-	-	2,590
- jumlah hutang daripada entiti usahasama	16	-	-	-
- hartanah, loji dan peralatan	638	245	78	-
- perbelanjaan pembangunan ladang	2,870	1,043	-	-
- hartanah pelaburan	383	-	383	-
- saham tak tercatat	19,298	-	19,298	-
- aset dipegang untuk dijual	-	5	-	-
- terimaan	-	2,728	13,752	2,450
	514,364	336,104	239,117	392,523

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit (samb.)

Perincian rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit yang timbul adalah seperti berikut:

Kumpulan	Nota	Hartanah, loji dan peralatan RM'000	Perbelanjaan pembangunan ladang RM'000	Hak gunaan aset RM'000	Aset tak ketara RM'000	Aset dipegang untuk dijual RM'000	Jumlah hutang dari entiti usahasama RM'000	Terimaan dari pajakan kewangan RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
2020										
TH		-	-	-	-	-	-	221,976	-	221,976
TH Properties Sdn. Bhd.	(i)	-	-	-	-	-	154,613	-	-	154,613
Kumpulan TH Plantations Berhad	(ii)									
Hydroflow Sdn. Bhd.	(iii)	78	5,129	-	-	-	-	-	-	5,207
Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd.	(iv)	-	200	-	-	-	-	-	-	200
THP Kota Bahagia Sdn. Bhd	(v)	948	-	-	-	-	-	-	-	948
TH Pelita Gedong Sdn. Bhd. *	(vi)	-	-	-	-	288	-	-	-	288
THP Saribas Sdn. Bhd.	(vii)	1,960	-	-	-	-	-	-	-	1,960
		2,986	5,329	-	-	288	154,613	221,976	-	385,192
Lain-lain		54,174	2,870	898	-	46,563	-	-	24,667	129,172
		57,160	8,199	898	-	46,851	154,613	221,976	24,667	514,364

* Syarikat-syarikat ini dikelaskan dalam kumpulan aset untuk pelupusan dalam Nota 29.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit (samb.)

Perincian rosot nilai yang timbul adalah seperti berikut: (samb.)

Kumpulan	Nota	Hartanah, loji dan peralatan RM'000	Perbelanjaan pembangunan ladang RM'000	Hak gunaan aset RM'000	Aset tak ketara RM'000	Aset dipegang untuk dijual RM'000	Jumlah hutang dari entiti usahasama RM'000	Terimaan dari pajakan kewangan RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
2019										
Kumpulan TH Plantations Berhad										
Bumi Suria Ventures Sdn. Bhd. / Maju Warisanmas Sdn. Bhd.*	(i)	-	-	-	-	23,021	-	-	-	23,021
Hydroflow Sdn. Bhd.	(ii)	-	-	12,476	9,761	-	-	-	-	22,237
THP-YT Plantation Sdn. Bhd.*	(iii)	-	-	-	-	14,345	-	-	-	14,345
TH Pelita Simunjan Sdn. Bhd.*	(iv)	-	-	-	-	31,800	-	-	-	31,800
PT Persada Kencana Prima	(v)	-	14,940	-	-	-	-	-	-	14,940
TH Pelita Gedong Sdn. Bhd.	(vi)	-	5,376	1,473	-	-	-	-	-	6,849
THP Saribas Sdn. Bhd.	(vii)	75,845	-	3,976	-	-	-	-	-	79,821
TH Pelita Sadong Sdn. Bhd.	(viii)	-	-	4,894	-	-	-	-	-	4,894
TH Pelita Beladin Sdn. Bhd.	(ix)	-	-	-	-	4,189	-	-	-	4,189
		75,845	20,316	22,819	9,761	73,355	-	-	-	202,096
Lain-lain		8,797	-	18,299	-	1,287	49,176	12,937	43,512	134,008
		84,642	20,316	41,118	9,761	74,642	49,176	12,937	43,512	336,104

* Syarikat-syarikat ini dikelaskan dalam kumpulan aset untuk pelupusan dalam Nota 29.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit (*samb.*)

Rosot nilai tahun 2020 bagi terimaan dari pajakan kewangan, jumlah terhutang daripada syarikat subsidiari, hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan dibincangkan seperti di bawah:

2020

(i) Terimaan dari pajakan kewangan

TH

TH memeterai Perjanjian Sub-Sewa ("Perjanjian") dengan sebilangan pihak untuk mengendalikan beberapa hotel di Kerajaan Arab Saudi ("KSA"). Pihak-pihak tersebut menghadapi kesukaran untuk melakukan pembayaran kepada **TH** kerana kedudukan kewangan yang merugikan diburukkan lagi oleh COVID-19 menyebabkan kemungkiran pembayaran pendapatan sub-sewa yang tertunggak.

TH menjamin sub-pajakan kewangan bagi kebanyakan hotel melalui *Promissory Notes* ("PN") sama ada dengan pengendali dan/atau jaminan pihak ketiga. Proses penguatkuasaan dari pemfailan PN dengan mahkamah KSA sehingga pembubaran aset dijangka berlangsung dalam jangka masa selama 15 bulan.

TH memperuntukkan pendedahan kepada risiko kredit terimaan dari pajakan kewangan berdasarkan unjuran aliran tunai dengan mengambil kira prospek industri pelancongan di KSA akibat wabak COVID-19, pemulihan penguatkuasaan PN di KSA dan kemampuan Kumpulan untuk mencari pengendali baru untuk hotel.

TH juga menjangkakan Industri Pelancongan di KSA akan kembali ke tahap sebelum pandemik seperti berikut:

2021 : 80% berkuatkuasa mulai September 2021
2022 : 90% berkuatkuasa mulai Januari 2022
2023 : 100% berkuatkuasa mulai Januari 2023

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, **TH** telah memperuntukkan RM221,976,000 (2019: RM12,937,000) untuk jangkaan kerugian kredit terimaan tersebut.

(ii) Jumlah hutang daripada entiti usahasama

Kumpulan telah memperuntukkan rosot nilai jumlah hutang dari entiti usahasama yang berkaitan dengan TH Properties Sdn. Bhd. berjumlah RM154,653,000 (2019: RM46,946,000). Dasar rosot nilai adalah disebabkan oleh penurunan nilai tanah dan pertikaian dengan rakan kongsi usahasama berkenaan dengan kebolehpulihan bahagian yang tidak bercagar dan perkongsian keuntungan.

(iii) Hydroflow Sdn. Bhd.

Satu (1) kawasan estet dan PDE syarikat subsidiari tidak dapat diakses kerana pencerobohan orang asli, di mana Kumpulan THPB menjangkakan tiada pendapatan masa depan dapat dijana dari kawasan ini. Kumpulan THPB telah mengiktiraf kerugian rosot nilai sepenuhnya bagi hartanah dan PDE berhubung kawasan yang tidak dapat diakses, masing-masing berjumlah RM78,000 dan RM5,129,000.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2020 bagi terimaan dari pajakan kewangan, jumlah terhutang daripada syarikat subsidiari, hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2020 *(samb.)*

(iv) Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd.

Sepanjang tahun ini, pihak Pengurusan telah melakukan ujian rosot nilai bagi aset tambahan PDE Syarikat. Pihak Pengurusan berpendapat bahawa nilai saksama ditolak kos penjualan adalah konsisten seperti anggaran tahun sebelumnya berdasarkan penilaian para Pengarah, yang berdasarkan surat tawaran yang diterima dari pemegang saham minoriti Syarikat untuk memperoleh PDE berdasarkan keadaan semasa.

Berdasarkan nilai saksama ditolak kos penjualan, jumlah yang boleh diperoleh adalah lebih rendah daripada nilai dibawa PDE dan kerugian rosot nilai sebanyak RM200,000 diiktiraf.

(v) THP Kota Bahagia Sdn. Bhd.

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan THPB telah menilai aset perladangan bagi tanaman penghasil ("unit penajaan tunai") syarikat subsidiari yang tidak menunjukkan prestasi seperti jangkaan Kumpulan. Nilai dibawa tanaman penghasil pada 31 Disember 2020 berjumlah RM3,009,000. Jumlah yang boleh diperoleh tanaman penghasil adalah berdasarkan kaedah penggunaan nilai sebanyak RM32,384 sehektar.

Kaedah penilaian dan andaian yang digunakan dalam menentukan nilai saksama tolak kos jualan pada Tahap 3, serta input utama yang tidak dapat dirujuk yang digunakan dalam model penilaian tahun semasa adalah seperti berikut:

- a) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*
 - Aliran tunai yang didiskaunkan: Kaedah penilaian menggunakan nilai semasa aliran tunai bersih yang dijana daripada unit penajaan tunai ("CGU"), dengan mengambil kira jangkaan unjuran hasil buah tandan segar ("FFB"), harga jualan FFB dan kos penjagaan dan penyelenggaraan. Jangkaan aliran tunai bersih didiskaunkan dengan menggunakan kadar diskaun risiko terlaras.
- b) *Input penting yang tidak dapat dirujuk pada tahun semasa*
 - Jangkaan unjuran hasil FFB (17.00mt/ha – 24.00mt/ha)
 - Harga jualan FFB (RM522/mt)
 - Kos penjagaan dan penyelenggaraan (RM1,240/ha – RM2,698/ha)
 - Kadar diskaun sebelum cukai (15%)

Nilai-nilai yang digunakan dalam andaian utama merupakan penilaian jurunilai mengenai trend masa hadapan bagi industri kelapa sawit dan berdasarkan kepada sumber luaran dan sumber dalaman (data sejarah).

Berdasarkan penilaian, kerugian penurunan nilai sebanyak RM948,000 telah diiktiraf dalam untung atau rugi kerana nilai dibawa unit penajaan tunai lebih tinggi daripada jumlah yang boleh diperoleh semula.

Analisis kepekaan

- Penurunan hasil FFB sehektar sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM178,540;
- Penurunan harga FFB sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM207,692; dan
- Peningkatan 5% kadar diskaun akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM456,581.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2020 bagi terimaan dari pajakan kewangan, jumlah terhutang daripada syarikat subsidiari, hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2020 *(samb.)*

(vi) TH Pelita Gedong Sdn. Bhd.

Pada tahun semasa, satu (1) kawasan estet mengalami banjir teruk di mana dijangkakan tiada pendapatan masa depan dapat dijana dari kawasan ini.

Kumpulan telah membuat kerugian rosot nilai sepenuhnya berjumlah RM288,000 iaitu nilai dibawa PDE pada 31 Disember 2020 yang diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

(vii) THP Saribas Sdn. Bhd.

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan THPB telah menilai aset perladangan bagi tanaman penghasil ("unit penjanaan tunai") syarikat subsidiari yang tidak menunjukkan prestasi seperti jangkaan Kumpulan. Nilai dibawa tanaman penghasil pada 31 Disember 2020 berjumlah RM3,300,000. Jumlah yang boleh diperolehi tanaman penghasil adalah berdasarkan kaedah penggunaan nilai sebanyak RM29,802 sehektar.

Kaedah penilaian dan andaian yang digunakan dalam menentukan nilai dalam gunaan, serta input utama yang tidak dapat dirujuk yang digunakan dalam model penilaian tahun semasa adalah seperti berikut:

a) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*

Aset peladangan

- Aliran tunai yang didiskaunkan: Kaedah penilaian menggunakan nilai semasa aliran tunai bersih yang dijana daripada tanaman penghasil, dengan mengambil kira jangkaan unjuran hasil buah tandan segar ("FFB"), harga jualan FFB dan kos penjagaan dan penyelenggaraan. Jangkaan aliran tunai bersih didiskaunkan dengan menggunakan kadar diskaun risiko terlaras.

b) *Input penting yang tidak dapat dirujuk pada tahun semasa*

- Jangkaan unjuran hasil FFB (16.00mt/ha – 26.00mt/ha)
- Harga jualan FFB (RM433/mt - RM536/mt)
- Kos penjagaan dan penyelenggaraan (RM1,000/ha – RM3,310/ha)
- Kadar diskaun sebelum cukai (14%)

Nilai dalam penggunaan adalah berdasarkan anggaran pengurusan yang mengambil kira prestasi unit penjanaan tunai dan ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa depan yang dijangka dapat dihasilkan dari penggunaan berterusan unit penjanaan tunai. Nilai yang bersandarkan kepada andaian utama mewakili penilaian Kumpulan THPB dan sumber dalaman (data sejarah).

Berdasarkan penilaian, kerugian penurunan nilai sebanyak RM1,960,000 telah diiktiraf oleh Kumpulan THPB dalam untung atau rugi kerana nilai dibawa unit penjana tunai lebih tinggi daripada jumlah yang boleh diperolehi semula.

Analisis kepekaan

- Penurunan harga FFB sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM9,603,000;
- Penurunan hasil FFB sehektar sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM6,800,000;
- Peningkatan 1% kadar diskaun akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM3,400,000.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2020 bagi terimaan dari pajakan kewangan, jumlah terhutang daripada syarikat subsidiari, hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2020 *(samb.)*

(vii) THP Saribas Sdn. Bhd. *(samb.)*

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan THPB telah memulakan aktiviti pemulihan ke atas aset perladangan (“unit penjana tunai”) dengan nilai tercatat RM315,712,415. Kumpulan THPB komited dalam menyelesaikan aktiviti pemulihan pada tahun 2021. Daripada aktiviti pemulihan ini, Kumpulan THPB mengharapkan prestasi unit penjana tunai di kawasan dalam pemulihan akan bertambah baik dalam waktu terdekat.

Jumlah yang boleh diperolehi untuk unit penjana tunai bagi kawasan di dalam pemulihan adalah berdasarkan pada andaian bahawa aktiviti pemulihan akan terus berlangsung dalam tahun 2021, di mana aktiviti pemulihan akan meningkatkan prestasi unit penjana tunai bagi kawasan di dalam pemulihan.

Kumpulan THPB telah membuat penilaian yang signifikan dalam menilai jumlah unit penjana tunai bagi kawasan di dalam pemulihan berdasarkan kaedah nilai dalam penggunaan yang dianggarkan bernilai RM38,401 per hektar.

Kaedah penilaian dan andaian yang digunakan dalam penentuan nilai penggunaan serta input penting yang tidak dapat diperhatikan yang digunakan dalam model penilaian pada tahun semasa adalah seperti berikut:

- a) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*
 - Aliran tunai yang didiskaunkan: Kaedah penilaian menggunakan nilai semasa aliran tunai bersih yang dijana daripada tanaman penghasil, dengan mengambil kira jangkaan unjuran hasil buah tandan segar (“FFB”), harga jualan FFB dan kos penjagaan dan penyelenggaraan. Jangkaan aliran tunai bersih didiskaunkan dengan menggunakan kadar diskaun risiko terlaras.
- b) *Input penting yang tidak dapat dirujuk pada tahun semasa*
 - Jangkaan unjuran hasil FFB (16.00mt/ha – 26.00mt/ha)
 - Harga jualan FFB (RM433/mt - RM536/mt)
 - Kos penjagaan dan penyelenggaraan (RM1,000/ha – RM3,310/ha)
 - Kadar diskaun sebelum cukai bagi tanah perladangan (14%)

Nilai yang digunakan adalah berdasarkan kepada anggaran pihak pengurusan yang memperhatikan prestasi unit penjana tunai dan ditentukan melalui aliran tunai yang didiskaunkan hasil dari penggunaan berterusan unit penjana tunai. Nilai yang digunakan dalam andaian utama merupakan penilaian Kumpulan THPB mengenai trend masa hadapan dalam industri minyak sawit dan berdasarkan sumber luaran dan sumber dalaman (data sejarah).

Berdasarkan penilaian, jumlah boleh diperolehi semula dari unit penjana tunai berhubung dengan kawasan yang dibaik pulih lebih tinggi daripada nilai bawaannya. Kerugian rosot nilai sebanyak RM15,982,000 telah diiktiraf semula dalam penyata untung atau rugi Kumpulan.

Analisis kepekaan

- Penurunan harga FFB sebanyak 5% akan mengakibatkan penurunan kerugian rosot nilai diiktiraf semula sebanyak RM11,746,000;
- Penurunan hasil FFB sehektar sebanyak 5% akan mengakibatkan penurunan kerugian rosot nilai diiktiraf semula sebanyak RM10,850,000;
- Peningkatan 5% kos penjagaan dan penyelenggaraan akan mengakibatkan penurunan kerugian rosot nilai diiktiraf semula sebanyak RM4,570,000; dan
- Peningkatan 1% kadar diskaun akan mengakibatkan penurunan kerugian rosot nilai diiktiraf semula sebanyak RM8,250,000.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2019 bagi hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hak gunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan TH Plantations Berhad dibincangkan seperti di bawah:

2019

(i) Bumi Suria Ventures Sdn. Bhd./Maju Warisanmas Sdn. Bhd.

Pada 5 Disember 2019, THPB telah menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan Tamaco Plantation Sdn. Bhd. ("Tamaco") untuk melupuskan syarikat subsidiari dengan harga pembelian sebanyak RM170,000,000 dengan andaian bahawa syarikat subsidiari tersebut akan berada dalam kedudukan bebas tunai dan bebas hutang (kecuali untuk pendahuluan antara syarikat) dan tidak mempunyai aset lain selain harta tanah dan aset tetap pada tarikh transaksi pelupusan selesai. Aset semasa bersih atau liabiliti semasa bersih akan diselaraskan dengan meningkatkan atau mengurangkan harga pembelian.

Jumlah yang boleh diperoleh dari unit penajaan tunai adalah berdasarkan nilai saksama ditolak kos penjualan. Nilai saksama ditolak kos penjualan aset perladangan syarikat subsidiari dianggarkan berdasarkan penilaian Lembaga Pengarah, berdasarkan Perjanjian Jual Beli antara THPB dengan Tamaco untuk mengambilalih syarikat subsidiari tersebut pada keadaan semasa. Nilai dibawa unit penajaan tunai ("CGU") adalah lebih tinggi daripada jumlah yang boleh diperolehi. Kerugian rosot nilai sebanyak RM23,021,000 telah diiktiraf dalam penyata untung rugi Kumpulan pada tahun terdahulu.

(ii) Hydroflow Sdn. Bhd.

Pada tahun 2019, THPB telah menilai aset perladangan syarikat subsidiari yang tidak mencapai prestasi yang dijangkakan. Nilai dibawa tanaman penghasil, perbelanjaan pembangunan ladang dan hak gunaan aset pada 31 Disember 2019 masing-masing berjumlah RM18,404,000, RM32,835,000 dan RM74,366,000. Kumpulan THPB telah melantik jurunilai berdaftar pada tahun terdahulu untuk menilai aset perladangan syarikat subsidiari. Unit penajaan tunai terdiri daripada kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit dan kawasan yang tidak dapat ditanam yang mana jumlah dapat diperoleh berdasarkan laporan penilaian adalah masing-masing RM40,742 sehektar dan RM14,826 sehektar. Kumpulan berpandangan bahawa nilai saksama ditolak kos penjualan adalah konsisten seperti mana laporan penilaian tahun terdahulu kerana tidak terdapat perubahan yang ketara dalam keadaan pasaran.

Kaedah penilaian dan andaian yang digunakan dalam menentukan nilai saksama tolak kos jualan pada Tahap 3, serta input utama yang tidak dapat dirujuk yang digunakan dalam model penilaian tahun semasa adalah seperti berikut:

a) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*

- Aliran tunai yang didiskaunkan: Kaedah penilaian menggunakan nilai semasa aliran tunai bersih yang dijana daripada unit penajaan tunai ("CGU"), dengan mengambil kira jangkaan unjuran hasil buah tandan segar ("FFB"), harga jualan FFB dan kos penjagaan dan penyelenggaraan. Jangkaan aliran tunai bersih didiskaunkan dengan menggunakan kadar diskaun risiko terlaras.

b) *Input penting yang tidak dapat dirujuk*

- Jangkaan unjuran hasil FFB (6.00mt/ha – 25.00mt/ha)
- Harga jualan FFB (RM550/mt)
- Kos penjagaan dan penyelenggaraan (RM1,200/ha – RM2,000/ha)
- Kadar diskaun sebelum cukai (14%)
- Nilai tanah perladangan (Tiada)
- Kadar diskaun sebelum cukai bagi tanah (Tiada)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2019 bagi hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan TH Plantations Berhad dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2019

(ii) Hydroflow Sdn. Bhd. *(samb.)*

Nilai-nilai yang digunakan dalam andaian utama merupakan penilaian jurunilai mengenai trend masa hadapan bagi industri kelapa sawit dan berdasarkan kepada sumber luaran dan sumber dalaman (data sejarah).

Jumlah boleh diperoleh semula daripada unit penjanaan tunai adalah berdasarkan nilai saksama tolak kos jualan. Jumlah dibawa unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada jumlah boleh diperoleh semula sebanyak RM40,742 sehektar untuk kawasan bertanam dengan kelapa sawit dan RM14,826 sehektar untuk kawasan tidak bertanam. Tambahan kerugian rosot nilai sebanyak RM22,237,000 telah diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan pada tahun terdahulu.

Analisis kepekaan

- Penurunan hasil FFB sehektar sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM7,100,000;
- Penurunan harga FFB sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM8,800,00;
- Peningkatan kos penjagaan dan penyelenggaraan sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM2,500,000;
- Peningkatan 1% kadar diskaun akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM5,600,000;
- Sekiranya nilai tanah ladang adalah konsisten dengan penilaian yang dilakukan pada tahun 2017 (RM18,100/ha) yang didiskaunkan pada 4.25%, akan mengakibatkan penurunan rosot nilai sebanyak RM11,331,000; dan
- Sekiranya kadar diskaun sebelum cukai 9% digunakan, tiada penurunan rosot nilai akan dihasilkan.

(iii) THP-YT Plantation Sdn. Bhd.

Berdasarkan perjanjian tidak terikat antara THPB dengan TDM Berhad ("TDM") bertarikh 5 Disember 2019, harga tawaran untuk mengambil alih THP-YT adalah RM69,000,000 yang merangkumi RM7,000,000 untuk pemerolehan saham THP-YT Sdn. Bhd. dan TDM akan membuat pembayaran balik sebanyak RM62,000,000 berkaitan dengan jumlah hutang kepada syarikat subsidiari Kumpulan selepas pelupusan.

Jumlah yang boleh diperoleh dari unit penjanaan tunai berdasarkan nilai saksama tolak kos untuk dijual. Nilai saksama tolak kos penjualan aset perladangan syarikat subsidiari dianggarkan berdasarkan penilaian Pengarah THPB, merujuk kepada perjanjian yang tidak terikat antara THPB dengan TDM bertarikh 5 Disember 2019 untuk mengambil alih syarikat subsidiari berdasarkan keadaan semasa aset berkenaan. Nilai dibawa unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama tolak kos jualan. Kerugian rosot nilai sebanyak RM14,345,000 telah diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan pada tahun terdahulu.

(iv) TH PELITA Simunjan Sdn. Bhd.

Kumpulan telah melantik jurunilai berdaftar pada tahun terdahulu untuk menilai aset perladangan syarikat subsidiari. Unit penjanaan tunai merangkumi kawasan bertanam dengan kelapa sawit di mana jumlah boleh diperoleh semula berdasarkan laporan penilaian adalah sebanyak RM38,320 sehektar. Kumpulan berpandangan bahawa nilai saksama tolak kos penjualan adalah konsisten sepertimana laporan penilaian tahun terdahulu kerana tidak terdapat perubahan yang ketara dalam keadaan pasaran aset.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2019 bagi hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hak guna aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan TH Plantations Berhad dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2019 *(samb.)*

(iv) TH PELITA Simunjan Sdn. Bhd. *(samb.)*

Kaedah penilaian dan andaian yang digunakan dalam menentukan nilai saksama tolak kos jualan pada Tahap 3, serta input utama yang tidak dapat dirujuk yang digunakan dalam model penilaian pada tahun terdahulu, adalah seperti berikut:

- a) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan:*
- Aliran tunai yang didiskaunkan: Kaedah penilaian menggunakan nilai semasa aliran tunai bersih yang dijana daripada unit penajaan tunai ("CGU"), dengan mengambil kira jangkaan unjuran hasil buah tandan segar ("FFB"), harga jualan FFB, dan kos penjagaan dan penyelenggaraan. Jangkaan aliran tunai bersih didiskaunkan dengan menggunakan kadar diskaun risiko telaras.
- b) *Input penting yang tidak dapat dirujuk*
- Jangkaan unjuran hasil FFB (6.00mt/ha – 25.00mt/ha)
 - Harga jualan FFB (RM550/mt)
 - Kos penjagaan dan penyelenggaraan (RM1,300/ha – RM1,700/ha)
 - Kadar diskaun sebelum cukai (14%)

Nilai-nilai yang digunakan dalam andaian-andaian utama merupakan penilaian jurunilai terhadap trend masa hadapan bagi industri kelapa sawit dan berdasarkan kepada sumber luaran dan sumber dalaman (data sejarah).

Jumlah boleh diperoleh semula daripada unit penajaan tunai adalah berdasarkan nilai saksama tolak kos jualan. Berdasarkan nilai saksama tolak kos jualan, jumlah dibawa unit penajaan tunai adalah lebih tinggi daripada jumlah boleh diperoleh semula sebanyak RM38,320 sehektar untuk kawasan bertanam dengan kelapa sawit. Kerugian rosot nilai sebanyak RM31,800,000 telah diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan dalam tahun kewangan terdahulu.

Analisis kepekaan

- Penurunan hasil FFB sehektar sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM10,700,000;
- Penurunan harga FFB sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM13,200,000;
- Peningkatan kos penjagaan dan penyelenggaraan sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM3,500,000;
- Peningkatan 1% kadar diskaun akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM7,800,000;
- Sekiranya nilai tanah perladangan sebanyak RM31,540 sehektar dimasukkan dalam aliran tunai didiskaunkan pada kadar 4.25%, ia akan mengakibatkan penurunan kerugian rosot nilai sebanyak RM29,256,000;
- Sekiranya kadar diskaun sebelum cukai 9% digunakan, ia tidak akan menyebabkan sebarang kerugian rosot nilai; dan
- Sekiranya tidak ada kos penanaman semula atau pendapatan masa hadapan diambilkira jika suatu kawasan dijadualkan untuk ditanam semula sebelum akhir kitaran, maka ia akan mengakibatkan penurunan kerugian rosot nilai berjumlah RM1,000,000.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2019 bagi hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan TH Plantations Berhad dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2019 *(samb.)*

(v) PT Persada Kencana Prima

Pada tahun kewangan terdahulu, Kumpulan telah melantik jurunilai berdaftar untuk menilai ladang syarikat subsidiari yang belum mengeluarkan hasil yang dijangka. Nilai dibawa bagi perbelanjaan pembangunan ladang dan hakgunaan aset pada 31 Disember 2019 masing-masing berjumlah RM80,298,000 dan RM1,614,000. Unit penajaan tunai ("CGU") merangkumi kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit dan kawasan yang boleh ditanam di mana jumlah boleh diperoleh semula berdasarkan laporan penilaian adalah masing-masing RM6,593 sehektar dan RM13,826 sehektar. Kumpulan berpandangan bahawa nilai saksama ditolak kos penjualan adalah konsisten sepertimana laporan penilaian tahun terdahulu kerana tidak terdapat perubahan yang ketara dalam keadaan pasaran aset.

Nilai saksama tolak kos jualan adalah berdasarkan anggaran pengurusan dengan mengambil kira anggaran nilai jualan semula yang ditentukan oleh jurunilai profesional bebas, yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman terkini dengan lokasi dan kategori aset yang dinilai. Nilai saksama tolak kos jualan adalah pengukuran nilai saksama Tahap 3.

Kaedah penilaian dan andaian yang digunakan dalam menentukan nilai saksama tolak kos jualan pada Tahap 3, serta input utama yang tidak dapat dirujuk yang digunakan dalam model penilaian adalah seperti berikut:

- a) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*
 - Aliran tunai didiskaunkan: Kaedah penilaian menggunakan nilai semasa aliran tunai bersih yang akan dijana daripada unit penajaan tunai, dengan mengambil kira jangkaan unjuran hasil buah tandan segar ("FFB"), harga jualan FFB, nilai tanah perladangan pada akhir kitaran serta kos penjagaan dan penyelenggaraan. Jangkaan aliran tunai bersih didiskaun menggunakan kadar diskaun risiko terlaras.
- b) *Input penting yang tidak dapat dirujuk*
 - Jangkaan unjuran hasil FFB (7.00 mt/ha – 25.00 mt/ha)
 - Harga jualan FFB (RM298/mt - RM331/mt)
 - Kos penjagaan dan penyelenggaraan (RM640/ha – RM2,400/ha)
 - Kadar diskaun sebelum cukai bagi tanaman penghasil (13%)
 - Nilai tanah perladangan (RM10,500/ha)
 - Kadar diskaun sebelum cukai bagi nilai tanah perladangan (6%)

Nilai-nilai yang digunakan dalam andaian utama merupakan penilaian jurunilai terhadap trend masa hadapan bagi industri kelapa sawit dan berdasarkan sumber luaran dan sumber dalaman (data sejarah).

Jumlah boleh diperoleh semula daripada unit penajaan tunai adalah berdasarkan nilai saksama tolak kos jualan. Jumlah dibawa unit penajaan tunai adalah lebih tinggi daripada jumlah boleh diperoleh semula sebanyak RM6,593 sehektar untuk kawasan bertanam dengan kelapa sawit dan RM13,826 sehektar untuk kawasan boleh ditanam. Tambahan kerugian rosot nilai sebanyak RM14,940,000 telah diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan adalah berkaitan dengan penambahan pada tahun terdahulu.

Analisis kepekaan

- Penurunan hasil FFB sehektar sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM457,000;
- Penurunan harga FFB sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM457,000;
- Peningkatan kos penjagaan dan penyelenggaraan sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM457,000; dan
- Peningkatan 1% kadar diskaun akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM457,000.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2019 bagi hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan TH Plantations Berhad dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2019 *(samb.)*

(vi) TH PELITA Gedong Sdn. Bhd.

Pada tahun kewangan semasa, satu (1) kawasan perbelanjaan pembangunan ladang telah mengalami banjir besar, di mana tidak ada pendapatan pada masa hadapan yang dijangka dapat diterima dari kawasan tersebut.

Lanjutan daripada itu, Kumpulan telah merosot nilai sepenuhnya sebanyak RM5,376,000 berhubung dengan nilai dibawa perbelanjaan pembangunan ladang pada 31 Disember 2019 dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kumpulan telah melantik jurunilai berdaftar pada tahun semasa untuk menjalankan penilaian terhadap syarikat subsidiari untuk menentukan nilai saksama aset perladangan syarikat subsidiari masing-masing. Unit penajaan tunai terdiri daripada kawasan penanaman kelapa sawit dan kilang kelapa sawit yang mana jumlah boleh diperolehi berdasarkan laporan penilaian adalah masing-masing berjumlah RM39,042 sehektar, RM4,972 sehektar dan dengan keupayaan RM850,000 setiap metrik tan.

Kaedah penilaian dan andaian yang digunakan dalam menentukan nilai saksama tolak kos jualan pada Tahap 3, serta input utama yang tidak dapat dirujuk yang digunakan dalam model penilaian tahun terdahulu adalah seperti berikut:

a) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*

Aset perladangan

- Aliran tunai didiskaunkan: Kaedah penilaian menggunakan nilai semasa aliran tunai bersih perladangan, dengan mengambil kira jangkaan hasil buah tandan segar (FFB), harga jualan FFB, nilai tanah ladang pada akhir kitaran dan kos penjagaan dan penyelenggaraan. Jangkaan aliran tunai bersih didiskaunkan dengan menggunakan kadar diskaun risiko terlaras.

b) *Input penting yang tidak dapat dirujuk pada tahun semasa*

- Jangkaan unjuran hasil FFB (6.00mt/ha - 25.00mt/ha)
- Harga jualan FFB (RM510/mt - RM550/mt)
- Kos penjagaan dan penyelenggaraan (RM1,200/ha - RM2,200/ha)
- Kadar diskaun sebelum cukai (14%)

c) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*

Kilang

- Kaedah pasaran: Nilai saksama tanah kilang adalah berdasarkan kepada harga penjualan tanah yang seumpama dengan tanah tersebut di kawasan berhampiran, diselaraskan dengan perbezaan atribut utama seperti saiz hartanah. Input yang paling penting dalam teknik penilaian ini adalah harga pasaran sehektar.
- Kaedah kos penggantian: Input yang paling signifikan dalam teknik penilaian ini adalah kos penggantian sekaki persegi untuk bangunan dan kos penggantian seunit untuk loji dan mesin dan diselaraskan dengan jumlah susut nilai aset.

d) *Input penting yang tidak dapat dirujuk*

- Harga pasaran sehektar
- Kos sekaki persegi dan kos penggantian seunit
- Kadar susut nilai

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2019 bagi hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan TH Plantations Berhad dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2019 *(samb.)*

(vi) TH PELITA Gedong Sdn. Bhd. *(samb.)*

Nilai-nilai yang digunakan dalam andaian utama merupakan penilaian pengurusan terhadap trend masa hadapan industri kelapa sawit dan berdasarkan sumber luaran dan sumber dalaman (data sejarah).

Jumlah boleh diperoleh semula daripada unit penajaan tunai adalah berdasarkan nilai saksama tolak kos jualan. Jumlah dibawa unit penajaan tunai adalah lebih tinggi daripada jumlah boleh diperoleh semula sebanyak RM39,042 sehektar untuk kawasan bertanam dengan kelapa sawit, RM4,972 sehektar untuk kawasan boleh ditanam dan dengan keupayaan RM850,000 setiap metrik tan kilang kelapa sawit. Kerugian rosot nilai sebanyak RM1,473,000 telah diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan pada tahun kewangan terdahulu.

Analisis kepekaan

- Peningkatan 1% kadar diskaun akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM11,500,000;
- Penurunan harga FFB sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM20,400,000;
- Peningkatan 5% kos penjagaan dan penyelenggaraan akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM6,500,000;
- Sekiranya nilai tanah perladangan berjumlah RM74,132 sehektar (berdasarkan nilai tanah kilang) diambilkira dalam aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar 5%, ia tidak akan menyebabkan kerugian rosot nilai;
- Sekiranya kadar diskaun sebelum cukai sebanyak 9% telah digunakan, ia tidak akan menyebabkan kerugian rosot nilai; dan
- Sekiranya kos penanaman semula atau pendapatan masa hadapan tidak diambilkira jika suatu kawasan dijadualkan untuk penanaman semula sebelum akhir kitaran, maka ia akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai berjumlah RM10,100,000.

(vii) THP Saribas Sdn. Bhd.

Pada tahun kewangan semasa, Kumpulan telah melantik jurunilai berdaftar untuk menilai ladang syarikat subsidiari yang tidak mencapai jangkaan Kumpulan. Nilai dibawa bagi tanaman penghasil dan kilang syarikat subsidiari pada 31 Disember 2019 masing-masing berjumlah RM317,745,000 dan RM52,472,000. Kumpulan telah membuat pertimbangan yang signifikan dalam menilai jumlah diperoleh semula bagi ladang dengan menggunakan nilai saksama tolak kos jualan. Unit penajaan tunai terdiri daripada kawasan tanaman kelapa sawit, kawasan tanaman lain dan kilang dimana jumlah diperoleh semula berdasarkan laporan penilaian adalah masing-masing RM39,608 sehektar, RM23,810 sehektar dan dengan keupayaan RM900,000 setiap metrik tan.

Kaedah penilaian dan andaian yang digunakan dalam menentukan nilai saksama tolak kos jualan pada Tahap 3, serta input utama yang tidak dapat dirujuk yang digunakan dalam model penilaian tahun terdahulu adalah seperti berikut:

a) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*

Aset perladangan

- Aliran tunai didiskaunkan: Kaedah penilaian menggunakan nilai semasa aliran tunai bersih yang dihasilkan dari ladang, dengan mengambil kira jangkaan hasil buah tandan segar ("FFB"), harga jualan FFB, nilai tanah perladangan pada akhir kitaran dan kos penjagaan dan penyelenggaraan. Jangkaan aliran tunai bersih didiskaunkan dengan menggunakan kadar diskaun risiko terlaras.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (*samb.*)

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit (*samb.*)

Rosot nilai tahun 2019 bagi hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan TH Plantations Berhad dibincangkan seperti di bawah: (*samb.*)

2019 (*samb.*)

(vii) THP Saribas Sdn. Bhd. (*samb.*)

- b) *Input penting yang tidak dapat dirujuk*
- Jangkaan unjuran hasil FFB (5.00mt/ha - 24.00mt/ha)
 - Harga jualan FFB (RM510/mt - RM550/mt)
 - Kos penjagaan dan penyelenggaraan (RM1,200/ha - RM2,300/ha)
 - Kadar diskaun sebelum cukai (14% - 16%)

c) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*

Kilang

- Kaedah pasaran: Nilai saksama tanah kilang berdasarkan kepada harga penjualan tanah yang seumpama dengan tanah tersebut di kawasan berhampiran diselaraskan dengan perbezaan atribut utama seperti saiz hartanah. Input yang paling penting dalam teknik penilaian ini adalah harga pasaran sehektar.
- Kaedah kos penggantian: Input yang paling signifikan dalam teknik penilaian ini adalah kos penggantian berdasarkan sekaki persegi untuk bangunan dan kos penggantian seunit untuk loji dan mesin dan diselaraskan dengan susut nilai aset.

- d) *Input penting yang tidak dapat dirujuk*
- Harga pasaran sehektar
 - Kos sekaki persegi dan kos penggantian seunit
 - Kadar susut nilai

Nilai-nilai yang digunakan dalam andaian utama merupakan penilaian pengurusan terhadap trend masa hadapan industri kelapa sawit dan berdasarkan sumber luaran dan sumber dalaman (data sejarah).

Jumlah diperoleh semula dari unit penjanaan tunai berdasarkan nilai saksama tolak kos penjualan. Jumlah dibawa unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada jumlah diperoleh semula sebanyak RM39,608 sehektar untuk kawasan bertanam dengan kelapa sawit, RM23,810 sehektar untuk kawasan boleh ditanam dengan kelapa sawit dan dengan keupayaan RM900,000 setiap metrik tan kilang kelapa sawit. Kerugian rosot nilai sebanyak RM79,821,000 telah diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan pada tahun terdahulu.

Analisis kepekaan

- Penurunan harga FFB sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM43,090,000;
- Penurunan hasil sehektar sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM34,950,000;
- Peningkatan kos penjagaan dan penyelenggaraan sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM12,050,000;
- Peningkatan 1% kadar diskaun akan mengakibatkan peningkatan rosot nilai sebanyak RM20,800,000;
- Sekiranya nilai tanah ladang sebanyak RM74,132/ha (berdasarkan nilai tanah kilang) didiskaunkan pada 5%, ia tidak akan mengakibatkan sebarang kerugian rosot nilai;
- Kadar diskaun 9% untuk tanah dengan hak milik dan 11% untuk tanah Hak Adat Anak Negeri ("NCR") tiada mengakibatkan kerugian rosot nilai;
- Pengurangan kos penggantian baru loji dan mesin sebanyak 10% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM3,672,000; dan
- Peningkatan kadar susut nilai kilang sebanyak 10% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM4,672,000.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2019 bagi hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan TH Plantations Berhad dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2019 *(samb.)*

(viii) TH PELITA Sadong Sdn. Bhd.

Kumpulan telah melantik jurunilai berdaftar pada tahun semasa untuk menjalankan penilaian bagi aset syarikat subsidiari untuk menentukan nilai saksama aset perladangan syarikat subsidiari. Unit penjanaan tunai terdiri daripada kawasan penanaman dan yang boleh ditanam kelapa sawit di mana jumlah boleh diperoleh semula berdasarkan laporan penilaian adalah masing-masing sebanyak RM42,329 sehektar dan RM3,433 sehektar.

Kaedah penilaian dan andaian yang digunakan dalam menentukan nilai saksama tolak kos jualan pada Tahap 3, serta input utama yang tidak dapat dirujuk yang digunakan dalam model penilaian tahun terdahulu adalah seperti berikut:

a) *Penerangan tentang teknik penilaian dan input yang digunakan*

- Aliran tunai didiskaunkan: Kaedah penilaian menggunakan nilai semasa aliran tunai bersih yang dijana daripada unit penjanaan tunai, dengan mengambil kira jangkaan unjuran hasil buah tandan segar ("FFB"), harga jualan FFB dan kos penjagaan dan penyelenggaraan. Jangkaan aliran tunai bersih didiskaun menggunakan kadar diskaun risiko terlaras.

b) *Input penting yang tidak dapat dirujuk*

- Jangkaan unjuran hasil FFB (6.00mt/ha - 25.00mt/ha)
- Harga jualan FFB (RM510/mt - RM550/mt)
- Kos penjagaan dan penyelenggaraan (RM1,200/ha - RM2,200/ha)
- Kadar diskaun sebelum cukai (14%)

Nilai-nilai yang digunakan dalam andaian utama merupakan penilaian pengurusan terhadap trend masa hadapan industri kelapa sawit dan berdasarkan sumber luaran dan sumber dalaman (data sejarah).

Jumlah diperoleh semula dari unit penjanaan tunai adalah berdasarkan nilai saksama tolak kos penjualan. Jumlah dibawa unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi berbanding jumlah diperoleh semula sebanyak RM42,329 sehektar untuk kawasan bertanam dengan kelapa sawit, RM3,433 sehektar untuk kawasan boleh ditanam dengan kelapa sawit. Kerugian rosot nilai sebanyak RM4,894,000 telah diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan pada tahun terdahulu.

Analisis kepekaan

- Kenaikan 1% dalam kadar diskaun akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM8,100,000;
- Penurunan harga FFB sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM14,800,000;
- Penurunan hasil sehektar sebanyak 5% akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM12,100,000;
- Peningkatan 5% dalam kos penjagaan dan penyelenggaraan akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai sebanyak RM4,100,000;
- Sekiranya nilai tanah perladangan sebanyak RM74,132/ha (berdasarkan nilai tanah kilang Gedong) yang didiskaunkan pada 5% tidak akan mengakibatkan kerugian rosot nilai;
- Sekiranya kadar diskaun 9% digunakan, ia tidak akan mengakibatkan kerugian rosot nilai; dan
- Sekiranya kos penanaman semula atau pendapatan masa hadapan tidak diambilkira jika suatu kawasan dijadualkan untuk penanaman semula sebelum akhir kitaran, ia akan mengakibatkan peningkatan kerugian rosot nilai berjumlah RM6,100,000.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

42. Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit *(samb.)*

Rosot nilai tahun 2019 bagi hartanah, loji dan peralatan, perbelanjaan pembangunan ladang, hakgunaan aset, aset tak ketara dan aset dipegang untuk dijual berkaitan dengan Kumpulan TH Plantations Berhad dibincangkan seperti di bawah: *(samb.)*

2019 *(samb.)*

(ix) TH PELITA Beladin Sdn. Bhd.

Pada bulan April 2011, Kerajaan Negeri Sarawak telahewartakan kawasan seluas 1,383.70 ha (Ladang NCR Beladin) sebagai Rizab Komuniti Asli ("NCR"). Seluruh kawasan telah ditanam.

Dari tahun 2011, syarikat subsidiari telah menandatangani beberapa perjanjian Pajak Tanah dengan Pemilik Tanah hak adat asli untuk pajak tanah NCR seluas 1,223.42 ha dari 1,383.70 ha untuk mengurangkan pendedahan kepada pajak tanah.

Pada tahun kewangan semasa, Lembaga Pengarah syarikat subsidiari telah memutuskan bahawa kebarangkalian syarikat subsidiari untuk memeterai perjanjian bagi tanah NCR seluas 160.28 ha adalah tipis kerana tiada tuntutan dari pemilik tanah NCR ke atas tanah tersebut.

Oleh itu, Kumpulan telah merosot nilai sepenuhnya sebanyak RM4,189,000 jumlah dibawa perbelanjaan pembangunan ladang bagi kawasan NCR pada 31 Disember 2019 dan diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan pada tahun terdahulu.

Lembaga Tabung Haji(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)**43. Keuntungan operasi**

	Kumpulan		TH	
	2020	2019	2020	2019
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan operasi diperoleh selepas dikreditkan/(dikenakan) :				
Keuntungan/(Kerugian) dari penjualan				
- hartanah, loji dan peralatan	655	3,385	12	3,292
- hartanah, loji dan peralatan (Aset Dipegang untuk Dijual)	147	-	-	-
- hak gunaan aset	41	-	-	-
- hak gunaan aset (Aset Dipegang untuk Dijual)	13	-	-	-
- syarikat subsidiari	(8,135)	-	-	-
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 26)	(172,738)	(274,749)	(81,634)	(124,755)
Susut nilai hak gunaan aset (Nota 25)	(23,510)	(194,434)	(4,913)	(190,378)
Bayaran audit:				
- Jabatan Audit Negara	(515)	(515)	(515)	(515)
- Juruaudit lain	(3,014)	(3,844)	-	-
Bayaran sewa pejabat	(203)	(4,828)	-	-
Pajakan bernilai rendah	(3,339)	(32,273)	(2,945)	(15,339)
Pajakan jangka pendek	(500)	(48,324)	(443)	(4,033)
Kontrak pajakan disemak semula	(10,134)	(2,520)	(10,134)	(2,520)
Peruntukan manfaat persaraan (Nota 39)	(64,040)	(61,390)	(63,909)	(61,202)
Tanggungan kos haji (Nota 55)	-	(298,614)	-	(298,614)
Keuntungan/(Kerugian) bersih perbezaan tukaran asing :				
- Direalisasikan	601	58,190	(4,282)	58,328
- Tidak direalisasikan	47,716	2,839	30,681	12,029
Kos kakitangan :				
- Faedah jangka pendek pekerja	(361,135)	(400,225)	(201,035)	(217,140)
- Caruman KWSP	(40,814)	(45,188)	(26,605)	(29,027)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

44. Kos kewangan

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Kos kewangan				
- Pinjaman	41,283	68,683	-	-
- Caj pajakan kewangan dari liabiliti pajakan	41,675	26,888	31,365	21,630
	82,958	95,571	31,365	21,630

45. Zakat

Zakat merujuk kepada bayaran zakat perniagaan yang diwajibkan ke atas **TH** dan syarikat subsidiari menurut prinsip Syariah. Kaedah pengiraan zakat perniagaan adalah berdasarkan kaedah modal kerja terlaras. Tempoh asas bagi pengiraan zakat adalah berdasarkan tahun kewangan.

46. Perbelanjaan cukai

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Cukai pendapatan Malaysia				
- Tahun semasa	36,122	31,598	-	-
- (Lebihan)/Kekurangan peruntukan tahun-tahun terdahulu	(893)	3,921	-	-
Cukai pendapatan luar negara				
- Tahun semasa	4,183	-	-	-
	39,412	35,519	-	-
Cukai tertunda				
- Pengiktirafan dan pembalikan perbezaan sementara	5,727	(33,375)	-	-
- (Lebihan)/Kekurangan peruntukan tahun-tahun terdahulu	(4,843)	23,578	-	-
- Penurunan nilai aset cukai tertunda	1,124	35,575	-	-
	41,420	61,297	-	-

TH telah diberi pengecualian daripada dikenakan cukai pendapatan ke atas semua pendapatan kecuali pendapatan dividen statutori bagi tempoh lima tahun dari tahun taksiran 2017 hingga 2021 selaras dengan Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

46. Perbelanjaan cukai *(samb.)*

Penyesuaian perbelanjaan cukai Kumpulan dan **TH** berdasarkan keuntungan sebelum cukai pada kadar statutori cukai berbanding perbelanjaan cukai pada kadar cukai efektif adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,842,861	1,640,206	2,321,867	1,922,925
Jumlah cukai mengikut kadar statutori cukai di Malaysia pada 24% (2019: 24%)	442,287	393,649	557,248	461,502
Kesan dari perbezaan kadar cukai	7,964	9,463	-	-
Perbelanjaan tidak dibenarkan	97,660	108,798	-	-
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(418,950)	(392,380)	(460,288)	(355,227)
Pengiktirafan kerugian cukai yang sebelum ini tidak diiktiraf	9,999	3,687	-	-
Pendapatan dikecualikan cukai	(96,960)	(131,959)	(96,960)	(106,275)
Kesan daripada cukai tertunda tidak diiktiraf	10,724	40,774	-	-
Bahagian cukai syarikat bersekutu	(3,163)	5,270	-	-
Bahagian cukai entiti usahasama	(720)	1,296	-	-
Lain-lain	(1,685)	(4,800)	-	-
	47,156	33,798	-	-
(Lebihan)/Kekurangan peruntukan cukai tahun-tahun terdahulu				
- Semasa	(893)	3,921	-	-
- Cukai tertunda	(4,843)	23,578	-	-
	41,420	61,297	-	-

47. Maklumat segmen

Kumpulan **TH** terdiri daripada segmen-segmen perniagaan utama seperti berikut:

- (a) Pemegangan pelaburan - Pelaburan dalam syarikat yang terlibat dengan pelbagai industri perniagaan sebagai sebahagian daripada perancangan strategik Kumpulan;
- (b) Perbankan & takaful - Perbankan Islam dan penyediaan perkhidmatan yang berkaitan; menaja jamin insuran keluarga dan insurans am berunsurkan Islam ("Takaful");
- (c) Perladangan - Perladangan kelapa sawit dan jati; dan
- (d) Lain-lain - Hartanah, hospitaliti, teknologi maklumat dan marin.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

47. Maklumat segmen (samb.)

2020

Pendapatan

	Pemegangan pelaburan RM'000	Perbankan & takaful RM'000	Perladangan RM'000	Lain-lain RM'000	Pelarasan kumpulan RM'000	Jumlah disatukan RM'000
Pendapatan daripada pelanggan luar	2,698,530	-	565,043	237,719	-	3,501,292
Pendapatan antara segmen	413,247	-	-	44,645	(457,892)	-
	3,111,777	-	565,043	282,364	(457,892)	3,501,292

Keuntungan tahun semasa

Keuntungan sebelum rosot nilai	2,592,349	-	142,937	79,460	(348,749)	2,465,997
Rosot nilai, hapus kira, dan jangkaan kerugian kredit	(239,117)	-	2,854	(216,801)	(61,300)	(514,364)
Kos kewangan	(31,365)	-	(70,889)	(124,235)	143,531	(82,958)
Bahagian kerugian selepas cukai dan zakat syarikat bersekutu	-	-	-	-	(28,812)	(28,812)
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat entiti usahasama	-	-	-	2,998	-	2,998
Zakat	(105,701)	-	-	-	-	(105,701)
Cukai	-	-	(31,378)	(8,207)	(1,835)	(41,420)
Keuntungan dari operasi yang ditamatkan	-	867,901	-	-	121,117	989,018
	2,216,166	867,901	43,524	(266,785)	(176,048)	2,684,758

Segmen aset

Aset mengikut segmen	78,554,113	-	2,706,295	4,392,665	(11,968,845)	73,684,228
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	205,657	-	-	2	164,284	369,943
Pelaburan dalam entiti usahasama	-	-	-	260,710	-	260,710
Aset cukai tertunda	-	-	40,008	5,332	-	45,340
Aset dipegang untuk dijual	3,776,583	85,909,901	767,187	79,614	(3,980,459)	86,552,826
Jumlah	82,536,353	85,909,901	3,513,490	4,738,323	(15,785,020)	160,913,047

Segmen liabiliti

Liabiliti mengikut segmen	78,877,465	-	1,613,350	3,805,556	(3,773,440)	80,522,931
Liabiliti cukai tertunda	-	-	193,385	30,445	(105,235)	118,595
Liabiliti berkaitan aset dipegang untuk dijual	-	78,756,823	134,792	10,241	(5,613,192)	73,288,664
Jumlah	78,877,465	78,756,823	1,941,527	3,846,242	(9,491,867)	153,930,190

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

47. Maklumat segmen *(samb.)*

2019

Pendapatan

	Pemegangan pelaburan RM'000	Perbankan & takaful RM'000	Perladangan RM'000	Lain-lain RM'000	Pelarasan kumpulan RM'000	Jumlah disatukan RM'000
Pendapatan daripada pelanggan luar	2,735,191	-	461,946	515,683	-	3,712,820
Pendapatan antara segmen	482,193	-	-	77,553	(559,746)	-
	3,217,384	-	461,946	593,236	(559,746)	3,712,820

Keuntungan tahun semasa

Keuntungan sebelum rosot nilai	2,337,078	-	54,796	82,849	(380,219)	2,094,504
Rosot nilai, hapus kira, dan jangkaan kerugian kredit	(392,523)	-	(199,292)	(104,706)	360,417	(336,104)
Kos kewangan	(21,630)	-	(75,296)	(139,821)	217,487	(19,260)
Bahagian kerugian selepas cukai dan zakat syarikat bersekutu	-	-	-	-	21,960	21,960
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat entiti usahasama	-	-	-	(5,399)	(39,184)	(44,583)
Zakat	(86,185)	-	-	(1,812)	-	(87,997)
Cukai	-	-	(42,221)	(14,494)	(4,581)	(61,296)
Keuntungan dari operasi yang ditamatkan	-	935,369	-	180	-	935,549
	1,836,740	935,369	(262,013)	(183,203)	175,880	2,502,773

Segmen aset

Aset mengikut segmen	74,993,412	77,193,765	2,510,262	4,824,183	(14,564,347)	144,957,275
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	210,908	-	-	2	199,191	410,101
Pelaburan dalam entiti usahasama	250	-	-	261,317	173	261,740
Aset cukai tertunda	-	135,174	79,815	2,915	(114,491)	103,413
Aset dipegang untuk dijual	36,413	-	1,014,902	79,614	(85,624)	1,045,305
Jumlah	75,240,983	77,328,939	3,604,979	5,168,031	(14,565,098)	146,777,834

Segmen liabiliti

Liabiliti mengikut segmen	72,366,298	70,845,350	1,694,043	3,951,200	(8,080,132)	140,776,759
Liabiliti cukai tertunda	-	65,446	238,623	26,591	(218,995)	111,665
Liabiliti berkaitan aset dipegang untuk dijual	-	-	148,704	10,241	(6,050)	152,895
Jumlah	72,366,298	70,910,796	2,081,370	3,988,032	(8,305,177)	141,041,319

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

48. Komitmen

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Komitmen modal				
Dikontrakkan tetapi belum diperakaunkan dalam penyata kewangan:				
- Hartanah, loji dan peralatan	-	116,265	-	-
- Hartanah pelaburan	338,300	121,207	338,300	121,207
- Kos pembangunan hartanah	29,121	36,394	-	-
- Pelaburan	121,563	140,378	121,563	140,377
- Pembiayaan kepada anak syarikat	-	-	294,900	295,043
	488,984	414,244	754,763	556,627
Diluluskan tetapi belum dikontrakkan:				
- Hartanah, loji dan peralatan	42,389	26,473	-	-
- Perbelanjaan pembangunan ladang	28,706	46,792	-	-
	71,095	73,265	-	-

TH juga telah memeterai komitmen kepada Standard Chartered Bank Offshore Labuan ("SCB") bagi Sukuk dan deposit tunai yang mesti dikekalkan pada nilai minimum yang dipersetujui berbanding jumlah tertunggak di bawah kemudahan Murabahah yang diberi kepada LTH Property Holdings and LTH Property Holdings 2, seperti dinyatakan dalam Nota 38(vii).

49. Transaksi dengan pihak-pihak berkaitan

Identiti pihak-pihak berkaitan

Bagi tujuan penyediaan penyata kewangan ini, pihak-pihak tertentu adalah dianggap berkait dengan Kumpulan jika Kumpulan mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mempunyai pengaruh penting terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya.

Kumpulan mempunyai hubungkait dengan syarikat-syarikat subsidiari (Nota 22), bersekutu (Nota 21), entiti usahasama (Nota 20), pengarah-pengarah dan kakitangan pengurusan utama (Nota 49(b)).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 *(samb.)*

49. Transaksi dengan pihak-pihak berkaitan *(samb.)*

(a) Urus niaga penting dengan pihak-pihak berkaitan

Di samping baki tertunggak berkaitan entiti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan, jumlah terkumpul transaksi dan baki tertunggak berkaitan entiti dalam mana Kumpulan dan **TH** mempunyai kawalan atau pengaruh penting adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Entiti usahasama				
Pendahuluan kepada entiti usahasama	-	-	-	12,000
Penyewaan kapal	48,549	50,412	-	-
Pendapatan berkaitan lain	7,511	3,180	-	-
Syarikat bersekutu				
Dividen	-	-	6,095	8,026
Syarikat subsidiari				
Dividen	-	-	119,651	191,937
Pendapatan dari sekuriti hutang	-	-	110,808	144,268
Pendapatan dari perkhidmatan	-	-	44,645	62,553
Keuntungan pembiayaan	-	-	98,616	98,288
Hasil sewaan	-	-	26,972	27,310
Keuntungan pasaran wang	-	-	50,932	12,364

b) Kakitangan pengurusan utama

	Kumpulan		TH	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Ahli Lembaga dan Pengarah				
Fi Honorarium	410	382	410	382
Fi dan emolumen lain*	4,996	5,469	-	-
Kakitangan pengurusan utama lain:				
Ganjaran dan emolumen	76,300	75,822	24,983	26,768

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (samb.)

49. Transaksi dengan pihak-pihak berkaitan (samb.)

(b) Kakitangan pengurusan utama (samb.)

Selaras dengan Seksyen 7 Akta **TH**, ahli Lembaga **TH** tidak berhak mendapat apa-apa imbuhan tetapi boleh dibayar honorarium dan elaun perjalanan dan sara hidup sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri. Selaras dengan Seksyen 6 (1) Akta **TH**, ahli Lembaga **TH** terdiri dari yang berikut:

- seorang Pengerusi, yang dilantik oleh Menteri;
- wakil Jabatan Perdana Menteri;
- wakil Perbendaharaan; dan
- tidak lebih daripada tujuh ahli lain yang dilantik oleh Menteri.

* Bayaran dan emolumen lain untuk Kumpulan merangkumi para Pengarah syarikat subsidiari.

Pihak-pihak berkaitan merangkumi kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Kumpulan dan **TH** sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama termasuk semua pengarah syarikat subsidiari Kumpulan dan ahli Lembaga **TH**, dan kakitangan dari pengurusan kanan Kumpulan dan **TH**.

50. Dasar pengurusan risiko kewangan

Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah menunjukkan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan seperti berikut:

- Pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")
- Pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")
- Pada kos terlunas

Kumpulan	Jumlah dibawa RM'000	Pada FVTPL RM'000	Pada FVOCI RM'000	Pada kos terlunas RM'000
2020				
Aset kewangan				
Tunai dan dana jangka pendek	2,134,542	-	-	2,134,542
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	9,631,011	-	-	9,631,011
Aset kewangan pada FVTPL	4,664,332	4,664,332	-	-
Aset kewangan pada FVOCI	21,443,732	-	21,443,732	-
Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas	20,687,462	-	-	20,687,462
Aset kewangan lain pada kos terlunas	2,998,515	-	-	2,998,515
Terimaan dari pajakan kewangan	1,931,665	-	-	1,931,665
